

Jilid II
Bil. 8



Hari Khamis
17hb Mac, 1988

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1275]

MENARIK BALIK USUL:

Kelayakan Ahli bagi Kawasan Sik [Ruangan 1345]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) [Ruangan 1345]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 1423]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaannya Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat: Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR. ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).

- Yang Berhormat TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 17hb Mac, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

BANK ISLAM—KEMAJUAN

1. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kewangan menjelaskan perkembangan semasa yang telah dicapai oleh Bank Islam dari segi kemajuan dan pencapaiannya dan adakah Bank Islam sudah memasuki pasaran saham, dan jika ya, adakah saham Bank ini dibuka kepada orang ramai.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, matlamat utama penubuhan Bank Islam ialah mewujudkan sebuah bank perdagangan yang menyediakan perkhidmatan serta kemudahan bank berlandaskan hukum-hukum Islam. Perkhidmatan dan kemudahan ini disediakan kepada dua pihak, iaitu pihak yang ingin menyimpan wang dan pihak yang ingin mendapat pembiayaan daripada bank.

Sehingga 31hb Disember, 1987 Bank Islam telah menerima simpanan sebanyak \$967.4 juta dari 178,344 penyimpan. Bank Islam juga berjaya membayar keuntungan kepada

penyimpan-penyimpan ini dan kadar yang dibayar berubah dari bulan ke bulan mengikut kadar keuntungan sebenar yang dicapai oleh bank. Sebagai contoh, kadar keuntungan sebenar yang telah dibayar untuk bulan Disember, 1987 ialah di antara 3.49% hingga 6.36% bergantung kepada jenis dan tempoh simpanan yang dibuat. Dari segi pembiayaan pula, sehingga 31hb Disember 1987, Bank Islam telah mengeluarkan pembiayaan sebanyak \$535.3 juta kepada 2,847 pelanggan. Pembiayaan ini meliputi semua sektor ekonomi.

Untuk menyediakan perkhidmatannya, Bank Islam telah meluaskan rangkaian cawangannya dengan pesat dan sehingga akhir tahun 1987, Bank Islam telah berjaya membuka 19 cawangan iaitu 4 di Wilayah Persekutuan dan 15 di bandar-bandar besar di setiap negeri.

Dari segi prestasi kewangan, Bank Islam telah berjaya memperolehi keuntungan sebelum zakat dan cukai sebanyak \$4.5 juta pada tahun kewangan berakhir 31hb Disember, 1987 berbanding dengan keuntungan sebanyak \$3.7 juta pada tahun kewangan berakhir 31hb Disember, 1986, iaitu peningkatan sebanyak 21.6%.

Buat masa ini, Bank Islam mempunyai modal berbayar sebanyak \$80 juta di dalam bentuk saham biasa iaitu \$1.00 setiap satu dan ianya masih belum memasuki pasaran saham. Oleh itu, saham bank ini tidak dibuka kepada orang ramai.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Bank Islam setakat ini telah menonjolkan prestasinya yang begitu memuaskan, adakah rancangan di pihak Kerajaan untuk mengambilalih ataupun menggantikan bank-bank di seluruh negara yang dikatakan bank bukan Bank Islam dengan Bank Islam ataupun sistem pelaksanaan Bank Islam yang telah kita gunakan sekarang?

Yang keduanya, sebagaimana yang kita sedia maklum dalam sistem Islam, sistem zakat/fitrah adalah sistem yang digunakan untuk mendapatkan hasil daripada mana-mana pertubuhan sama ada perniagaan dan lain-lain untuk menyumbang kepada perbelanjaan negara. Dengan kata lain ianya seolah-olah bentuk cukai dikenakan. Dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa potongan adalah dikenakan untuk cukai dan juga untuk zakat/fitrah. Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menentukan supaya potongan itu hanya untuk zakat dan bukan untuk cukai?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengambilalih bank-bank komersial seperti yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, mengikut program Bank Islam sendiri bercadang untuk memperluaskan lagi aktiviti-aktiviti bank ini di seluruh negara dan sayugia diingat bahawa semua negeri-negeri di dalam Malaysia mempunyai sekurang-kurangnya satu cawangan Bank Islam. Tambahan pula baru-baru ini ada cadangan untuk memperluaskan lagi cawangan-cawangan Bank Islam di beberapa buah negeri di Persekutuan.

Mengenai soalan yang kedua, jawapan saya tadi menyatakan bahawa Bank Islam telah pun mencatatkan satu keuntungan sebelum zakat dan cukai.

Soalan Yang Berhormat, antara lain, menyatakan adakah Bank Islam bertujuan untuk memotong zakat bukan cukai. Walau bagaimanapun pada peringkat ini walaupun Bank Islam mengeluarkan zakat, Bank Islam juga dikenakan cukai mengikut undang-undang yang ada hari ini. Walau bagaimanapun, kalau sekiranya Yang Berhormat ada satu-satu cadangan yang bernas bolehlah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik dengan penyimpan-penyimpan yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap tadi, tetapi saya terlupa untuk mencatat jumlahnya. Soalannya, berapakah daripada penyimpan-penyimpan sama ada individu ataupun syarikat-syarikat yang boleh ditakrifkan tidak Islam yang menyimpan di dalam Bank Islam.

Kedua, bagaimana pula kaitan sama ada mereka kalau ada redha di dalam penyimpanan dan apa yang dibuat oleh Bank Islam dengan potongan zakat dan sebagainya.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pemegang-pemegang saham yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, jika sekiranya saya baca soalan Yang Berhormat itu dengan betul, pada peringkat ini iaitu pada 23hb Januari, 1988 ialah sebanyak 26 jumlahnya. Daripada senarai yang kita ada, semua pemegang-pemegang saham ini adalah badan-badan yang mempunyai unsur-unsur keislaman, jika sekiranya soalan itu betul

Tuan Hashim bin Safin: Boleh saya betulkan maksud saya, Tuan Yang di-Pertua. Penyimpan individu ataupun syarikat, jumlah penyimpan yang ada. Saya hendak tahu berapa penyimpan yang bukan Islam ke arah hasrat

hendak tahu apakah minat mereka yang tidak Islam kepada dasar sistem Bank Islam, itu saya maksudkan dan dengan redha ataupun kerana terpaksa mengguna apa sistem Bank Islam ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya tidak ada butir-butir lanjut berkenaan dengan penyimpan-penyimpan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, saya perlu kalau boleh memberi notis.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita semua maklum bahawa Bank Islam tidak ada mengenakan faedah dan dia berjalan atas jualbeli. Saya ingin tahu adakah memandangkan bahawa bank-bank perdagangan telah menurunkan faedah masing-masing baru-baru ini, adakah Bank Islam telah memperbaharui perjanjian jualbeli dengan pelanggan-pelanggan. Kalau belum, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan bagaimanakah reaksi terhadap itu daripada pelanggan-pelanggan dan kalau sudah, berapa peratuskah perjanjian-perjanjian jualbeli di antara Bank Islam dengan pelanggan-pelanggan yang telah diperbaharui.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, jika seseorang itu menandatangani sesuatu perjanjian ketika seseorang itu menjalankan perniagaan dengan bank, maka perjanjian itu sah mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan semasa tandatangan itu dijalankan. Oleh kerana itu pada rekod kita, kita tidak ada menunjukkan bahawa ada perniagaan-perniagaan yang telah pun ditandatangani perjanjian baru, apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Jadi, oleh kerana itu soalan Yang Berhormat itu tidaklah kena pada tempatnya, minta maaf saya gunakan perkataan ini, tetapi jika

sekiranya Yang Berhormat mengikuti jawapan saya tadi, kadar keuntungan ataupun kadar bayaran sebenarnya yang dibayar kepada pelanggan-pelanggan adalah berubah daripada sebulan ke sebulan mengikut keuntungan ataupun bergantung kepada tempoh simpanan yang dibuat di antara 3.49% hingga 6.39%.

PERJANJIAN PERDAGANGAN BEBAS ASEAN—AMERIKA SYARIKAT

2. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah usaha-usaha yang diambil oleh ASEAN untuk mencapai suatu "Liberalization of Economic Relations" dengan USA; adakah di dalam usaha-usaha ini ada ura-ura untuk mencapai suatu perjanjian perdagangan bebas sepertimana yang wujud di antara USA dan Israel serta Kanada; adakah ini dibincangkan di Mesyuarat Kemuncak ASEAN di Manila yang lalu. Kalau belum dibincang, adakah usaha-usaha dibuat untuk mempertengahkannya.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa buat masa ini ASEAN tidak mempunyai cadangan untuk mengadakan perjanjian perdagangan bebas dengan Amerika Syarikat sepertimana peraturan perdagangan sekarang yang wujud antara Amerika Syarikat dengan Israel serta Kanada. Namun begitu, memang terdapat usaha-usaha untuk mempertingkatkan lagi hubungan ekonomi dan perdagangan di antara ASEAN dan Amerika Syarikat. ASEAN sentiasa mempergiatkan usahanya untuk memperluaskan peluang kemasukan barangan ASEAN ke pasaran Amerika Syarikat. Ini termasuklah saranan yang dikemukakan kepada pihak Amerika Syarikat supaya barangan eksport ASEAN sentiasa

diberi pertimbangan positif di bawah Skim Keutamaan Am Amerika Syarikat (US Generalised System of Preferences) (GSP) serta memohon agar Amerika Syarikat dapat memberi kelonggaran ataupun menghapuskan beberapa peraturan "protectionist" dan sekatan-sekatan bukan tarif kepada kemasukan barangan ASEAN ke pasaran Amerika Syarikat.

Dalam usaha ke arah meningkatkan lagi hubungan kerjasama ekonomi ASEAN dengan Amerika Syarikat, satu bentuk rangka kerjasama yang lebih bermakna yang dikenali sebagai "ASEAN-US Initiative" sedang dipertimbangkan oleh kedua-dua belah pihak. Usaha ini adalah masih diperingkat awal dan oleh itu tidak dibincangkan semasa Mesyuarat Ketua-ketua Negara ASEAN yang ketiga di Manila pada 14hb-15hb Disember, 1987. Sebagai langkah permulaan, Menteri-menteri Ekonomi ASEAN berpendapat bahawa satu kajian ekonomi bersama (joint economic study) ASEAN-Amerika Syarikat dikendalikan terlebih dahulu bagi menentukan tahap kemungkinan (feasibility) serta mengenalpasti pendekatan-pendekatan yang sesuai untuk memperkukuhkan kerjasama di bidang perdagangan, pelaburan dan pemindahan teknologi. Hasil daripada kajian ekonomi bersama ini akan menentukan arah dan bentuk kerjasama ekonomi antara ASEAN dan Amerika Syarikat buat masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini di Dialog ASEAN-Amerika Syarikat Yang Ke 8 di Washington D.C. pada 10hb dan 11hb Februari tahun ini, ASEAN dan Amerika Syarikat juga telah bersetuju agar kajian ini diurus bersama untuk dipertimbangkan oleh sebuah Jawatankuasa Pemandu (Steering Committee) yang juga akan dianggotai bersama oleh kedua-dua belah pihak. Draf terakhir kajian ini dijangka disiapkan oleh Jawatankuasa Pemandu berkenaan pada bulan

Disember tahun ini untuk pertimbangan yang sewajarnya oleh Kerajaan-kerajaan anggota ASEAN serta Amerika Syarikat.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pemansuhan "preferential trade" baru-baru ini yang dilakukan ke atas Singapura oleh Amerika Syarikat merupakan satu kegagalan ke arah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, iaitu ke arah memperkuat "trade relation" di antara ASEAN dan Amerika Syarikat.

Kedua, apakah tindakan yang diambil oleh ASEAN sebagai satu kumpulan pada masa ini untuk memastikan bahawa "preferential trade" ke atas Singapura dan seterusnya ke atas mana-mana negara ASEAN diwujudkan ataupun dikekalkan.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, memang benarlah baru-baru ini pihak Kerajaan Amerika Syarikat telah pun menghentikan amalan untuk memberi skim GSP (Generalised System of Preference) ini kepada Singapura oleh kerana Kerajaan Amerika Syarikat menganggap Singapura sebagai sebuah negara yang telah pun maju seperti negara-negara Jepun, Taiwan, Korea Selatan dan sebagainya dan perkara ini telah pun ditentang dengan hebat, terutamanya oleh Singapura sendiri dan ianya mendapat sokongan daripada rakan-rakan anggota dalam ASEAN.

Dan di dialog ASEAN—Amerika Syarikat yang ke-8 pada bulan Februari baru-baru ini pihak ASEAN yang diketuai oleh Singapura dalam dialog itu telah pun menyuarakan tentangan kita yang keras terhadap tindakan Kerajaan Amerika Syarikat untuk menghapuskan skim GSP ini ke atas Singapura dan kita sedang

menunggu tindakan selanjutnya daripada Kerajaan Amerika Syarikat agar apa yang dicadangkan hendak dibuat itu dapat ditimbang semula agar ianya dapat ditarik balik.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah beliau bersetuju bahawasanya dasar negatif USA sekarang ini terhadap negara-negara ASEAN, terutama Malaysia, negara kita dalam konteks perdagangan adalah disebabkan oleh kerana dasar luar kita yang tegas bersabit dengan isu-isu yang berkait juga dengan politik antarabangsa. Sebab kita tahu bahawa USA ini adalah sebuah negara yang sentiasa menolong kawasan-kawasan di peringkat antarabangsa apabila mereka mempunyai kepentingan lebih daripada kita, ertinya hendak memperalatkan negara-negara tertentu baharulah mereka menolong kita. Oleh sebab itu apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju kalau saya menyatakan bahawa memandangkan keadaan seperti ini, seperti yang telah berlaku, anti minyak sawit dan sebagainya, apakah negara-negara ASEAN termasuk kita sendiri memperhalakan perdagangan kita dengan lebih hebat daripada negara-negara lain, sebab kita sudah tahu dasar Amerika Syarikat yang sentiasa mencari keuntungan dirinya.

Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, ada tempatnya saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat tadi, dan ada tempat yang lain saya kurang setuju dengan alasan yang berikut. Dasar negatif yang dianggapkan wujud seperti yang telah pun dikatakan oleh Yang Berhormat tadi terhadap negara-negara ASEAN, ini tidaklah khusus terhadap negara-negara ASEAN sahaja, oleh kerana kita semua tahu

bahawasanya Amerika Syarikat sekarang ini sedang mengalami satu keadaan ekonomi yang agak meruncingkan dan tidak menentu yang mana mereka sendiripun telah meminta pula pertolongan daripada negara-negara yang lebih maju seperti Jepun, Korea Selatan dan sebagainya untuk membantu mereka memulihkan semula ekonomi, makanya itu sebab Kerajaan Amerika Syarikat terpaksa juga membuat berbagai-bagai perubahan baru untuk memperkukuhkan ekonomi dalam mereka dengan mewujudkan berbagai-bagai dasar yang mungkin dianggapkan negatif oleh negara-negara luar seperti dengan contohnya negara Filipina, Thailand yang banyak berdagang dengan Amerika Syarikat lebih daripada Malaysia.

Kita dianggapkan mungkin yang kelima dari segi jumlah perdagangan dua hala Amerika Syarikat dengan anggota-anggota ASEAN, makanya itulah perkara-perkara yang berlaku sekarang ini yang telah menimbulkan berbagai-bagai masalah yang mana kita harap dasar seperti dasar protectionism, dasar anti kelapa sawit, anti minyak kelapa dan sebagainya akan dapat ditimbang semula semoga ekonomi kita di ASEAN, ekonomi Amerika Syarikat sendiri dan ekonomi dunia tidak terjejas. Saya percaya perkara-perkara ini sedang dibincangkan oleh negara-negara tertentu, dengan negara-negara yang maju untuk mereka pertimbangkan dan mengubah dasar ekonomi antarabangsa untuk memperkukuhkan ekonomi masing-masing.

Oleh kerana Amerika Syarikat adalah negara yang besar dan penting, kita tidak juga ingin melihat ianya runtuh daripada segi ekonominya, maka kita fikirkan negara-negara yang kaya ini akan dapat menggubal satu dasar baru untuk memperkukuhkan ekonomi super power ini supaya dunia dan iklim ekonomi dapat diselamatkan.

FERI PENUMPANG DI PULAU PINANG

3. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan feri-feri di bawah Suruhanjaya Pulau Pinang dengan menyatakan:

- (a) berapakah dari feri-feri ini yang tidak digunakan dengan memberi sebab-sebab mengapa ianya tidak digunakan dan sama ada terdapat sebarang rancangan untuk menjual feri yang tidak diperlukan lagi; dan
- (b) hasil tahunan bagi lima tahun kebelakangan ini dan kos penyelenggaraan bagi lima tahun kebelakangan ini.

Menteri Pengangkutan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Suruhanjaya Pelabuhan Pinang mempunyai 13 buah feri, iaitu 7 buah feri penumpang dan kenderaan dan 6 buah feri kenderaan ataupun vehicular ferry. Berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang pada tahun 1987, Suruhanjaya memerlukan hanya 11 buah feri iaitu 6 buah feri penumpang dan kenderaan dan 5 buah feri kenderaan untuk menampung kenderaan dan penumpang-penumpang dari Butterworth ke Pulau Pinang dan sebaliknya. Dengan yang demikian, SPPP mempunyai 2 buah feri berlebihan, iaitu Pulau Talang-Talang dan Pulau Langkawi.

Mengikut rancangan SPPP, feri Pulau Langkawi akan digunakan untuk mengganti 3 buah feri penumpang kenderaan yang perlu menjalani pemeriksaan 20th year survey, dengan izin. Pemeriksaan tiap-tiap buah feri akan mengambil masa selama 3 bulan. Ini bermakna jumlah masa pemeriksaan adalah selama 9 bulan, iaitu sehingga akhir tahun 1988.

Pihak SPPP kini sedang menjalankan kajian dengan terperinci

untuk memastikan tindakan yang perlu diambil ke atas 2 buah feri berlebihan tersebut, dan ada kemungkinan besar kedua-dua feri ini akan digunakan untuk perjalanan feri Johor-Singapura yang sedang dirancangan.

Jawapan kepada soalan (b) hasil tahunan untuk tahun 1987 adalah:

<i>Tahun</i>	<i>Hasil Tahunan</i>
1987.. .. .	\$17.9 juta
1986.. .. .	\$18.1 juta
1985.. .. .	\$26.8 juta
1984.. .. .	\$29.9 juta
1983.. .. .	\$28.3 juta

Dan kos penyelenggaraan iaitu repair and maintenance cost adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Kos Penyelenggaraan</i>
1987.. .. .	\$5.04 juta
1986.. .. .	\$4.9 juta
1985.. .. .	\$4.8 juta
1984.. .. .	\$5.4 juta
1983.. .. .	\$5.07 juta

Tuan Teoh Teik Huat: Soalan tambahan. Dengan jawapan yang diberi oleh Menteri Pengangkutan bahawa hasil perkhidmatan Feri adalah berkurangan 5 tahun, bolehkah Menteri Pengangkutan memberitahu sama ada bantahan dibuat terhadap cadangan Menteri Kerja Raya untuk mengurangkan hasil tol Jambatan Pulau Pinang. Jika ya, apakah jawapan yang diberi oleh Menteri Kerja Raya.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada bantahan daripada Kementerian Pengangkutan kepada cadangan Menteri Kerjaya untuk mengurangkan tol yang sedia ada di Jambatan Pulau Pinang. Tetapi apa yang telah dipersetujui antara kedua-dua Kementerian adalah satu kajian terperinci dibuat mengenai feri dan juga pendapatan Jambatan Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah oleh kerana ada beberapa faktor penting yang terpaksa dikaji sebelum satu keputusan muktamad dibuat. Faktor-faktor yang penting adalah seperti pada ketika ini, tiap-tiap tahun jumlah 5.6 juta orang berjalan kaki menggunakan feri yang ada dan kebanyakan rakyat ini adalah dari golongan miskin.

Ada juga orang yang berbasikal yang sedang menggunakan feri ini yang berjumlah 318,000 setahun dan ini juga dari golongan miskin. Ada juga 2.7 juta buah motosikal yang menggunakan feri yang ada sekarang dan ini juga saya percaya adalah dari golongan miskin dan demi menjaga orang yang miskin ini kami terpaksa membuat satu kajian yang terperinci mengenai sama ada penurunan tol dengan serta-merta ini akan mengakibatkan kerugian yang besar oleh Perkhidmatan Feri, tetapi apa yang didapati dari awal kajian ini adalah oleh kerana ada faktor-faktor penting yang saya telah sebutkan tadi, saya percaya Kerajaan Pusat boleh membuat satu keputusan iaitu Perkhidmatan Feri adalah satu perkhidmatan yang perlu dan akan dijalankan selama-lamanya. Apa yang mustahak dan penting pada ketika ini adalah untuk memastikan tahap operasi yang wajar untuk menampung keperluan rakyat jelata. Kajian ini sedang dijalankan dan sebelum kajian ini dihabiskan, keputusan muktamad mengenai beberapa isu tidak akan dibuat.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian berkenaan di atas kajian yang telah dilakukan berkaitan dengan Perkhidmatan Feri. Tetapi saya ingin dapat tahu dengan keadaan perkhidmatan Jambatan Pulau Pinang ini sebab apakah kita tidak boleh mencari jalan bagaimana Perkhidmatan Feri untuk kenderaan boleh dibatalkan dan perkhidmatan

kenderaan itu dipindah kepada Jambatan Pulau Pinang ini untuk menaikkan hasil di atas Jambatan Pulau Pinang ini oleh kerana kita dapat tahu inilah satu kerugian yang begitu besar kepada Kerajaan Pusat.

Dato' Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas cadangan Ahli Yang Berhormat itu. Faktor itu adalah di dalam kajian yang terperinci ini tetapi apa yang saya ingin beritahu adalah setakat ini ada lagi mungkin kurang daripada 50% kenderaan-kenderaan motor yang dahulu semuanya melalui, melintasi atau menyeberangi Selat ini melalui feri tetapi sekarang telah berpindah kepada Jambatan Pulau Pinang dan semakin lama semakin meningkat peratusan kenderaan motor yang melintasi Selat ini melalui Jambatan Pulau Pinang. Tetapi apa yang ada sekarang yang masih lagi menggunakan feri adalah orang peniaga oleh kerana kedua-dua terminal feri sama ada di Pulau Pinang atau di Butterworth adalah dekat sangat dengan pusat-pusat perniagaan sama ada di Pulau Pinang atau di Butterworth, dan jikalau orang ini hendak menggunakan Jambatan Pulau Pinang, mereka mestilah berjalan jarak jauh hampir 30 kilometer dan walaupun demikian, faktor ini adalah dalam kajian.

BAHASA MALAYSIA BAKU DI SEKOLAH RENDAH/MENENGAH

4. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah penggunaan Bahasa Malaysia Baku dapat dilaksanakan sepenuhnya di Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah di negara ini. Dan adakah benar guru-guru pelatih yang menggunakan bahasa daerah akan dimasukkan semula ke Maktab Perguruan sebagai persediaan bagi menguasai Bahasa Malaysia Baku.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan Bahasa Malaysia Baku memang sudah lama digunakan di Sekolah Rendah dan Menengah. Bahasa baku bererti bahasa yang mempunyai aturan sistem ejaan, perbendaharaan kata umum, istilah dan sebutan yang standard. Istilah "baku" digunakan dengan maksud mantap, seragam, selaras dan digunakan dengan meluas sebagai ciri bahasa yang betul.

Bahasa Malaysia yang kita gunakan hari ini telah mencapai taraf bahasa baku dalam tiga aspek yang utama, iaitu tatabahasa perbendaharaan, kata umum dan kata istilah yang sudah mantap penggunaannya dalam sistem ejaan Rumi dan Jawi. Tetapi sistem sebutan bagi Bahasa Malaysia belum mencapai taraf baku iaitu sebutan masih belum seragam dan selaras di kalangan semua penutur Bahasa Malaysia. Jadi cuma sebutan baku dalam Bahasa Malaysia akan dilaksanakan pada tahun ini secara berperingkat. Sebutan baku yang dimaksudkan itu iaitu satu cara sebutan yang seragam dan sesuai untuk digunakan dalam keadaan formal atau rasmi seperti untuk digunakan oleh guru dan pelajar dalam mesyuarat rasmi, perbincangan, persidangan dan seminar melalui media-media seperti penyampaian hebahan dan pembacaan berita.

Pada amnya cara sebutan baku bagi Bahasa Malaysia adalah berdasarkan kepada ejaan iaitu menyebut perkataan menurut ejaan Rumi. Walau bagaimanapun, peraturan menyebut perkataan menurut ejaan Rumi tidak akan berlaku 100%. Ia tidak akan berlaku bagi semua perkataan dan kata-kata istilah agama Islam akan dilafazkan menurut bunyinya yang asal seperti dalam bahasa Arab sebagaimana yang dilambangkan dalam tulisan Jawi.

Cara sebutan baku yang mula kita perkenalkan dan dilaksanakan di sektor pendidikan sekarang ini pada umumnya tidak sama dengan cara sebutan baku yang digunakan dalam bahasa Indonesia, dalam Bahasa Melayu di Singapura atau dalam Bahasa Melayu di Brunei Darussalam. Jikalau terdapat cara-cara sebutan yang sama, maka keadaan itu berlaku secara kebetulan. Hal ini terjadi demikian adalah kerana sistem ejaan Rumi Bahasa Malaysia berdasarkan ejaan bersama yang dirasmikan pada tahun 1972. Ejaan Rumi tahun 1972 itu diperkemas pada tahun 1975 dan sejak itu telah digunakan dengan rasminya di dalam pendidikan dan di semua sektor yang lain.

Untuk menentukan kekesan pelaksanaan sebutan baku ini, seperti yang telah ditanya oleh Yang Berhormat tadi, ialah melalui pengajaran di sekolah-sekolah maka guru-guru yang kurang berkebolehan dalam hal ini akan diberi kursus amali sebelum mereka diminta mengajar dengan menggunakan sebutan baku. Dalam pada itu Kementerian Pendidikan sedang berusaha untuk memastikan bahawa semua guru pelatih yang tamat kursus pada akhir tahun ini mempunyai kemahiran untuk menggunakan Bahasa Malaysia Baku.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Pendidikan apakah makna asal perkataan "baku", adakah "baku" merupakan satu acronym seperti MARA dan sebagainya dan kenapa pula kita memilih perkataan "baku"? (*Ketawa*)

Dr Leo Michael Toyad: Makna perkataan "baku" itu adalah perkataan berasas kepada dasar atau prinsip.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan masih ada guru-guru

Bahasa Malaysia sendiri yang tidak begitu mahir dalam Bahasa Malaysia Baku, baik dari segi sebutan mahupun dari segi tulisan, saya ingin mengetahui sama ada pihak Kementerian Pendidikan mempunyai apa-apa rancangan untuk melatih semula golongan guru-guru ini?

Dr Leo Michael Toyad: Ini saya telah katakan tadi di mana guru-guru yang ada kelemahan dalam menggunakan sebutan ini akan diberi kursus amali dan Kementerian masa kini sedang menyediakan garis panduan atau pedoman dalam sebutan dan penggunaan bahasa baku dalam bidang pendidikan di sekolah-sekolah.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, menyedari bahasa penggunaan bahasa baku di sekolah-sekolah, di maktab, "universiti-universiti" (*Ketawa*) sering menimbulkan kesusahan, menimbulkan keunikan dan juga menjadi bahan ketawa kerana keasingan bunyinya seperti "unit-unit", "universiti", "agensi", "terminologi", "bank-bank", "telefon", "psikologi", "uno-uno" dan sebagainya (*Ketawa*), jadi apakah usaha Kementerian bagi menjadikan bunyi yang asing serta agak aneh ini supaya menjadi sesuatu yang normal dan menjadi satu pertuturan yang biasa sebagaimana yang terdapat di kalangan rakyat Indonesia? Dan apakah usaha-usaha yang akan dijalankan oleh pihak Kementerian bagi memastikan bahawa pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah dan juga universiti apabila dia keluar nanti bunyi yang dipelajari, yang digunakan di universiti ataupun sekolah selama ini tidak menjadi suatu yang asing, dan dapat diterima oleh orang lain. Adakah Kementerian telah bersedia mempunyai satu rancangan dengan Kementerian-kementerian yang lain, agensi-agensi yang lain supaya perjalanan dan bentuknya terancang,

tersusun dan dapat diterima oleh semua orang, bukan murid-murid sekolah sahaja.

Dr Leo Michael Toyad: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, atas soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Maran tadi, bahawa kita ada menyediakan satu garis panduan, pedoman untuk melaksanakan sebutan bahasa baku dalam sekolah-sekolah kita. Dan sebagaimana bahasa yang lain juga kita ada pengecualian dalam sebutan-sebutan bukan secara rata, dan ini juga dialihkan kepada guru-guru di sekolah-sekolah dalam buku panduan dan juga kaset-kaset yang disediakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mengenai kerjasama dengan agensi-agensi yang lain dan badan-badan, kalau kita merasa kurang sedap mendengar menggunakan "agensi-agensi", istilah yang lain dalam bahasa kita memang banyak, kita boleh menggunakan perkataan seperti "Badan-badan Berkanun" kalau tidak merasa senang menggunakan "agensi-agensi" dan seperti dalam Dewan juga, kita mendengar rakan-rakan kita menggunakan perkataan seperti "situasi" yang kita merasakan asing. Tetapi kita pun boleh menggunakan bahasa asal kita seperti perkataan "keadaan" atau "iklim" atau "suasana" yang dapat digunakan untuk menyampaikan apa yang kita ingin.

Beberapa Orang Ahli: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, Yang Berhormat! Mereka tidak faham bahasa baku agaknya. Yang Berhormat dari Arau!

Tuan Shahidan bin Kassim: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, beri Yang Berhormat dari Marang dahulu, beliau tidak faham.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, misal kata "unik" itu "unik" hendak tukar apa? Macam "universiti", "universiti" hendak tukar apa? Takkan hendak tukar "sekolah-sekolah tinggi", begitu juga "bank-bank" kita mesti sebut "bank-bank" hendak sebut apa? "Psychologi" daripada perkataan "psychology" takkan kita hendak sebut "logi-logi lain". (*Ketawa*) Jadi kita mesti stick kepada "unik-unik", "universiti-universiti". Saya bukan minta tukar "situasi" dengan "keadaan", "agensi" dengan "Badan-badan Berkanun". Saya bukan sebut itu, itu peralihan penggantian perkataan, yang saya hendak maksudkan benda yang sudah tetap "unik" hendak sebut apa?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): "Unik" itu apa Yang Berhormat?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: "Unik" itu "unik", Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya pun tidak faham.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tengok ini, bila saya sebut semua orang ketawa, ini baru kita, kalau sekolah lagi orang ketawa.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat mengatakan dia menyebut "unik" dan "unik" di sini kita ketawa, tetapi kalau Yang Berhormat pergi ke peringkat sekolah-sekolah rendah, kemungkinan itu tidak asing kepada mereka, kerana mereka yang telah menggunakan perkataan "unik" dan "universiti" dalam pidato-pidato di sekolah-sekolah dan perkataan yang lain itu

masih kita pertimbangkan, seperti yang saya sebutkan tadi untuk dikecualikan secara kita menyebutkannya.

PENYEBARAN BAHAN CETAK PENERANGAN

5. Tuan Haji Abdul Manaf bin Ahmad minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang memperluaskan lagi penyebaran bahan-bahan cetak penerangan selaras dengan kempen rajin membaca.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan memang bercadang hendak memperluaskan lagi penyebaran bahan-bahan cetak penerangan supaya lebih ramai lagi yang dapat memperolehi keterangan mengenai dasar-dasar Kerajaan melalui bahan-bahan cetak Jabatan Penerangan di samping dapat meningkatkan lagi kegemaran membaca di kalangan masyarakat kita.

Bahan-bahan cetak penerangan ini Kementerian edarkan kepada orang ramai melalui berbagai saluran terutamanya melalui Jabatan-jabatan Penerangan di daerah-daerah juga melalui pegawai-pegawai dan pembantu penerangan yang sentiasa dari semasa ke semasa menemui orang ramai di tempat-tempat yang telah disusun.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan adanya penyebaran bahan-bahan cetak penerangan selaras dengan kempen "Rajin Membaca" ini, saya ingin tahu daripada Kementerian Penerangan, apakah tahap pencapaian penyebaran ini; dan

Kedua, apakah sambutan daripada pihak orang ramai itu memuaskan, jikalau tidak adakah Kementerian Penerangan merancang untuk mempertingkatkan lagi cara penyebarannya.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tahap pencapaian bahan-bahan cetak penerangan yang diedarkan oleh Jabatan Penerangan selama ini adalah amat memuaskan, walaupun masih ada beberapa perkara yang boleh diperbaiki.

Sebagaimana yang kita maklum bahawa bahan-bahan cetak penerangan ini adalah diedarkan secara percuma, mungkin ada beberapa perkara yang kurang memuaskan kerana ia berbentuk percuma dan dari Kerajaan pula. Maka ada sebilangan kecil di kalangan kita yang tidak memberi penghargaan yang sewajarnya, walaupun mutu cetak kertas dan lay-outnya baik dan menarik.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan mengenai usaha-usaha untuk memperluaskan penyebaran bahan-bahan bacaan ini, berapa banyakkah buku-buku terbitan yang lalu dan berapa yang dicadangkan untuk tahun 1988 ini, kalau boleh sebutkan tajuk-tajuknya, kalau dapat.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bahan-bahan cetak penerangan ini mempunyai berbagai-bagai jenis, ada penerbitan secara tetap dan juga ada penerbitan secara berkala dan kalau saya sebutkan bolehlah setakat yang saya ingat bahawa penerbitan secara tetap itu ia adalah berbentuk majalah seperti Majalah Sinar Zaman, Majalah Tausheh dan juga Majalah Udayam

dalam bahasa Tamil. Dan yang berkala seperti buku-buku kecil, buku-buku bergambar, buku-buku cenderamata, folder bergambar, poster dan sebagainya. Tentang bilangan itu saya minta supaya dapat memberi notis.

KONTRAK BAGI PENGUSAHA KANTIN

6. Tuan Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Buruh menyatakan sama ada pengusaha-pengusaha kantin sekolah yang mendapat kontrak mengusahakan kantin secara tender setahun ke setahun tertakluk keseluruhan perusahaannya di bawah Akta Buruh yang mana setiap pekerja mesti didaftar, diberi perlindungan SOCSO dan mencarum kepada KWSP dan sebagainya walau pekerja merupakan pekerja sambilan. Jika ya, apakah Kementerian bercadang hendak memberi kelonggaran ke atas peraturan tersebut dan jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Buruh (Tuan Kalakau Untol): Tuan Yang di-Pertua, pengusaha-pengusaha kantin sekolah yang mendapat kontrak mengusahakan kantin secara tender setahun ke setahun adalah dianggap sebagai majikan dan adalah tertakluk di bawah Akta Kerja 1955, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951 walaupun pekerja-pekerja mereka merupakan pekerja sambilan.

Setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk memberi apa-apa kelonggaran berkenaan dengan peraturan yang ada kerana ia adalah untuk memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri

mengenai apakah tindakan yang telah diambil kepada majikan-majikan yang tidak memberi perlindungan SOCSO dan pencaruman kepada KWSP?

Tuan Kalakau Untol: Biasanya pekerja-pekerja akan melaporkan kepada Jabatan Buruh dan agensi-agensi yang terlibat dan Kementerian akan mengambil tindakan susulan.

Tuan Haji Basri bin Bajuri: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Biasanya kantin-kantin sekolah dijalankan oleh pengusaha-pengusaha kecil dan kantin-kantin ini juga bukan merupakan satu perniagaan yang menguntungkan, sebaliknya merupakan satu perkhidmatan. Jika pihak Kerajaan mengenakan kawalan yang ketat terhadap perusahaan ini, mungkin ini akan menjejaskan perkhidmatan mereka. Yang kedua, saya ingin bertanya sama ada pihak Kementerian dapat memberi jawapan kepada saya berapa banyakkah sekolah yang selama ini telah mengikut peraturan-peraturan yang dikenakan oleh Kementerian Buruh ini? Kalau boleh, berikan bilangannya, dan kalau tidak, berilah jawapan secara bertulis, kerana sepanjang yang saya tahu, tidak banyak sekolah ataupun kantin sekolah yang mengikut peraturan yang dikenakan oleh Kementerian ini.

Tuan Kalakau Untol: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memandang berat kepada perlindungan kepada pekerja-pekerja. Maka itu buat masa ini Kerajaan tidak lagi bercadang memberi kelonggaran kepada perkara itu.

Mengenai dengan jumlah, saya akan beri jawapan secara bertulis.

HUTANG PENGGUNA-PENGGUNA AIR DI SABAH

7. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kerjaraya menyatakan

berapakah hutang-hutang yang belum dijelaskan oleh pengguna-pengguna air di negara ini kepada Jabatan Air dan sama ada benar bahawa pengguna-pengguna air di Sabah masih berhutang sebanyak \$33 juta. Mengapakah jumlah sebanyak ini boleh terkumpul sedangkan pembayaran sepatutnya dipungut tiap-tiap tiga bulan.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hutang-hutang yang belum dijelaskan oleh pengguna-pengguna air di seluruh negara ini kepada pihak berkuasa air adalah sebanyak \$171.8 juta pada akhir tahun 1987.

Jumlah besar tunggakan bil air yang terhutang ditanggung oleh Jabatan Air Negeri Sabah dari pengguna-penggunanya adalah \$34.5 juta di akhir bulan September, 1987. Alasan utama bagi jumlah tunggakan yang tinggi ini adalah kerana pengguna-pengguna air di negeri Sabah tidak membayar bil mereka dengan tetap. Di negeri Sabah, bil air dikeluarkan tiap-tiap tiga bulan sekali. Dari jumlah lebih kurang 103,500 akaun pengguna pada satu-satu masa, dianggarkan lebih kurang 75% pengguna yang lambat atau tidak membayar bil air.

Oleh yang demikian, antara tindakan-tindakan yang diambil ialah pemotongan bekalan air pengguna-pengguna yang enggan membayar bil dalam jangka masa yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, tindakan itu tidak dapat dijalankan dengan sempurna kerana Jabatan Bekalan Air tidak mempunyai cukup kakitangan, tambahan pula kedudukan pengguna-pengguna adalah berselerak dan memerlukan perkerja yang lebih ramai. Walau tindakan pemotongan bekalan air diambil, peratusan pengguna yang enggan membayar bil air masih lagi tinggi. Cara terakhir untuk mendapatkan semula tunggakan yang terhutang itu ialah dengan

mengambil tindakan undang-undang ke atas pengguna-pengguna yang enggan membayar bil, tetapi ini memakan masa yang lama.

Saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Aru menasihati pengguna-pengguna dari kawasannya membayar bil-bil mereka dengan tetap, kerana apa yang dikutip oleh Kerajaan, itulah juga yang dibekalkan balik kepada mereka.

PROTON SAGA—IMPORT ALAT GANTI

8. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa lebih daripada 57 peratus komponen atau alat ganti Proton Saga yang ada sekarang dibuat di Jepun dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kandungan alat ganti dalam kereta kebangsaan kita kepada jumlah yang paling minimum.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir Februari, 1988, kandungan komponen Proton Saga yang diimport daripada Jepun ialah 55%. Oleh itu, kenyataan Yang Berhormat seperti dalam soalan adalah tidak benar.

Dalam usaha mengurangkan kandungan komponen dari Jepun, PROTON Saga sedang mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) meningkatkan kandungan tempatan dalam kereta nasional dengan menggalakkan industri tempatan mengeluarkan komponen-komponen Proton Saga;
- (ii) mendapatkan bahan-bahan dan komponen dari negara-negara selain daripada Jepun. Dalam hal ini, beberapa negara telah dikenalpasti iaitu Korea, Taiwan dan Australia. Usaha ini dijalankan untuk mengelakkan dari membayar harga

yang tinggi bagi komponen dari Jepun yang disebabkan oleh kenaikan nilai mata wang Yen; dan

- (iii) pada masa ini PROTON telah mengeluarkan komponen-komponen badan kereta untuk kegunaan sendiri. PROTON juga sedang mengkaji kemungkinan untuk mengeluarkan badan-badan kereta untuk memenuhi keperluan syarikat-syarikat pemasangan kereta yang lain.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan ini saya hendak tanya terkeluar sedikit. Tetapi saya percaya Yang Berhormat Menteri mempunyai jawapan iaitu berhubung dengan pemasaran, sebab saya tidak bertanya soalan ini pada minggu yang lepas. Saya ingin bertanya, mengapakah Proton Saga tidak dapat memasuki pasaran di Thailand dan juga di Singapura. Mengapakah kita bertungkus-lumus untuk pergi jauh daripada itu kerana Singapura dan Thailand banyak membantu kita dan kita banyak membantu mereka, tetapi kita tidak dapat mengeksport kereta Proton Saga ke negara-negara yang berkenaan.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita untuk meningkatkan pasaran Proton Saga ke luar negeri, pihak PROTON akan membuat kajian yang teliti mengenai keadaan pasaran dalam tiap-tiap satu negara dan juga kita akan mengkaji tentang kadar tarif yang akan dikenakan. Sekiranya keuntungan yang kita dapati melalui pemasaran kereta ke satu-satu negara tidak begitu menguntungkan dan sekiranya kemahuan ataupun permintaan pasaran dalam satu-satu negara itu tidak begitu banyak, maka sasaran kita ialah ke negara yang lain yang mempunyai banyak pasaran, yang mempunyai banyak penduduk

seperti negara-negara yang besar iaitu Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia. Kita tahu bahawa di negara Thailand, mereka sendiri mempunyai satu kilang membuat kereta mereka sendiri dan adalah sukar bagi kita untuk menandingi mereka dalam aspek kos pengeluaran oleh kerana kereta itu seakan-akan sama dengan kereta Proton Saga yang dikeluarkan di negara kita ini.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, yang pertamanya ialah bukanlah saya hendak menyebelahi Wakil dari Bukit Bintang yang mengatakan bahawa 57%. Jumlah yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri ialah 55%. Bezanya hanya 2%, hampir betul.

Yang kedua, Yang Berhormat Menteri tadi telah mengatakan bahawa usaha dibuat untuk mendapatkan alat-alat ganti daripada negara-negara lain seperti Korea dan sebagainya dan ini masih membuktikan bahawa kita masih bergantung kepada negara-negara luar untuk membeli alat-alat ganti ini. Tidakkah usaha sepenuhnya dibuat oleh pihak Kerajaan untuk menentukan supaya alat ganti ini 100% datang daripada Malaysia?

Yang ketiganya ialah soal alat ganti didapati bahawa beberapa bahagian alat ganti ini nampaknya tidak begitu memuaskan, misal kata ekzos didapati bahawa ekzos Proton Saga ini tidak begitu lasting, dengan izin. Selalu tukar setahun sudah perlu ditukar. Jadi apakah sebabnya dan apakah langkah diambil untuk menentukan supaya alat-alat ganti ini lebih lasting lagi daripada apa yang kita perolehi sekarang?

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam penerangan ataupun jawapan saya itu saya telah berkata bahawa kita akan

mencari alternatif untuk membekalkan alat-alat ganti selain daripada Jepun oleh kerana kenaikan mata wang Yen Jepun begitu tinggi dan alat-alat ganti yang kita ambil daripada luar negeri ini iaitu dari tempat lain ialah alat-alat ganti yang belum lagi kita dapat keluarkan di tempat kita sendiri.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Simunjan, pada masa ini kita telah pun memakai sebanyak 305 komponen tempatan dalam Proton Saga iaitu termasuklah 267 komponen badan kereta yang dibentuk oleh PROTON sendiri dan sebanyak 38 komponen yang dibuat oleh pengilang-pengilang lain iaitu di Malaysia juga.

Sebanyak 101 lagi komponen-komponen masih lagi dalam peringkat pembangunan bagi tempoh 1988 dan 1989. Insya Allah sekiranya tindakan-tindakan yang diambil oleh PROTON dan juga pengilang-pengilang tempatan ini dapat sambutan daripada orang ramai maka alat-alat ganti tempatan dalam komponen Proton Saga akan meningkat dari semasa ke semasa.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada lagi?

Tuan Kasitah bin Gaddam: Ada satu lagi. Mengenai accessori iaitu ekzos paip yang dikatakan tidak begitu baik iaitu tiap-tiap satu tahun akan diganti. Saya ingat ini satu teguran yang tidak dapat saya terima, kerana ekzos paip sebagaimana yang telah dipakai oleh beberapa kawan saya yang menggunakan Proton Saga, mereka sangat puas hati mengenai dengan ekzos paip itu. *(Ketawa)* Kemungkinan Yang Berhormat dari Simunjan ini memakai kereta Proton Saga, kalau dia memakai Proton Saga, di tempat jalanraya yang tidak baik. Mungkin Menteri Kerjaraya akan menolong dalam hal ini. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Cukuplah.

**BOT DAN PUKAT NELAYAN—
BAYARAN**

9. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Pertanian menyatakan bayaran yang dikenakan kepada nelayan berkaitan dengan penggunaan bot dan pukat mengikut berat dan jenis-jenis yang dibenarkan oleh Kementerian.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, terdapat tiga jenis bayaran dikenakan kepada nelayan yang menggunakan bot dan alat menangkap ikan. Bayaran tersebut ialah lesen bot, lesen alat menangkap ikan dan wang pertaruhan perkakas menangkap ikan. Bayaran lesen bot dikenakan mengikut kuasa kuda enjin. Perkakas menangkap ikan terbahagi kepada dua kumpulan iaitu berbentuk komersial dan tradisi. Lesen perkakas komersial iaitu Pukat Tunda dan Pukat Jerut, bayarannya dikenakan mengikut muatan bot manakala lesen perkakas tradisi bayarannya dikenakan mengikut unit lesen yang diminta.

Wang pertaruhan dikenakan ke atas alat menangkap ikan seperti Pukat Tunda, Pukat Jerut Ikan dan Pukat Jerut Bilis mengikut muatan bot. Wang pertaruhan bagi Belat dan Kelong dikenakan berdasarkan kedalaman air alat tersebut diusahakan. Wang pertaruhan dapat dibuat sama ada melalui jaminan bank atau wang tunai. Wang pertaruhan dikenakan kepada alat-alat tertentu sahaja kerana operasi alat tersebut akan mengganggu operasi alat tradisi lain dan sekiranya terjadi kerosakan kepada alat lain, wang pertaruhan ini akan digunakan sebagai ganjaran gantirugi. Kadar bayaran lesen bot, lesen alat menangkap ikan dan wang

pertaruhan seperti berikut, dan, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab senarai kadar bayaran ini agak panjang, saya pohon izin menyampaikan senarai kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh. Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 40 adalah diberi di bawah ini).

**PERUSAHAAN TANGKAPAN AIR
DALAM MALAYSIA—THAI**

10. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (i) kemajuan usahasama Malaysia—Thai dalam perusahaan tangkapan air dalam. Apakah masalah besar yang telah dihadapi serta kejayaan yang telah dicapai selama ini;
- (ii) adakah Kementerian positif tentang penubuhan Angkatan Armada Tangkapan Ikan Laut Dalam. Apakah faktor-faktor yang melambatkan kemajuannya, jika ada.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:

- (i) Projek perikanan yang dijalankan ketika ini bukanlah projek usahasama Malaysia—Thai, tetapi adalah kerjasama di dalam bidang-bidang tertentu di antara syarikat tempatan dengan syarikat daripada Thailand. Bidang-bidang tersebut ialah pemasaran, pemindahan teknologi dan penukaran kepakaran. Masalah yang dihadapi ketika ini ialah dari segi mendapatkan tenaga kerja tempatan yang sanggup bekerja di atas bot berkenaan. Di samping itu juga terdapat

masalah untuk mendapatkan bekalan asas yang mencukupi dari tempatan seperti airbatu, air dan sebagainya.

Kejayaan yang tercapai setakat ini ialah projek tersebut telah berjaya menangkap ikan tuna sejumlah 1,300 metrik tons.

- (ii) Latihan Angkatan Nelayan Laut Dalam telah dimulakan pada 19hb November, 1987 dan latihan ini melibatkan teori dan juga amali. Latihan ini diadakan di Institut Perikanan Malaysia, Batu Maung, Pulau Pinang. Latihan diadakan selama tempoh 2 bulan iaitu setiap kali latihan ini dijalankan. Pihak Kementerian adalah positif di dalam mengadakan latihan ini kerana ianya berupaya menyediakan tenaga pekerja yang mahir bagi maksud pembangunan industri laut dalam kita.

Masalah kekurangan tenaga pekerja mahir adalah merupakan salah satu sebab mengapa pembangunan Industri Laut Dalam agak perlahan di dalam pembangunannya. Yang demikian juga, dengan ada tenaga pekerja yang mahir ini, Kementerian yakin yang ianya bukan sahaja dapat menampung tenaga pekerja yang diperlukan tetapi juga dapat memesatkan lagi Industri Laut Dalam Negara ini.

KEHILANGAN ORANG DARI RUMAH

11. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) sejauh manakah masalah

kehilangan orang dan "lari rumah" di Malaysia;

- (ii) apakah langkah-langkah yang akan dan telah diambil bagi mengatasi masalah ini; dan
- (iii) berapakah peratus kes "lari rumah" yang terlibat dalam maksiat dan jenayah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Bilangan orang-orang yang hilang dan lari dari rumah ialah 1,173 dalam tahun 1985, 1,581 dalam tahun 1986 dan 2,844 dalam tahun 1987. Mengikut siasatan polis, kira-kira 60% daripada mereka yang lari dari rumah telah kembali ke pangkuan keluarga masing-masing.

Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Polis telah mengambil berbagai-bagai langkah bagi mengatasi perkara ini, antaranya ialah:

- (i) bekerjasama dengan pihak media massa dengan memamerkan gambar-gambar mereka yang terlibat di dalam kes ini;
- (ii) mengadakan ceramah dan wawancara melalui televisyen khusus mengenai perkara-perkara jenayah yang berkaitan dengan kes-kes lari rumah dan kehilangan orang-orang;
- (iii) pihak Ibupejabat Polis juga mengeluarkan "Warta Polis" yang mana mengandungi gambar-gambar dan butir-butir orang yang dilaporkan hilang dan ini diedarkan di seluruh balai polis di Malaysia; dan
- (iv) mengadakan kursus-kursus yang khusus mengenai teknik-teknik penyiasatan ke atas pegawai-pegawai polis secara yang lebih profesional.

Dari siasatan polis melalui temuramah dengan mangsa-mangsa, hanya 5% sahaja kes-kes lari rumah yang terlibat dalam kegiatan jenayah dan maksiat di negara kita.

ROMBONGAN GALAKAN PERDAGANGAN DAN PELABURAN

12. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah hasil yang telah diperolehi atas rombongan galakan perdagangan dan pelaburan ke Amerika Syarikat, United Kingdom dan Jerman Barat pada 26hb September, 1987 bagi menarik pelabur asing ke Malaysia setakat ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Sambutan yang diterima oleh Rombongan Galakan Perdagangan dan Pelaburan ke Amerika Syarikat, United Kingdom dan Jerman Barat pada bulan September, 1987 adalah sangat menggalakkan. Seminar-seminar pelaburan yang diikuti dengan sesi soal jawab di tiga buah bandar utama Amerika Syarikat telah menarik 543 orang peserta. Di London, 65 usahawan telah hadir dan 133 usahawan telah hadir di dua bandar utama Jerman Barat yang dilawati. Perbincangan berasingan dengan pengusaha-pengusaha dari negara-negara tersebut yang mempunyai cadangan-cadangan pelaburan ke Malaysia telah juga diadakan.

Mengikut petunjuk awal, lawatan ini telah menghasilkan cadangan projek dari 23 buah syarikat di negara-negara yang dilawati untuk melabur dalam industri-industri seperti wafer-fabrication, discrete semi-conductor devices, sarong tangan getah, medical equipment, finishing mill, bahan kimia dan herbicides. Jumlah pelaburan, jika projek-projek ini dilaksanakan,

dianggarkan sebanyak 1,015 juta ringgit. Sehingga akhir bulan Februari 1988, daripada 23 projek yang dicadangkan 6 projek telah pun diberi kelulusan untuk dilaksanakan di Malaysia dengan jumlah modal dianggarkan sebanyak 199.3 juta ringgit.

Rombongan galakan perdagangan dan pelaburan ini juga telah menghasilkan pesanan eksport sebanyak M\$10.64 juta ringgit manakala kontrak yang masih dalam perundingan pula adalah sebanyak M\$303.87 juta ringgit. Barang-barang yang berjaya dipasarkan termasuk pakaian siap, "ceramic tiles", minyak kelapa sawit, perabut dan lain-lain barang buatan kayu.

Pada keseluruhannya, lawatan rombongan galakan perdagangan dan pelaburan ini, di samping menghasilkan kejayaan konkrit seperti penjualan barang-barang Malaysia telah juga berjaya dalam menyampaikan penerangan/gambaran mengenai dasar-dasar serta galakan-galakan pelaburan baru kepada bakal-bakal pelabur. Hasil lawatan menunjukkan bahawa pelabur-pelabur asing berpuas hati dan mempunyai keyakinan terhadap iklim pelaburan di Malaysia.

MALAYSIA DI NEGARA BARAT—MEMPERKENALKAN

13. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Penerangan menyatakan apakah usaha-usaha baru yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk memperkenalkan negara ini di masyarakat antarabangsa terutama di negara-negara Barat.

Dato' Haji Dasuki bin Haji Ahmad: Tanggungjawab memperkenalkan negara kepada masyarakat antarabangsa terutama negara-negara Barat pada masa ini terletak di tangan Wisma Putra. Ini dilakukan melalui

Pesuruhjaya Tinggi, Kedutaan-kedutaan dan "information Attache" yang diawasi oleh Wisma Putra.

Kementerian Penerangan hanya bertanggungjawab bagi menyiarkan rancangan-rancangan Televisyen yang siarannya dapat juga diterima di negara-negara jiran. Filem negara menyiapkan filem dokumentari dan Jabatan Penerangan menyediakan buletin, majalah dan lain-lain untuk sebaran di dalam dan luar negeri. BERNAMA juga menghantar berita kepada agensi-agensi berita di luar negeri.

Usaha-usaha baru yang dijalankan termasuklah memperbanyakkan lagi filem-filem dokumentari yang bermutu mengenai Malaysia, meningkatkan mutu rancangan TV yang dapat diterima di negara-negara jiran dan yang boleh digunakan untuk pertukaran dengan negara ASEAN yang lain dan menambahkan cetakan-cetakan yang dikeluarkan oleh Kementerian Penerangan. Ada juga ura-ura supaya "information attache" di luar negara diserahkan semula kepada jabatan Penerangan tetapi ia masih dalam peringkat kajian.

PENAGIH DADAH ANGGOTA POLIS/TENTERA

14. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah anggota-anggota polis dan tentera yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah;
- (b) sebab-sebab mereka berbuat demikian; dan
- (c) langkah-langkah yang diambil untuk menyelamatkan masalah tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Sejak tahun 1976-1987 jumlah anggota polis yang terlibat dengan penagihan dadah ialah 669 orang sementara anggota

tentera pula ialah 2,837 orang. Selain terlibat dengan kegiatan mencegah terdapat juga seramai 21 orang anggota polis dan 47 orang anggota tentera yang terlibat dengan kegiatan mengedar dadah.

- (b) Kebanyakan anggota polis dan tentera yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah adalah disebabkan oleh terpengaruh dengan pihak rakan di luar pasukan yang menagih di samping sebab lain seperti kekecewaan akibat putus tunang, gagal dalam percintaan dan sebagainya. Ada juga anggota di mana sebelum memasuki Pasukan Polis pernah menjadi penagih tetapi penagihan tidak dapat dikesan semasa ujian pengesanan dibuat.
- (c) Antara langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut ialah:
 - (i) mengadakan pengawasan dan ujian yang mengejut untuk mengesan anggota-anggota yang sedang dalam perkhidmatan;
 - (ii) menerapkan nilai-nilai kerohanian dan ajaran agama yang berterusan kepada anggota-anggota dalam perkhidmatan supaya tidak terpengaruh dengan kegiatan yang menyalahi undang-undang; dan
 - (iii) membuat ujian pengesanan sebelum seseorang itu dipilih memasuki perkhidmatan polis dan tentera.

STABILKAN NILAI RINGGIT

15. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan

yang telah diambil untuk menstabilkan nilai ringgit supaya ia tidak akan jatuh/turun.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Turun naik nilai ringgit adalah ditetapkan di dalam pasaran pertukaran wang asing mengikut faktor bekalan dan permintaan terhadap ringgit. Dasar ini adalah untuk membenarkan kadar pertukaran wang asing ditentukan oleh faktor bekalan dan permintaan supaya dapat mengekalkan daya persaingan ke atas eksport di pasaran antarabangsa. Bank Negara pada

dasarnya tidak campurtangan dalam pasaran pertukaran wang asing, melainkan jika berlaku perubahan yang terlalu besar atau yang mengejut kepada kadar pertukaran mata wang itu dalam jangkamasa yang pendek. Ini adalah untuk meredakan perubahan yang terlalu besar dalam jangkamasa pendek. Nilai sesuatu mata wang pada asasnya adalah bergantung kepada kedudukan ekonomi sesebuah negara seperti kadar pertumbuhan, imbangan pembayaran dan inflasi. Dalam keadaan ekonomi kita yang semakin kukuh, nilai ringgit dijangka akan bertambah kukuh dan stabil.

**LAPORAN PASARAN PERTUKARAN WANG ASING
BERBANDING DENGAN RINGGIT
FEBRUARI 19-26, 1988**

Nilai ringgit merosot sebanyak 0.57 peratus terhadap sekumpulan nilai matawang (komposit) setelah ditutup pada 78.0 berbanding dengan 78.45 pada minggu sebelumnya.

Ianya juga merosot terhadap lain-lain matawang kecuali terhadap Dolar A.S. di mana ia telah meningkat sebanyak 0.19 peratus.

	<i>Disember 87</i>	<i>Februari 19</i>	<i>Februari 26</i>	<i>% Perubahan (Feb. 19-26)</i>	<i>% Perubahan (Dis. 86-Dis. 87)</i>
Composit (\$100)*	78.65	78.45	78.00	-0.57	-8.9
Dolar A.S.	2.49	2.591	2.586	+0.19	+4.4
Dolar S'pore	1.25	1.283	1.284	-0.08	-3.7
Pound	4.67	4.515	4.579	-1.40	-18.2
Deutschemark	1.57	1.514	1.530	-1.05	-14.9
Yen	2.03	1.987	2.012	-1.24	-19.9
SDR	3.47	3.498	3.518	-0.57	-8.4

(+) kenaikan nilai

(-) kemerosotan nilai

* Not to be disclosed

KEKURANGAN DOKTOR

16. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah rancangan-rancangan konkrit yang sedia ada untuk mengatasi masalah kekurangan doktor-doktor yang serius dalam masa jangka pendek.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Keadaan dalam bekalan doktor-doktor di Malaysia telah bertambah baik dalam tempoh masa beberapa tahun ini. Walaupun, kekurangan masih ada, keperluan adalah lebih ketara untuk Pakar-pakar Perubatan.

Rancangan melatih doktor-doktor di Universiti-universiti Tempatan

telah berjalan dengan lancar dan terdapat 3 buah Fakulti Perubatan Tempatan yang mengeluarkan doktor-doktor pada masa ini. Pengeluaran doktor tempatan telah meningkat dari 138 pada tahun 1980 kepada 369 pada 1987. Angka ini dijangka akan terus meningkat kepada lebih daripada 500 selepas tahun 1990. Adalah juga dianggarkan bahawa lebih daripada 100 doktor akan dilatih setiap tahun di luar negeri.

Dalam bidang kepakaran, Kerajaan telah melatih lebih ramai lagi doktor-doktor tempatan dalam bidang-bidang kepakaran perubatan setiap tahun. Kekurangan yang lebih mendesak adalah diisi dengan pengambilan pakar-pakar dari luar negeri.

RUMAH KEBAJIKAN— KEMUDAHAN

17. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan setakat ini rumah-rumah kebajikan adakah mencukupi dengan yang diperlukan dan berapakah kadar yang diperuntukkan kepada penghuni rumah itu bagi seorang dalam setahun dan apakah kemudahan-kemudahan lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): Pada keseluruhannya rumah-rumah kebajikan untuk jagaan dan perlindungan kanak-kanak, remaja dan orang tua adalah mencukupi kecuali bagi kanak-kanak terencat akal. Kemudahan yang ada bagi pemulihan dan jagaan kanak-kanak terencat akal belum dapat menampung semua permohonan yang diterima oleh Kementerian ini. Tiap-tiap penghuni di institusi kebajikan disediakan dengan semua kemudahan yang diperlukan seperti tempat tinggal, makanan, pakaian dan jagaan kesihatan akan tetapi sebilangan mereka juga diberi wang saku ataupun wang upah di atas kerja-kerja yang dihasilkan oleh mereka yang

berkenaan. Oleh yang demikian penghuni-penghuni tersebut tidak diberi apa-apa peruntukan lain secara tunai.

Berkenaan dengan kemudahan, orang tua yang masih sihat digalakkan membantu dalam kerja harian dan melibatkan diri dalam aktiviti seperti membuat bakul, barang-barang dari buluh, bercucuk-tanam, menternak dan sebagainya.

Kanak-kanak dan orang muda yang berada dalam lingkungan umur persekolahan dihantar bersekolah di sekolah biasa dan mereka yang tercicir diberi peluang mengikuti latihan vokasional supaya mereka boleh berdikari kelak. Kemudahan juga disediakan bagi mereka yang cacat untuk meningkatkan keupayaan mereka mengurus diri, mengembangkan bakat serta menyesuaikan diri dalam masyarakat.

PROTON SAGA—MENGGUNAKAN KOMPONEN TEMPATAN

18. Tuan Gerard Math Lee Min minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) apakah langkah-langkah yang telah diambil menjadikan kereta Proton Saga benar-benar buatan kereta Malaysia; dan
- (ii) bagaimana dan apakah pengetahuan teknikal yang telah dipindahkan dari Jepun kepada Malaysia dalam bidang projek Proton Saga.

Tuan Kasitah bin Gaddam:

- (i) Langkah-langkah yang diambil dalam usaha untuk memastikan kereta PROTON SAGA adalah buatan Malaysia adalah seperti berikut:
 - (a) Menambahkan penggunaan komponen tempatan.

- (b) Menggalakkan pemin-
dahan teknologi dari-
pada Jepun dalam
bidang pembuatan
kereta melalui program
latihan, latihan sambil
kerja, lawatan sambil
belajar dan penempatan
pakar daripada Jepun di
Malaysia.
- (ii) Berkaitan dengan projek
PROTON SAGA, penge-
tahuan teknikal dari Jepun
telah dipindahkan ke Malaysia
melalui proses latihan,
latihan sambil belajar,
lawatan dan lain-lain. Se-
hingga sekarang, bidang-
bidang pengetahuan teknikal
yang telah dipindahkan
adalah meliputi cara-cara
membuat badan kereta,
pemasangan, rekaan dan
kerja-kerja yang bersangkut-
paut dengan perkara-perkara
di atas.

JALAN KOTA BELUD/RANAU BY PASS—AMBILALIH

19. Tuan Maidom bin Pansai minta Menteri Kerjaraya menyatakan bila-kah agaknya Jalanraya Kota Belud/Ranau (Kota Belud/Ranau By Pass) akan diambilalih oleh Kerajaan Pusat memandangkan kepada ke-dudukannya yang semakin lama semakin menjadi begitu penting sekali seperti jalanraya tempat laluan mengangkut tembaga daripada lombong tembaga di Mamut Ranau ke Dermaganya di Kota Belud dan jalanraya penghubung di antara Daerah Kudat, Kota Marudu, Pitas, Kota Belud ke Ranau dan terus ke Telupid, Beluran dan Sandakan.

Dato' S. Samy Vellu: Kerajaan belum ada cadangan untuk

mengambilalih Jalan Kota Belud/Ranau By Pass. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada tahun 1984 Kerajaan Negeri Sabah telah mengemukakan senarai jalan-jalan yang dicadangkan supaya diambilalih oleh Kerajaan Persekutuan iaitu sepanjang lebih kurang 2,038.56 km. Daripada jumlah itu sepanjang 1,066.65 km telah diwartakan sebagai Jalan Persekutuan pada tahun 1986. Sukalah saya nyatakan kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa antara kriteria-kriteria yang digunakan untuk menjadikan sesebuah jalan itu sebagai Jalan Persekutuan ialah jalanraya yang menghubungkan bandar-bandar utama, jalanraya menuju ke pelabuhan, lapangan terbang dan tempat-tempat yang mempunyai kepentingan Persekutuan seperti Stesyen Telekom, Televisyen, Stesyen Elektrik Haidro dan sebagainya.

Suka juga saya nyatakan bahawa apabila sesebuah jalanraya diambilalih oleh Kerajaan Persekutuan maka tanggungjawab penyelenggaraan akan dipikul oleh Kerajaan Persekutuan. Sekiranya semua jalan-jalan negeri diambilalih sudah tentu Kerajaan tidak mampu menyelenggarakannya, tambahan pula di dalam keadaan ekonomi yang meleset.

RAMALAN CRASH OF 1929

20. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Bank Negara sudah, sedang dan akan mengambil langkah-langkah kewangan mengelakkan suatu "Crash of 1929" di Pasaran Saham dan di Pasaran Kewangan di Malaysia berikutan ramalan suatu "crash of 1929" akan jadi di Amerika Syarikat pada tahun 1988/1989.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ramalan ekonomi oleh Pertubuhan Untuk Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD)

menunjukkan bahawa kadar pertumbuhan Keluaran Negara Kasar (KNK) bagi negara-negara perindustrian utama dalam tahun 1988 dan 1989 adalah tidak jauh bezanya dengan anggaran sebenar kadar pertumbuhan bagi tahun 1986 dan 1987. Bagi Amerika Syarikat umpamanya, KNK bagi tahun 1988 dan 1989 diramalkan tumbuh masing-masing pada kadar 2.5% dan 1.75% berbanding dengan kadar pertumbuhan sebenar bagi tahun 1986 dan 1987, masing-masing sebanyak 2.9%.

Berdasarkan kepada ramalan tersebut, Kementerian Kewangan berpendapat bahawa kemelesetan ekonomi seumpama yang berlaku dalam tahun 1929 tidak mungkin berlaku di Amerika Syarikat dalam tahun 1988/1989, iaitu sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Oleh itu adalah tidak perlu bagi Bank Negara Malaysia untuk mengambil langkah-langkah awal bagi menghindari kejatuhan dalam pasaran saham dan pasaran kewangan di negara ini. Walau bagaimanapun adalah menjadi amalan Bank Negara Malaysia dari masa ke semasa untuk terus mengikuti dengan teliti perkembangan-perkembangan pasaran kewangan antara bangsa bagi menentukan sumbangan dan kesannya ke pasaran kewangan negara kita.

BAHASA MALAYSIA DI UNIVERSITI NEGARA ASING

21. Tuan Muhamad bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan iaitu berapakah jumlah negara-negara asing yang menjadikan Bahasa Malaysia sebagai salah satu pengajian bahasa-bahasa asing di Universiti-universiti mereka. Bagaimanakah sambutan yang diberikan oleh pelajar-pelajar di Universiti-universiti tersebut.

Dr Leo Michael Toyad: Setakat yang diketahui, Bahasa Malaysia adalah menjadi kursus pengajian di institusi-institusi pendidikan tinggi lebih dari 20 buah negara asing di seluruh dunia. Di antara negara-negara tersebut ialah Indonesia, Filipina, Thailand, Singapura, Negara Brunei Darussalam, Jepun, Korea Selatan, Taiwan, China, Australia dan New Zealand di Kawasan Asia Pasifik; Britain, Netherlands, Belgium, Perancis, Jerman Barat, Portugal, Sepanyol, Rusia dan Itali di Eropah; dan Amerika Syarikat dan Kanada di Amerika Utara.

Sambutan pelajar-pelajar terhadap pengajian Bahasa Malaysia di institusi-institusi pendidikan tinggi tersebut adalah sangat memuaskan. Ada juga beberapa orang pelajar asing yang datang ke Malaysia untuk melanjutkan pengajian Bahasa Malaysia selepas mereka menyempurnakan kursus asas di negara masing-masing.

CONTOH WANG MALAYSIA \$50 HILANG—PENYIASATAN

22. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berikutan dengan laporan bahawa beberapa keping contoh wang Malaysia bernilai 50 ringgit hilang walaupun dikirim melalui surat berdaftar dari London, apakah bentuk penyiasatan yang dilakukan oleh pihak Kementerian atau Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur mengenai perkara ini. Apakah langkah-langkah dan sistem keselamatan yang akan diambil oleh Kerajaan khususnya Pejabat-pejabat Pos di seluruh negara demi untuk mengatasi masalah ini dari berulang lagi di masa-masa akan datang. Adakah Menteri sedar bahawa banyak aduan yang dilaporkan berhubung dengan surat berdaftar yang hilang namun pihak berkuasa khususnya pejabat-pejabat pos belum berhasil mengatasi masalah ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Mengenai contoh wang Malaysia \$50.00 hilang, berita kehilangan wang contoh Malaysia \$50.00 diketahui oleh Jabatan Perkhidmatan Pos melalui suratkhbar tempatan bertarikh 10hb Februari, 1988. Sebelum ini tidak ada laporan resmi diterima dari mana-mana pihak, sama ada oleh JPP ataupun Kementerian saya. Laporan hanya diterima oleh JPP daripada Bank Negara, pada 12 Februari, 1988.

Siasatan awal menunjukkan wang contoh itu dihantar melalui surat berdaftar mel udara yang diposkan di Orchard Street New Castle Upon Tyne pada 10 Oktober 1987, iaitu kira-kira 4 bulan lepas. Kelewatan laporan ini menyukarkan Jabatan Pos membuat penyiasatan. Tidaklah dapat kita pastikan sama ada Mel Udara Berdaftar ini benar-benar telah dihantar melalui pos ataupun lain cara, dan Pentadbiran Pos UK telah dihubungi beberapa kali dalam hal ini dan kita masih belum mendapat jawapan darinya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, peraturan pos Malaysia melarang penghantaran wang tunai melalui pos, sama ada dalam atau luar negeri, kecuali dengan berinsuran.

Untuk dalam negeri, JPP telah mengumumkan larangan melalui poster dan edaran risalah. Poster-poster mengenainya dipamerkan di semua pejabat pos dalam negeri.

Manakala Luar Negeri pula, pengumuman dibuat kepada Pentadbiran Am Antarabangsa melalui "Compedium Universal Postal Union List of Prohibited Articles".

Sehubungan dengan ini Jabatan Pos Malaysia mempunyai cara-cara pengendaliannya sendiri, dan cara-cara ini adalah memuaskan dan berkesan setakat ini. Semua barang-

barang yang diterima oleh pejabat pos hendaklah diimbangkan dengan apa yang dihantar keluar atau diserahkan keluar (distribution) oleh Jabatan Pos.

Di samping peraturan ini, JPP mempunyai pegawai-pegawai yang terlatih di Polis Kolej Kuala Kubu Bharu dalam hal-hal penyiasatan. Pegawai-pegawai ini ditempatkan di Ibu-ibu negeri di seluruh Malaysia.

Mengenai banyak aduan surat berdaftar hilang, Kementerian sedar dalam hal ini tetapi ianya tidaklah sampai ke peringkat membimbangkan. Mengikut perangkaan:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Surat Berdaftar Dikendalikan</i>	<i>Jumlah Hilang</i>
1985	25.7 juta	868
1986	29.3 juta	888
1987	29.6 juta	1,239

Dari penyiasatan, kita dapati kebanyakannya kehilangan berlaku adalah semasa menggunakan pengangkutan awam dan juga, semasa berada dengan Pentadbiran Pos Negara lain yang mana di luar kawalan kita. Ada juga kehilangan disebabkan oleh kecuaihan kakitangan Pejabat Pos sendiri. Tindakan sesuai sedang diambil untuk mengatasi masalah ini.

SKIM USAHAWAN BUMIPUTERA

23. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) apakah langkah dan usaha-usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan kegiatan dan kedudukan usaha-usaha Bumiputera kini; dan
- (ii) adakah Skim Usahawan Bumiputera masih berterusan. Sejauh manakah prestasi dan pencapaiannya semenjak Skim ini ditubuhkan. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk

memperkemas dan mempertingkatkan lagi kedudukan skim ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):

- (i) Kerajaan melalui agensi-agensinya menyediakan berbagai jenis program untuk mempertingkatkan kegiatan dan kedudukan usahawan-usahawan Bumiputera, di antaranya termasuk:
- (a) mengadakan berbagai jenis kursus jangka pendek dan jangka panjang dalam bidang keusahawanan, pengurusan dan teknikal;
 - (b) mengadakan tindakan susulan bagi mengesan kemajuan yang dicapai dan membantu masalah-masalah yang dicapai oleh bekas peserta latihan;
 - (c) menubuhkan syarikat payung melalui Agensi-agensi Amanah bagi membimbing dan memasarkan keluaran atau perkhidmatan syarikat Bumiputera;
 - (d) membantu dan menggalakkan syarikat-syarikat Bumiputera mencebur dalam perniagaan dengan menggunakan konsep pengurusan moden seperti sistem mempertingkatkan keupayaan syarikat Bumiputera; dan
 - (e) mengadakan kemudahan sokongan kepada usahawan-usahawan Bumiputera umpamanya kemudahan kredit dan

pinjaman, tapak niaga, rumah kedai dan tapak-tapak industri.

- (ii) Berhubung dengan soalan yang kedua itu, saya kira Skim Latihan Usahawan Bumiputera yang dimaksudkan itu ialah Skim Latihan Usahawan Bumiputera di Luar Negeri. Skim tersebut telah ditangguhkan pelaksanaannya mulai tahun 1986. Pihak Universiti Kebangsaan Malaysia telah diminta untuk menjalankan kajian keseluruhan mengenai kesan-kesan ke atas bekas peserta-peserta Skim ini. Laporan awal kajian tersebut menunjukkan beberapa kejayaan di capai oleh bekas peserta skim ini terutama dari segi perubahan sikap, motivasi dan peningkatan modal dan perniagaan selepas menyertai skim ini. Kedudukan program ini serta apa-apa langkah untuk memperkemas Skim ini seterusnya akan bergantung kepada penemuan dan perakuan-perakuan yang dibuat daripada kajian berkenaan.

PENCEROBOHAN NELAYAN ASING

24. Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan minta Menteri Pertanian memberitahu apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi menghapuskan nelayan-nelayan asing yang sentiasa melanda kawasan perairan kita dan menyempitkan penangkapan-penangkapan nelayan Malaysia. Setakat manakah Undang-undang Antarabangsa mengenai sekatan "Territorial Waters" berkesan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Pada keseluruhannya pencerobohan bot-bot nelayan asing ke dalam kawasan Perairan Perikanan Malaysia adalah terkawal. Beberapa langkah positif telah pun diambil oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi perkara ini. Bagi maksud menyelaraskan kerjasama penguatkuasaan Akta Perikanan 1985, Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim telah pun ditubuhkan pada bulan Mac, 1984. Berpejabat di Pengkalan TLDM, Lumut, Pusat ini adalah dianggotai oleh wakil-wakil daripada PDRM, TUDM, TLDM dan Jabatan Perikanan. Dengan adanya Pusat ini usaha-usaha membanteras pencerobohan bot-bot nelayan asing ini telah dapat dijalankan dengan berkesan lagi.

Selain daripada itu, rondaan-rondaan di laut dan di udara telah juga dipertingkatkan, termasuk Operasi-operasi Khas seperti Operasi Samudera Gagah dan Operasi Tengkujuh, yang dijalankan di perairan pantai Timur.

Bagi pihak Jabatan Perikanan pula, satu Pusat Kawalan Operasi telah pun dibuka di Ibu Pejabat Perikanan, Kuala Lumpur serta berfungsi 24 jam mulai 15hb. Julai, 1987. Ini telah membolehkan pihak nelayan melaporkan apa-apa pencerobohan bot nelayan asing kepada pihak berkuasa serta tindakan segera diambil.

Undang-undang Antarabangsa yang dimaksudkan ialah "Geneva Convention of 1958 on Territorial Waters" yang mengiktirafkan Laut Wilayah Malaysia seluas 12 batu itu. Undang-undang tersebut juga mengakui hak untuk kapal-kapal asing melaluinya di bawah "Innocent Passage". Selain daripada itu, hanya undang-undang negara kita yang terpakai di dalam "Territorial Waters" kita.

PELANCONG MELAWAT MALAYSIA

25. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) berapakah bilangan pelancong yang telah melawat negara kita dalam tahun 1985, 1986 dan 1987 dan jika bilangan pada setiap tahun telah bertambah apakah sebab-sebab utamanya; dan
- (b) sejak bermula urusan Kementerian Pelancongan beberapa tindakan positif telah pun diambil untuk menambah bilangan pelancong, apakah hasil daripada tindakan-tindakan tersebut khasnya berapakah pertambahan bilangan pelancong ke negara kita.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Bilangan pelancong yang melawat negara kita dalam tahun 1985 adalah sebanyak 2,933,271. Untuk tahun 1986 anggarannya adalah sebanyak 3,027,781. Angka-angka pelancong yang datang ke Malaysia bagi tahun 1987 belum diperolehi. Di antara tahun 1985 dan 1986, adalah dianggarkan pertambahan bilangan pelancong sebanyak 3.2%.

Sebab-sebab utama pertambahan bilangan pelancong-pelancong adalah seperti berikut:

- (a) Penggalakkan dan pemasaran tarikan-tarikan pelancong yang dijalankan oleh Kerajaan.
- (b) Kerjasama di antara negara-negara ASEAN untuk menggalakkan pelancong di kalangan negara-negara ASEAN.
- (c) Kerjasama dan kegiatan promosi yang dijalankan oleh pihak swasta.

Dengan tertubuhnya Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan pada bulan Mei, 1987, beberapa langkah telah diambil untuk memajukan industri pelancongan di negara ini dengan tujuan khusus untuk menarik lebih ramai para pelancong luar negeri melawat negara ini. Walau bagaimanapun adalah terlalu awal untuk mengetahui tentang berapakah pertambahan jumlah pelancong hasil usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian ini. Biasanya hasilnya dilihat di dalam jangkamasa yang panjang. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa taraf kesedaran para pelancong antarabangsa pada Malaysia telah pun meningkat dengan adanya usaha-usaha baru yang dilaksanakan oleh Kementerian.

PELABURAN DARIPADA TAIWAN

26. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah jumlah wang telah diluluskan oleh syarikat-syarikat Taiwan sejak 1-1-1987 di negara kita dan apakah langkah-langkah sedang diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk meningkatkan momentum pelaburan dari kedua-dua negara itu, memandangkan wang rizab nasional mereka paling tinggi.

Tuan M. G. Pandithan: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan yang mempunyai sumbangan daripada pelabur-pelabur Taiwan semenjak 1hb Januari, 1987 hingga 31hb Januari, 1988 yang kini telah diluluskan oleh pihak Kerajaan berjumlah \$258.0 juta, melibatkan sebanyak 39 projek. Memandangkan kepada pelaburan yang meningkat ini dan prospek pelaburan yang lebih baik dari negara Taiwan, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang aktif untuk menggalakkan lagi pelaburan

dari negara tersebut. Di antara langkah-langkah ini termasuklah mengadakan dua rombongan pelaburan ke Taiwan pada tahun 1988 ini. Di samping itu, beberapa buah Kerajaan negeri juga bercadang untuk mengadakan seminar-seminar pelaburan untuk menggalakkan aliran pelaburan dari negara tersebut.

PENDATANG HARAM/ PELARIAN DI SABAH

27. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menguatkan pertahanan kita di Sabah terhadap kebanjiran pendatang-pendatang haram dan pelarian-pelarian ke negeri tersebut yang menjejaskan keselamatan negeri Sabah; sama ada lebih banyak lagi kapal-kapal Tentera Laut Diraja akan dihantar ke situ untuk meronda perairan Sabah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi menyekat kebanjiran pendatang-pendatang haram serta pelarian-pelarian ke negeri Sabah. Langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan kawalan luar pantai (outer cordon) menggunakan bot-bot besar seperti bot-bot PZ dan PX;
- (ii) mengadakan kawalan tepi pantai (inner cordon) menggunakan bot-bot kecil seperti bot-bot PA, PC dan PGR;
- (iii) membuat pemeriksaan di tempat-tempat yang biasa digunakan sebagai pusat pendaratan;

- (iv) menempatkan Pasukan Polis Hutan di pulau-pulau strategik seperti Pulau Matakir, Pulau Siamil dan Pulau Adal;
- (v) menempatkan Pasukan Polis Hutan di tempat-tempat yang selalu jadi kawasan pendaratan seperti Tunku Point dan Tanjong Labian; dan
- (vi) mengadakan operasi khas dari masa ke masa.

Sukalah saya memberi jaminan di sini bahawa kemampuan Polis Merin Sabah akan dipertingkatkan lagi pada tahun ini dengan pembekalan beberapa buah bot laju.

INDUSTRI PERUMAHAN

28. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa pembinaan perumahan masih dalam keadaan lembab sungguhpun ekonomi telah maju; dan
- (b) juga nyatakan apakah langkah-langkah diambil supaya meningkatkan industri perumahan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Kiat):

- (a) Berdasarkan kepada permit iklan dan jualan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi tahun 1987, Pemaju-pemaju Perumahan telah menunjukkan minat yang menggalakkan. Dalam tahun tersebut bilangan unit rumah yang mana permit iklan dan jualan dikeluarkan adalah sebanyak 79,858. Bilangan ini adalah melebihi bilangan untuk tahun 1986 sebanyak 18,852 unit

atau 31%. Pemaju-pemaju swasta juga lebih berminat untuk menawarkan rumah-rumah yang berharga \$100,000.00 ke bawah seunit. Keadaan ini adalah selaras dengan dasar menggalakkan pembinaan rumah sesuai dengan kemampuan isirumah-isirumah. Dalam tahun 1987 dari jumlah unit yang dicadang untuk dijual itu, sebanyak 75,642 unit atau 95% adalah rumah-rumah dalam lingkungan harga tersebut dan sebanyak 34,869 unit atau 44% adalah rumah-rumah berharga \$25,000.00 ke bawah seunit. Dalam tahun 1986, dari jumlah 61,006 unit yang dicadang untuk dijual, sebanyak 50,288 unit atau 82% adalah rumah-rumah yang berharga tidak melebihi \$100,000.00 seunit dan 20,512 unit atau 34% adalah rumah-rumah yang berharga tidak melebihi \$25,000.00 seunit.

- (b) Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk meningkatkan industri perumahan. Langkah-langkah ini termasuklah penyediaan beberapa kemudahan dan galakan kepada pemaju-pemaju dan juga kepada pembeli-pembeli.

Antara tindakan-tindakan yang diambil terutamanya di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah adalah seperti berikut:

- (i) Mengurangkan kadar premium tukar syarat tanah.
- (ii) Mengecualikan bayaran ukur.
- (iii) Mengurangkan piawaian perancangan dan piawaian infrastruktur.

1986, dari sejumlah 4,465 jenayah yang dilaporkan, 25 (0.55%) dilakukan oleh orang-orang asing. Pada tahun 1987 pula dari jumlah 4,696 jenayah yang dilaporkan, sebanyak 264 (5.6%) dilakukan oleh orang-orang asing.

Mengenai soalan ketiga Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan akan berusaha untuk memastikan seberapa boleh supaya pendatang-pendatang haram yang dihantar pulang ke negara asal mereka tidak akan kembali semula.

AMARAN HAD LAJU

31. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Pengangkutan menyatakan terdapatnya beberapa polisi dan peraturan yang diumumkan oleh pihak Kementerian hanya dapat berfungsi setakat sekerat jalan sahaja, seperti polisi 'Lampu Isyarat Laju', had 'laju 100 km' di lebuhraya Sungai Besi-Air Keruh dan saya jangka juga 'kereta Ubahsuai'. Apakah Filasafah Kementerian apabila pengumuman-pengumuman ini dilakukan. Adakah Kementerian bercadang untuk lebih berhati-hati pada masa-masa yang akan datang supaya tiap-tiap pengumuman itu tidak merugikan rakyat.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, saya suka menegaskan bahawa sebelum Kementerian Pengangkutan melaksanakan suatu dasar, kajian yang teliti adalah dijalankan termasuk berunding dengan agensi-agensi Kerajaan lain yang berkaitan untuk menentukan dasar tersebut tidak mengakibatkan kesulitan atau kesusahan kepada pihak-pihak yang terlibat.

Dasar berhubung dengan pemasangan alat amaran had laju

di kenderaan perdagangan telah dikaji dari semua aspek, terutamanya:

- (a) keperluan mengurangkan kadar kemalangan yang melibatkan kenderaan-kenderaan perdagangan yang dipandu melebihi had laju yang ditetapkan;
- (b) kebolehan pembekal-pembekal membekal alat-alat berkenaan dengan secukupnya dalam tempoh masa yang ditetapkan; dan
- (c) jenis alat yang sesuai dipasang di kenderaan.

Di peringkat pelaksanaan, dasar ini mengalami kesulitan terutamanya yang timbul dari perkara-perkara di luar kawalan Kementerian. Misalnya, hasil tindakan penguatkuasaan menunjukkan banyak didapati kes alat-alat berkenaan telah di "tamper", mengakibatkan alat-alat tidak berfungsi dengan sempurna seperti yang diharapkan. Selain dari itu, didapati juga ramai pemilik kenderaan menunggu saat-saat terakhir tempoh pemasangan dimestikan untuk memasang alat-alat tersebut, mengakibatkan mutu pemasangan rendah dan dengan itu alat-alat tersebut juga tidak dapat berfungsi dengan sempurna.

Berkenaan dengan perkara had laju 100 km di lebuhraya Sungai Besi-Air Keruh, pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia telah memaklumkan kepada Kementerian Pengangkutan bahawa had laju untuk lebuhraya Utara-Selatan ialah 110 km sejam, kecuali di tempat-tempat tertentu di mana had laju dikurangkan disebabkan oleh kerana faktor-faktor seperti aliran melalui kawasan bukit-bukau dan lain-lain.

Mengenai kenderaan yang diubahsuai saya telah pun menjelaskan tentang perkara ini pada hari kelmarin.

TABUNG RAKYAT PALESTIN

32. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Luar Negeri menyatakan selain daripada Kerajaan menubuhkan "Tabung Palestin" bagi tujuan membantu rakyat Palestin yang sedang disiksa dan menderita di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat Sungai Jordan, apakah lain-lain bentuk sumbangan dan tindakan Kerajaan Malaysia bagi meneruskan perjuangan yang lebih tegas menentang Zionis yang terus menguasai Baitul Muqaddis dan juga membebaskan Masjid Al Aqsa dari cengkaman Yahudi Zionis.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Sebagaimana Dewan yang mulia sedia maklum, Tabung Rakyat Palestin yang dilancarkan baru-baru ini adalah bertujuan untuk mengutip derma dari segenap lapisan masyarakat Malaysia sebagai salah satu tanda sokongan Malaysia terhadap perjuangan rakyat Palestin. Bantuan seperti ini amat diperlukan buat masa ini. Lain-lain sokongan termasuklah pendirian Malaysia untuk sentiasa membantah dengan sekeras-kerasnya kekejaman Israel terhadap rakyat Palestin di Tebing Barat dan Gaza. Bantahan Malaysia ini dibuat secara terbuka di kebanyakan persidangan termasuk di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Pertubuhan Negara-Negara Islam.

Masalah pembebasan Palestin dan Baitul Muqaddis tidak dapat dipisahkan kerana pembebasan Baitul Muqaddis adalah sebahagian daripada perjuangan rakyat Palestin. Oleh itu perjuangan kita terhadap pembebasan Baitul Muqaddis adalah selaras dengan dasar kita terhadap Palestin.

Sebagaimana Dewan sedia maklum, dasar Malaysia terhadap pembebasan Bandar suci ini adalah jelas. Ini dapat dibayangkan dengan dasar kita menyokong Palestin dalam menentang

pencerobohan dan penaklukan Israel terhadap Wilayah Pelastin termasuk Baitul Muqaddis.

Selaras dengan dasar kita ini kita telah memainkan peranan utama di Bangsa-Bangsa Bersatu ke arah mencapai matlamat ini melalui keanggotaan kita dalam Jawatankuasa Mengenai Hak Asasi Rakyat Palestin dan juga melalui persidangan antarabangsa yang lain mengenai masalah Palestin termasuk Baitul Muqaddis. Persidangan tersebut telah merangka perisytiharan bagi menyelesaikan masalah ini. Kita juga memainkan peranan yang sama dalam Pertubuhan Persidangan Negara Islam yang mengutamakan perjuangan rakyat Palestin dan pembebasan Baitul Muqaddis. Dalam pertubuhan ini juga kita adalah antara negara yang menganggotai Jawatankuasa Pakar Mengenai Al-Quds.

Kita menyokong segala keputusan Persidangan Negara-Negara Islam mengenai Al-Quds termasuk menentang usaha-usaha untuk mengubah keadaan bentuk bandar suci ini dan terhadap keputusan untuk mengambil tindakan bagi mana-mana negara yang memindahkan Kedutaannya di Tel Aviv ke Baitul Muqaddis.

Kita akan terus memainkan peranan ini sehinggalah usaha-usaha untuk menegakkan kedaulatan dan hak rakyat Palestin dan pembebasan Baitul Muqaddis dapat dicapai.

PERJUDIAN DI SABAH

33. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar perjudian sedang menjadi-jadi di Sabah khususnya semasa Perayaan Tahun Baru Cina, jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengawal perjudian di Sabah terutama sekali perjudian stail kasino; sama ada

Kerajaan akan menimbang untuk memperluaskan Akta Perjudian ke Sabah.

Dato Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menyedari bahawa kegiatan judi berleluasa di Sabah terutama pada musim perayaan Tahun Baru Cina. Kerajaan telah pun mengarahkan pihak polis supaya mengambil tindakan mengawal serta melakukan serbuan-serbuan di tempat-tempat yang diketahui menganjurkan perjudian. Perangkaan mengenai serbuan serta tangkapan yang dibuat di Sabah antara tahun 1986-1988 (Februari) adalah seperti berikut:

	1986	1987	1988 (Feb.)
Serbuan ..	69	76	24
Tangkapan ..	737	710	265

Mengenai perluasan Akta Perjudian Rumah Terbuka 1953, Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk memperluaskannya ke Sabah.

MENCEGAH BANJIR

34. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jenis-jenis rancangan taliair, parit dan mencegah banjir yang sedang berjalan di Negeri Perak;
- (b) sama ada Kerajaan mempunyai rancangan jangka panjang untuk mencegah banjir, khasnya di sekitar kawasan Gopeng, seperti Kota Bharu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:

- (a) Jenis-jenis rancangan taliair, parit dan mencegah banjir yang sedang berjalan di Negeri Perak ialah seperti berikut:

Bilangan Rancangan	Jenis	Peruntukan 1988
8	Taliair (Pengairan)	\$13,860,000
16	Parit (Saliran)	\$15,232,000
7	Mencegah Banjir	\$ 1,600,000

- (b) Kerajaan memang menjalankan projek-projek mencegah banjir, khasnya di sekitar kawasan Gopeng seperti Kota Bharu. Bahagian Sg. Teja yang berdekatan dengan pekan Kota Bharu telah didalamkan sepanjang 3km. Begitu juga, Sg. Tenam, telah didalamkan, dan pada tahun ini, kerja-kerja mengorek semula Sg. Teja dan Sg. Tenam sepanjang 4km akan terus dijalankan. Dalam pada itu, kerja-kerja mengukuhkan ban Sg. Kinta yang telah dimulakan sejak tahun 1987 akan diteruskan untuk lima tahun lagi.

HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

35. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kewangan menyatakan apakah jumlah hutang negara:

- (a) dalam negeri; dan
- (b) luar negeri;

dan bilakah hutang ini dapat dijelaskan. Nyatakan bagaimana Kerajaan membayar balik hutang seperti ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan sehingga 31hb Disember, 1987 ialah \$82.2 billion. Dari jumlah ini, \$54.3 billion adalah merupakan pinjaman dalam negeri dan bakinya sebanyak \$27.9 billion ialah pinjaman luar negeri. Pada umumnya pinjaman yang diambil adalah tertakluk kepada tempoh bayaran balik yang panjang. Memandangkan bahaw pinjaman terus

di perolehi dan setiap pinjaman itu mempunyai syarat-syarat dan tempoh matang yang berlainan, adalah sukar untuk dipastikan tempoh kesemuanya hutang negara dapat dijelaskan. Berdasarkan hutang dalam dan luar negeri yang ada sekarang, tarikh akhir pembayaran balik ialah pada tahun 2015.

Kerajaan sentiasa mengawasi kedudukan hutang negara dengan mengambil tindakan dan langkah-langkah tertentu seperti berikut:

- (a) Mengurangkan pinjaman yang diambil dari luar negeri;
- (b) Mempelbagaikan pegangan matawang supaya tidak bergantung kepada satu atau dua matawang sahaja;
- (c) Membuat bayaran awal (pre-payment) bagi pinjaman-pinjaman yang mempunyai kadar faedah yang tinggi terutama sekali pinjaman pasaran;
- (d) Membatalkan baki pinjaman kepada projek-projek yang sudah disiapkan atau ditangguhkan untuk mengelakkan bayaran penglibatan (Commitment fee) yang berlebihan.

TOL TAHUNAN YANG DIPUNGUT

36. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Kerjaraya menyatakan sehingga ke hari ini:

- (a) hasil tol tahunan yang dipungut;
- (b) perbelanjaan penyelenggaraan tahunan; dan
- (c) pembayaran balik pinjaman bagi jambatan Pulau Pinang sejak ianya dibuka.

Dato' S. Samy Vellu:

- (a) Hasil tol tahunan yang dipungut bagi jambatan Pulau Pinang

sejak ianya dibuka pada 14 September, 1985 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Hasil Pungutan tol</i>
1985	\$5.9 juta
1986	\$17.8 juta
1987	\$20.7 juta

- (b) Perbelanjaan penyelenggaraan tahunan untuk jambatan Pulau Pinang ialah lebih kurang \$850,000 bagi tahun 1987 sahaja. Manakala bagi tahun 1985 dan 1986 tidak ada perbelanjaan penyelenggaraan dibuat kerana ia baru saja siap dan masih lagi dalam tanggungjawab kontraktor sekiranya ada apa-apa kerosakan.
- (c) Pembayaran balik pinjaman bagi jambatan Pulau Pinang sejak ianya dibuka ialah sebanyak \$522,031.85.

PANEL PERSIDANGAN MAHKAMAH AGONG

37. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Kehakiman menyatakan sebab-sebab dalam kes UEM yang dikemukakan oleh Encik Lim Kit Siang di Mahkamah Agung, Ketua Hakim Negara dan Hakim Besar Malaya duduk bersama-sama, sedangkan sebelumnya salah seorang **dari mereka** sahaja duduk dalam satu-satu sidang.

Dato' Oo Gin Sun: Mengikut Seksyen 38(1), Akta Mahkamah Kehakiman, 1964 (Akta 91), kuasa adalah diberi kepada Ketua Hakim Negara menentukan keahlian sesuatu panel persidangan Mahkamah Agung.

PENDAFTARAN BARISAN NASIONAL

38. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Barisan Nasional didaftarkan dan bila dan berikan nombor pendaftarannya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Barisan Nasional adalah sebuah Pertubuhan yang berdaftar dibawah Akta Pertubuhan 1966. Pertubuhan ini didaftarkan pada 1 Jun 1974 dan Nombor pendaftarannya ialah 1415 (Selangor).

LESEN MESIN JACKPOT

39. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah lesen bagi mesin jackpot dikeluarkan dalam tahun 1985, 1986, 1987 dan 1988 dan apakah kriteria yang digunakan untuk mengeluarkan lesen-lesen tersebut sama ada beliau sedar tentang wujudnya mesin-mesin haram misalnya mesin lumba kuda yang dibuat di sini dengan bahagian-bahagiannya diseludup masuk dari negara-negara jiran dengan kuantiti yang banyak, dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pegawai-pegawai kastam untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Jumlah lesen mesin slot yang dikeluarkan dalam tahun-tahun 1985, 1986, 1987, dan 1988 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Kelab Koprak</i>	<i>Kelab/Persatuan Biasa</i>
1885	Tiada	10
1986	13	19
1987	102	22
1988	Tiada	Tiada

Kriteria bagi mengeluarkan lesen-lesen mesin slot tersebut adalah seperti berikut:

(a) *Kelab Koprak*

- (i) Kelab tersebut hendaklah dimiliki sepenuhnya oleh syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, 1965.

- (ii) Mempunyai kawasan yang eksklusif untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kelab dengan mempunyai sistem kawalan yang ketat dan juga tempat khas untuk menempatkan mesin slot.
- (iii) Mempunyai jumlah keahlian yang aktif iaitu tidak kurang daripada 300 orang.
- (iv) Kelab tersebut ada menyediakan tidak kurang daripada 5 jenis kemudahan rekreasi, sukan dan sosial untuk memenuhi keperluan ahli-ahli seperti golf, kolam renang sukan reket, "indoor games", restoran dan sebagainya.
- (v) Mempunyai jumlah pekerja bergaji tetap tidak kurang daripada 30 orang.
- (vi) Mempunyai lesen perniagaan, lesen premis dan lesen-lesen lain yang diluluskan oleh pihak Berkuasa Tempatan.
- (vii) Tempoh keahlian tidak kurang daripada satu tahun dengan mengenakan bayaran masuk dan yuran tahunan yang berpatutan.

(b) *Kelab/Persatuan Biasa*

- (i) Kelab tersebut mestilah kelab yang telah "established" dan didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966 dan berjalan dengan pengurusan yang baik sekurang-kurangnya bagi tempoh satu tahun.
- (ii) Mempunyai kawasan yang eksklusif untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kelab

dan juga tempat khas untuk menempatkan mesin slot.

- (iii) Mempunyai jumlah keahlian yang aktif tidak kurang daripada 100 orang.
- (iv) Kelab tersebut ada menyediakan kemudahan-kemudahan untuk ahli-ahli dalam bidang sukan, rekreasi dan sosial seperti gymnasium, kolam renang, sukan reket, kelas aerobik, restoran dan sebagainya.

Kerajaan sedar bahawa bahagian-bahagian mesin perjudian haram jenis lumba kuda diseludup dengan banyaknya dari luar negeri. Pihak Polis dan Kastam telah membuat serbuan ke premis-premis yang disyaki mengendalikan mesin-mesin judi haram ini dari semasa ke semasa. Pihak-pihak yang bertanggungjawab telah didakwa di mahkamah. Kerajaan juga sedang merancang suatu tindakan yang difikirkan berkesan bagi membasmi mesin lumba kuda haram ini.

SRJK(C) SING HWA MUAR— BANTUAN KEWANGAN

40. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apa bantuan kewangan akan dapat diberikan kepada SRJK(C) Chung Hwa 2A dan 2B, Muar. Di sekolah ini 10 bilik darjah telah disahkan tidak sesuai untuk digunakan akibat 1,000 murid-murid Sekolah terlibat;
- (b) apa pertolongan boleh diberikan kepada SRJK(C) Sing Hwa, Muar. Di sekolah ini pembinaan bangunan 3 tingkat untuk bilik-bilik darjah baru telah tergendala kerana kekurangan

kewangan lebih kurang \$100,000.00; dan

- (c) bila Kementerian akan melaksanakan program pembinaan semula yang telah diluluskan pada tahun 1983 untuk SRJK(C) Pu Nan, Kampung Bukit Bakri, sebuah sekolah bantuan penuh memandangkan sekolah ini sebuah sekolah luar bandar Gred A dengan 1,225 murid dan keadaannya sekarang uzur.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan telah difahamkan bahawa pihak Lembaga Pengurus Sekolah telah pun menyiapkan kerjasama pembinaan sebelum permohonannya diluluskan oleh Kementerian pendidikan. Sebelum sebarang bantuan boleh dipertimbangkan kepada sekolah berkenaan, Kementerian telah meminta supaya laporan lengkap mengenai butiran kerja dan perbelanjaan bagi pembinaan sekolah tersebut.
- (b) Kementerian Pendidikan telah dimaklumkan bahawa kos bagi pembinaan 9 buah bilik darjah, dewan serbaguna, kantin dan perpustakaan adalah \$600,000.00. Oleh kerana peruntukan bantuan model adalah terhad dan hanya untuk membantu sekolah-sekolah yang daif dan keperluan yang sangat mendesak sahaja, maka Kementerian tidaklah dapat memberikan sebarang peruntukan. Walau bagaimanapun Kementerian telah bersetuju menyokong supaya penderma-penderma bagi pembinaan bangunan tersebut diberikan pelepasan cukai pendapatan. Jabatan Hasil Dalam Negeri telahpun

bersetuju memberikan pelepasan cukai pendapatan tersebut.

- (c) Walaupun pembinaan sekolah SRJK (C) Pu Nan, Kampung Bukit Bakri pernah dicadangkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat tetapi di dalam Rancangan Malaysia Kelima projek pembinaan sekolah tersebut telah tidak disenaraikan. Ini adalah kerana peruntukan yang diperolehi oleh Kementerian untuk pembinaan sekolah adalah terhad dan oleh itu keutamaan terpsalah diberikan kepada sekolah-sekolah yang sangat daif dan keperluan yang mendesak sahaja.

MENARIK BALIK USUL

Kelayakan Ahli bagi Kawasan Sik

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 34(1), saya dengan ini menarik balik Usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan kehilangan kelayakan Yang Berhormat Dato' Zainal Abidin bin Johari menjadi Ahli Dewan Rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Baiklah.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua

3.37 ptg.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dan

perkara-perkara berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak beberapa waktu yang lalu, Kerajaan telah mendapati bahawa beberapa Perkara di dalam Perlembagaan menghalang perjalanan licin jentera pentadbiran. Selain daripada itu, adalah didapati bahawa beberapa pindaan perlu dibuat untuk mengemaskini dan menyelaraskan pentadbiran bagi meningkatkan lagi efisiensi pentadbiran. Oleh yang demikian, Kerajaan bercadang untuk meminda beberapa Perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

Perkara 5

Fasal (4) Perkara 5 memberi perlindungan kepada orang-orang yang kena tangkap, dengan mensyaratkan bahawa mereka hendaklah dibawa ke hadapan majistret dalam tempoh 24 jam dan tidak boleh ditahan selanjutnya tanpa kebenaran majistret. Menurut proviso kepada Fasal itu, perlindungan ini tidak diberi kepada orang-orang yang di-tangkap atau ditahan di bawah undang-undang mengenai kediaman terhad (restricted residence).

Dari pengalaman dalam menguruskan kes-kes orang yang memasuki negara ini secara haram, Kerajaan mendapati bahawa adalah sukar hendak membawa mereka ke hadapan majistret dalam tempoh 24 jam sebagaimana disyaratkan oleh Fasal (4) itu. Oleh kerana mereka ini adalah rakyat negara asing, banyak perkara yang perlu diuruskan dalam memproses kes mereka sebelum pihak Kerajaan dapat bersedia untuk membawa mereka ke hadapan majistret. Identiti dan latar belakang mereka perlu disiasat dan dipastikan dahulu, dan juga sebab-sebab dan tujuan mereka masuk ke negara ini. Kerapkali mereka datang beramai-ramai pada satu ketika. Ini semua

menyebabkan pengendalian kes mereka terpaksa mengambil masa.

Kerajaan berpendapat bahawa orang-orang ini tidak dapat diberi perlindungan yang begitu istimewa seperti yang diberi oleh Fasal (4) sekarang ini. Mereka datang dengan tiba-tiba. Pegawai-pegawai kita tidak dapat maklumat dan butiran yang cukup untuk membolehkan mereka dibawa ke hadapan majistret dalam tempoh 24 jam.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya dimasukkan dua lagi proviso tambahan kepada Fasal (4) Perkara 5. Atas sebab-sebab yang saya nyatakan tadi, proviso tambahan pertama bertujuan mengubahsuai syarat Fasal (4) itu supaya, dalam hal orang-orang bukan warganegara yang ditangkap di bawah undang-undang mengenai imigresen, tempoh untuk membawa mereka ke hadapan majistret ialah empat belas hari dan bukan 24 jam.

Oleh kerana Fasal (4) mensyaratkan orang-orang yang kena tangkap dibawa ke hadapan majistret, maka orang-orang yang ditangkap kerana kesalahan-kesalahan di bawah bidang kuasa mahkamah Syariah kenalah juga dibawa ke hadapan majistret. Keperluan ini adalah tidak sesuai bagi kes-kes yang bakal dihadapkan ke mahkamah Syariah dan akan menjejaskan kelicinan pengurusan kes-kes seperti itu.

Oleh sebab itu, adalah perlu diadakan proviso tambahan kedua di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, yang bermaksud bahawa, untuk mematuhi Fasal (4) dalam hal orang-orang yang ditangkap kerana kesalahan yang boleh dibicarakan oleh mahkamah Syariah, mereka boleh juga dibawa ke hadapan hakim mahkamah Syariah dan penahanan mereka selanjutnya bolehlah juga dibenarkan oleh hakim Mahkamah Syariah. Ingin saya menjelaskan bahawa ini tidaklah bermakna orang-

orang itu tidak boleh dibawa ke hadapan majistret. Sekiranya didapati sukar membawa orang-orang yang ditangkap ke hadapan hakim mahkamah Syariah di sesuatu tempat kerana tidak ada hakim mahkamah Syariah, misalnya, orang-orang itu masih boleh dibawa ke hadapan majistret.

Perkara 83

Perkara 83 memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk meminta Kerajaan Negeri memberikan kepadanya apa-apa tanah dalam Negeri yang berkenaan yang dikehendaki untuk maksud-maksud Persekutuan dan mewajibkan Negeri untuk memberikan tanah yang diminta itu. Hak Kerajaan Persekutuan dan kewajipan Kerajaan Negeri di bawah Perkara 83 berbangkit hanya apabila tanah diperlukan bagi "maksud-maksud Persekutuan".

Ada kemungkinan akan timbul keadaan-keadaan di mana akan menguntungkan kedua-dua Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan sekiranya Kerajaan Negeri boleh memberikan tanah kepada Kerajaan Persekutuan, atas syarat-syarat yang dipersetujui di antara mereka, tanpa tertakluk kepada formaliti membuat permintaan di bawah Perkara 83, walaupun tanah itu mungkin tidak diperlukan pada masa itu untuk maksud-maksud Persekutuan. Perkiraan seperti ini tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Perkara 83 itu.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya Perkara 83 itu dipinda dengan memasukkan Fasal baru (8) yang menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri boleh memberi tanah kepada Kerajaan Persekutuan, atas syarat-syarat yang dipersetujui bersama, tanpa Kerajaan Persekutuan membuat permintaan formal atas kuasanya di bawah Perkara itu.

Perkara 84

Perkara ini memperkatakan tentang keadaannya apabila tanah yang terletak pada Persekutuan atau pihak berkuasa awam tidak lagi dikehendaki untuk maksud-maksud Persekutuan. Dalam keadaan begini, tanah itu mestilah berbalik kepada Negeri, dengan syarat Kerajaan Negeri bersetuju membayar kepada Persekutuan amaun-amaun yang ditetapkan di dalam Fasal (1) Perkara itu. Jika Kerajaan Negeri tidak bersetuju membuat bayaran, maka tanah itu tidak akan berbalik kepada Negeri, dan Kerajaan Persekutuan atau pihak berkuasa awam akan bebas menjual tanah itu.

Perlaksanaan dasar penswastan Kerajaan Persekutuan mungkin melibatkan tanah-tanah yang dipegang untuk maksud-maksud Persekutuan oleh Kerajaan Persekutuan atau pihak berkuasa awam diuruskan dengan cara yang mungkin menimbulkan anggapan bahawa tanah-tanah itu telah terhenti diperlukan untuk maksud-maksud Persekutuan. Syarat Perkara 84 bahawa tanah yang tidak diperlukan untuk maksud-maksud Persekutuan mestilah berbalik kepada Negeri akan menyekat atau menyulitkan pelaksanaan dasar penswastan Kerajaan Persekutuan.

Fasal 4 Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya Perkara 84 itu dimansuhkan untuk menghapuskan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk menawarkan balik kepada Kerajaan Negeri tanah-tanah yang tidak lagi diperlukan untuk maksud-maksud Persekutuan, supaya Kerajaan Persekutuan atau pihak berkuasa awam yang berkenaan akan kekal memiliki tanah-tanah itu, walaupun ia tidak lagi diperlukan untuk maksud-maksud Persekutuan.

Perkara 85

Perkara 85 mengawal tanah-tanah yang dirizabkan untuk maksud-

maksud Persekutuan. Jika tanah-tanah itu tidak lagi diperlukan untuk maksud-maksud Persekutuan, Kerajaan Persekutuan diwajibkan melepaskan balik kepada Negeri jika Negeri membayar kepada Persekutuan pampasan yang ditetapkan dalam Fasal (1) Perkara itu. Jika Kerajaan Negeri tidak bersetuju menerima tawaran yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan itu, Kerajaan Negeri diwajibkan, jika diminta, memberikan tanah itu kepada Kerajaan Persekutuan secara kekal tanpa had tentang kegunaannya, dengan syarat Kerajaan Persekutuan membayar premium dan sebagainya, dan selepas itu Kerajaan Persekutuan bebas melupuskan tanah itu.

Tanah-tanah rizab mungkin terlibat juga dalam pelaksanaan dasar penswastan Kerajaan Persekutuan. Dalam melaksanakan dasar itu, tanah-tanah rizab mungkin akan diuruskan dengan cara yang akan dianggap bahawa tanah-tanah itu tidak lagi diperlukan untuk maksud-maksud Persekutuan.

Syarat yang dikenakan oleh Perkara 85 bahawa tanah itu hendaklah ditawarkan balik kepada Kerajaan Negeri akan menyekat atau menyulitkan pelaksanaan dasar penswastan.

Fasal 5 Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya Perkara 85 itu digantikan dengan Perkara 85 yang baru. Di bawah peruntukan baru itu, Kerajaan Persekutuan berhak meminta Kerajaan Negeri supaya memberi milik tanah-tanah rizab Persekutuan kepada Kerajaan Persekutuan, dengan syarat Kerajaan Persekutuan membayar nilai pasaran bagi tanah-tanah itu, setelah ditolak nilai pasaran bagi apa-apa kemajuan yang dibuat semasa tanah-tanah itu digunakan untuk maksud-maksud Persekutuan, dan juga apa-apa bayaran yang telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan pada mulanya

untuk membolehkan Kerajaan Negeri mengambil balik tanah-tanah itu untuk dirizabkan. Di bawah Perkara 85 yang baru itu, Kerajaan Persekutuan tidak lagi berkewajipan melepaskan kepada Negeri tanah-tanah rizab yang tidak lagi diperlukan untuk maksud-maksud Persekutuan, tetapi ia boleh berbuat demikian di bawah Fasal (3), asalkan Kerajaan Negeri membayar balik nilai pasaran bagi pemajuan-pemajuan dan kos pengambil balik tanah sebagaimana yang tersebut tadi.

Tentang tanah-tanah yang terus dirizabkan untuk maksud-maksud Persekutuan, Fasal (4) dalam Perkara 85 yang baru itu memberi kuasa yang luas kepada Kerajaan Persekutuan terhadap penggunaannya. Kerajaan Persekutuan boleh memberi kepada mana-mana orang hak untuk menggunakan tanah itu bagi maksud-maksud Persekutuan atau bagi maksud-maksud sampingan, dan jika Kerajaan Persekutuan tidak dapat menggunakan tanah itu buat sementara waktu untuk maksud Persekutuan, Kerajaan Persekutuan boleh memberi kepada mana-mana orang, hak untuk menggunakannya bagi apa-apa maksud selain daripada maksud Persekutuan, bagi tempoh dan dengan syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Perkara 86

Perkara 86 mengawal pelupusan tanah-tanah yang terletak pada Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan tidak boleh melupuskan tanah-tanah itu kecuali untuk maksud-maksud Persekutuan. Selain daripada itu, jika hendak dilupuskan kepada orang lain selain daripada pihak berkuasa awam, pelupusan itu hendaklah dibuat di bawah undang-undang Persekutuan atau atas perintah Yang di-Pertuan Agong yang diluluskan oleh Parlimen. Sesuatu

pihak berkuasa awam atau mana-mana orang yang memegang tanah daripada Kerajaan Persekutuan untuk maksud-maksud Persekutuan tidak boleh melupuskan tanah itu seterusnya kepada pihak lain kecuali kepada Kerajaan Persekutuan.

Kawalan yang dikenakan oleh Perkara 86 itu akan menyulitkan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan dan ekonomi Kerajaan Persekutuan, khususnya rancangan penswastaaan, yang akan melibatkan pelupusan tanah-tanah kepada pihak-pihak lain selain daripada pihak berkuasa awam, yang mungkin pula akan mengakibatkan tanah-tanah itu digunakan bagi maksud-maksud yang bukan maksud-maksud Persekutuan, sedangkan tanah itu tidak dirancang akan berbalik kepada Kerajaan Persekutuan.

Fasal 6 Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya Perkara 86 yang ada sekarang digantikan dengan Perkara 86 yang baru. Peruntukan baru itu memberi kebebasan kepada Kerajaan Persekutuan melupuskan apa-apa tanah yang terletak padanya kepada mana-mana orang sebagaimana yang ia fikirkan patut.

Perkara 118A

Perkara 118A menyatakan bahawa sesuatu aduan tentang tidak adanya dibuat pemilihan ke Dewan Rakyat hendaklah dianggap sebagai petisyen pilihanraya, dan Mahkamah Tinggi boleh membuat perintah untuk memaksa supaya pemilihan dibuat. Perkara itu juga menyatakan bahawa kegagalan membuat pemilihan dalam tempoh yang dinyatakan oleh Perkara 54 dan 55 tidak boleh dijadikan alasan untuk mengisytiharkan bahawa seseorang ahli itu tidak dipilih sewajarnya. Fasal 7 Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya Perkara 118A itu dipinda supaya ianya terpakai juga bagi pemilihan ke Dewan Undangan Negeri.

Perkara 121

Perkara 121 meletakkan kuasa kehakiman Persekutuan pada Mahkamah Tinggi dan Mahkamah-mahkamah Rendah. Ia juga meletakkan bidangkuasa tertentu pada Mahkamah Agung.

Fasal 8 Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya Perkara 121 dipinda dengan menghapuskan peruntukan tentang meletakkan kuasa-kuasa kehakiman pada mahkamah-mahkamah dan dengan memasukkan ke dalam Fasal (1) Perkara itu peruntukan yang menyatakan bahawa Mahkamah Tinggi dan Mahkamah-mahkamah Rendah hendaklah mempunyai bidang kuasa dan kuasa-kuasa sebagaimana yang diberi oleh atau di bawah Undang-undang Persekutuan. Dengan itu, perkara itu tidak lagi akan memberi penekanan pada meletakkan kuasa kehakiman Persekutuan pada mahkamah-mahkamah tetapi akan hanya memperkatakan tentang jenis-jenis mahkamah dan bidangkuasa serta kuasa-kuasanya.

Pindaan ini adalah perlu untuk menjelaskan lagi kedudukan mahkamah-mahkamah. Pada masa ini, dengan adanya peruntukan tentang meletakkan kuasa kehakiman Persekutuan itu, batasan antara bidang kehakiman dan bidang eksekutif atau perundangan adalah samar-samar. Dengan pindaan ini, Kerajaan berharap akan dapat menggariskan batasan itu dengan jelasnya. Ini adalah penting supaya pihak eksekutif, perundangan dan kehakiman dapat menunaikan tanggungjawab masing-masing tanpa mengganggu atau diganggu oleh pihak yang lain. Kebelakangan ini telah terdapat tanda-tanda bahawa perkara-perkara yang disangka adalah kuasa eksekutif semata-mata telah dianggap sebagai boleh disentuh oleh pihak kehakiman. Jika bidang tugas satu pihak dapat diganggu oleh pihak lain, pentadbiran negara akan terancam

dan akan menjadi lemah, dan pentadbiran yang lemah tidak akan dapat menjamin kestabilan dan kesejahteraan dalam sesuatu negara.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini diperlukan kerana rakyat dan penduduk negara ini dan juga Kerajaan perlu mengetahui dengan jelas apakah yang salah dan apakah yang tidak salah dari segi undang-undang negara. Untuk ini, adalah perlu kuasa eksekutif, kuasa perundangan dan kuasa kehakiman ditentukan dengan jelas.

Amatlah sukar bagi sesiapa juga membuat sesuatu jika ia tidak tahu sama ada perbuatannya itu salah atau tidak salah kerana undang-undang yang bertulis boleh diketepikan. Mungkin ia bertindak kerana ia berfikir apa yang dibuat olehnya tidak melanggar apa-apa undang-undang. Alangkah malang baginya jika tiba-tiba ia didakwa dan mahkamah memutuskan kesnya mengikut budi bicara mahkamah tanpa mengambil kira undang-undang yang sedia ada. Mahkamah boleh membuat keputusan ini dengan membuat bandingan dengan kes di negara-negara lain yang tidak diketahui umum, bahkan kadang-kadang tidak pun diketahui oleh peguam-peguam yang mungkin memberi nasihat kepada pihak yang didakwa. Sebab itu, biasa terjadi di mana mahkamah membuat keputusan yang berlainan terhadap dua kes yang sama latarbelakangnya. Sebab itu juga kes yang dahulu tidak pernah disoal oleh mahkamah kerana mematuhi peruntukan undang-undang, tiba-tiba disoal dan didapati salah berasaskan Natural Justice atau Judicial Review yang tidak bertulis.

Penggunaan British Common Law secara tidak terhad tanpa mengambil kira kebudayaan dan peradaban yang berlainan antara Britain dan Malaysia, penggunaan hak mahkamah yang tidak bertulis seperti Judicial Review, Natural Justice dan lain-lain

menjadikan undang-undang yang bertulis tidak berguna lagi dan orang awam serta Kerajaan tidak lagi boleh berpandukan kepada undang-undang apabila bertindak.

Di Britain, Tuan Yang di-Pertua, Parlimen mempunyai kuasa yang tertinggi sekali. Perlembagaan Britain tidak bertulis dan tidak berkuasa lebih dari Parlimen. Dengan itu, Parlimen dapat membuat keputusan yang muktamad mengenai sesuatu. Pihak lain perlulah menerima keputusan Parlimen dan tidak membuat interpretasi yang berlainan daripada Parlimen.

Di Malaysia, kita bersetuju menjadikan Perlembagaan yang bertulis sebagai sumber undang-undang dan kuasa tertinggi sekali. Tetapi interpretasi semua undang-undang dan Perlembagaan kita diserahkan kepada mahkamah tanpa had. Ini bermakna bahawa sebenarnya Perlembagaan yang bertulis tertakluk kepada budibicara kehakiman yang kadang-kadang bertukar-tukar dan berbeza antara satu hakim dengan hakim yang lain. Ini telah berlaku dalam kes bidang-kuasa Kerajaan dan hak Menteri berkenaan soal keselamatan.

Dengan kuasa membuat interpretasi ini, mahkamah boleh dan telah pun membuat interpretasi yang lari jauh daripada maksud dan semangat sesuatu undang-undang itu digubal. Mahkamah telah membuat keputusan bahawa dalam menguatkuasakan undang-undang, mereka tidak terikat dengan tujuan dan maksud undang-undang itu digubal oleh Parlimen. Mereka membuat dasar sendiri bahawa mereka hanya terikat dengan interpretasi mereka terhadap ayat-ayat yang didapati dalam undang-undang. Dengan itu, segala keterangan dan penjelasan dan perbincangan semasa undang-undang digubal dalam Dewan Rakyat dan

Dewan Negara menjadi sia-sia sahaja. Perbincangan kita di Dewan yang mulia ini tidak mencapai apa-apa faedah.

Walaupun mahkamah berkata mereka hanya terikat kepada susunan ayat dalam undang-undang, tetapi dalam kes-kes tertentu, mereka membelakangkan undang-undang bertulis sama sekali. Biasa terjadi di mana undang-undang yang begitu jelas sehingga tidak ada siapapun yang boleh keliru atau membuat tafsiran yang berbeza, tetapi ada mahkamah yang masih juga membuat tafsiran yang berlainan atau mengenyepikan sama sekali undang-undang berkenaan.

Ada mahkamah yang membelakangkan undang-undang yang bertulis kerana lebih mengutamakan keputusan kes-kes di Britain dan lain-lain negara. Sekali lagi saya ingin menarik perhatian bahawa Malaysia bukan Britain. Kebudayaan dan tamadun British dan lain-lain negara barat berbeza dengan ketaranya daripada kebudayaan dan tamadun masyarakat berbilang kaum dan berbilang agama di Malaysia.

Sebagai contoh, orang-orang Eropah dan Amerika sekarang menerima kesedudukan dan perkahwinan secara *de facto* antara lelaki dengan lelaki dan perempuan dengan perempuan. Mereka juga mengiktirafkan berkesedudukan sebagai perkahwinan sehingga jika mereka berpisah, ini dianggap sebagai "bercerai", dan mahkamah boleh menetapkan "alimony" atau saraan kepada isteri atau suami pura-pura dalam perkahwinan ini. Apakah ada persamaan antara kebudayaan ganjil ini dengan kebudayaan di Malaysia? Apakah nilai-nilai seperti ini secukupnya dengan agama yang kita anuti? Apakah perlunya kita mengikuti nilai hidup mereka atau tafsiran dan konsep mereka berkenaan dengan kebebasan individu membuat sesuka hati

mereka? Apakah hanya tafsiran dan logik mereka sahaja yang betul sehingga kita patut membelakangkan undang-undang yang kita buat dengan proses yang panjang dan perbahasan yang mendalam? Apakah Natural Justice mereka lebih utama daripada undang-undang kita?

Apakah dianya Natural Justice ini? Apakah yang "natural" sangat berkenaan dengan keadilan yang dilaksanakan oleh mahkamah Barat. Pada satu ketika dahulu mereka mengenakan hukuman gantung kepada seseorang yang mencuri kambing. Sekarang, orang yang membunuh berpuluh orang, penganas atau terrorist yang ganas yang membunuh dengan sesuka hati pun tidak dikenakan hukuman mati. Maka dengan itu, ramai yang dahulu takut membunuh, sekarang berani membunuh dengan sewenang-wenangnya. Jika terdapat sepucek senapang, ada mereka yang dengan gembira, menembak mati orang yang berjalan di jalan atau melintas di hadapan mereka. Apa yang hendak ditakutkan? Hukuman yang terberat sekali ialah hukuman penjara seumur hidup. Itupun jika baik kelakuan, mereka boleh dibebaskan selepas di penjara beberapa tahun sahaja. Selepas dibebaskan, ada yang membunuh lagi. Apakah ini satu jenis Natural Justice? Apakah yang begitu natural dengan simpati yang ditunjukkan kepada pembunuh tetapi tidak ditunjukkan kepada yang dibunuh?

Apakah ini yang menjadikan Natural Justice lebih baik daripada undang-undang kita sehingga kita mesti mengikutinya? Apakah kebebasan yang terlampau yang diberikan kepada orang Barat mesti diberikan juga kepada kita? Apakah nyawa orang yang dibunuh tidak bernilai tetapi nyawa pembunuh begitu "sacred" sehingga ia tidak boleh dikenakan hukuman mati?

Malaysia bukan Eropah, bukan Amerika. Kita mempunyai kebudayaan kita sendiri, nilai-nilai kita sendiri. Kita boleh meminjam apa yang dianggap baik dan secukupnya dengan kita, tetapi kita tidak terikat dengan semua yang dibuat atau dipercayai oleh mereka. Kita terima demokrasi tetapi kita tidak perlu terima semua yang mereka anggap demokratik. Hak memiliki senjata, umpamanya, bukanlah asas demokrasi sehingga jika tidak dibenarkan, maka kita tidak demokratik.

Dalam demokrasi kita, rakyat berkuasa. Rakyat melantik wakil mereka yang ditugaskan untuk membentuk Kerajaan dan membuat undang-undang. Jika rakyat mahu Kerajaan disekat sehingga tidak boleh menggubal undang-undang tertentu, rakyat akan menjatuhkan Kerajaan itu dan membahagi-bahagikan perwakilan mereka antara parti-parti politik sehingga tidak akan terbentuk sebuah Kerajaan yang boleh melanggar kehendak rakyat. Jika rakyat memilih untuk memberi kuasa kepada sebuah parti sehingga parti itu boleh meminda perlembagaan, rakyat boleh memilih bilangan ahli yang mencukupi daripada parti itu untuk berbuat demikian. Seorang individu, walau apapun jawatannya, tidak berhak mengenyepikan kehendak rakyat. Satu golongan elit tidak berhak menghalang kehendak rakyat kerana golongan elit ini memikirkan mereka lebih arif daripada rakyat.

Jika pihak lain mengenyepikan hak rakyat dengan melanggar konsep demokrasi kita, maka perbuatan itu adalah tidak demokratik. Sebab itu, undang-undang yang dibentuk oleh wakil rakyat mesti dihormati. Sesiapa yang membelakangkan undang-undang yang dibuat oleh Kerajaan pilihan rakyat, ianya mencabul demokrasi. Justeru itu, kita wakil rakyat dan rakyat amnya tidak boleh menerimanya.

Namun demikian, sistem demokrasi kita memberi peluang kepada pihak kehakiman dan pihak perkhidmatan awam yang kekal, atau permanent civil service, untuk menegur wakil rakyat—iaitu Kerajaan—dalam urusan harian melalui saluran-saluran tertentu. Kuasa menegur dan mengawal Kerajaan tidak bermakna anugerahan kuasa menidakkan hak rakyat dan wakil-wakil mereka. Juga jika wakil rakyat dan Kerajaan menyeleweng atau melakukan jenayah, mereka boleh dihukum sama seperti orang lain. Sejarah menunjukkan bahawa Kerajaan mematuhi keputusan mahkamah berkenaan dengan Menteri-menteri Kabinet. Ada yang disingkir daripada Kabinet kerana menyalahi undang-undang. Tetapi mahkamah juga perlu patuh kepada undang-undang.

Untuk menentukan bahawa suatu imbang tercapai, kita memerlukan kehakiman dan perkhidmatan awam yang tidak terlibat dengan parti politik. Malangnya, pada masa yang lampau ini, kita mendapati beberapa anggota kehakiman sudah terlibat dengan politik. Mempunyai sikap yang ditakrifkan sebagai "fiercely independent" di kalangan beberapa anggota kehakiman secara tidak langsung mereka terlibat dengan politik pembangkang. Sudah tentu untuk memperlihatkan kebebasan mereka itu bersungguh-sungguh atau fierce, mereka akan "bend over backwards" untuk memberi keputusan yang memihak kepada pencabar Kerajaan.

Kehakiman sepatutnya menumpukan perhatian kepada keadilan dan tidak memihak kepada sesiapapun. Apabila hakim berasa perlu ia membuktikan kebebasannya terlebih dahulu, maka keadilan akan mendapat tempat yang kedua. Dengan perkataan lain, keadilan tidak tercapai apabila hakim lebih mengutamakan sikap bebasnya dari Kerajaan. Oleh sebab inilah, maka ada hakim-hakim

yang semasa menjatuhkan hukuman membuat kenyataan yang tidak berasas, seolah-olah melepaskan geram. Kenyataan-kenyataan ini dibuat kerana kepercayaan bahawa apa yang dikatakan oleh hakim tidak boleh ditegur. Jika dikritik, maka hakim boleh mendakwa di bawah "menghina mahkamah" atau "contempt of court". Jika ada rayuan, maka kes itu menjadi "sub judice" dan sekali lagi segala komen terhadap kes berkenaan dianggap salah. Dengan perkataan lain, hakim boleh mencemuh seseorang kerana orang itu tidak berhak mempertahankan diri.

Ini dapat dilihat apabila seorang hakim mendakwa Menteri mempunyai niat buruk atau "mala fide" kerana tidak menyiasat sama ada maklumat yang disampaikan oleh pegawainya tepat atau tidak. Setiap orang Menteri mempunyai berpuluh pegawai yang ditugaskan dengan tugas-tugas tertentu. Setiap hari Menteri menerima berbagai-bagai laporan daripada pegawai-pegawai ini. Jika kerja-kerja Menteri hendak dijalankan, maka Menteri terpaksa mempercayai maklumat yang disampaikan oleh pegawai kepadanya. Jika tidak, Menteri mestilah memeriksa dan menyelidik sendiri setiap butir maklumat yang disampaikan oleh pegawainya, sebelum ia membuat apa-apa keputusan. Jika Menteri terpaksa menyelidik sendiri untuk menentukan benar atau tidak sesuatu butir maklumat, maka pegawai tidaklah diperlukan lagi. Dalam keadaan yang Menteri mempunyai masa yang terhad untuk membuat keputusan, maka penyelidikan terhadap kebenaran tiap-tiap maklumat tidak mungkin dibuat. Hanya apabila Menteri mengesyaki maklumat yang disampaikan kepadanya tidak tepat, barulah ia akan mengarahkan supaya penyelidikan dibuat oleh pegawai yang lebih tinggi. Jika laporan yang disampaikan kepadanya adalah dari pegawai yang biasa melapor

kepadanya di masa lepas dan biasanya laporan itu tepat, tidak ada sebab kenapa Menteri patut mengesyaki apa-apa. Menteri harus menerima laporan yang disampaikan kepadanya.

Memang ada kemungkinan bahawa di antara beratus butir laporan yang diterima oleh Menteri, terdapat satu yang tidak tepat. Hanya dengan kerana Menteri tidak mengesyakki satu butir maklumat dan tidak menyelidik, tidak bermakna ia berniat buruk.

Jika kerana satu butir maklumat tidak tepat, maka ini bermakna Menteri berniat buruk dan dengan itu lima butir maklumat yang benar diketepikan, maka keadilan tidak akan tercapai. Jika seorang dituduh membunuh enam orang dan terdapat tuduhan terhadap satu kes tidak benar, apakah yang lima lagi yang mempunyai bukti yang jelas menjadi tidak benar juga? Jika inilah asas pertimbangan kehakiman, maka di mana letaknya keadilan? Berasaskan kepada logik ini, mungkin tidak ada siapapun yang akan didapati bersalah.

Hakim bukanlah seorang yang tidak boleh membuat salah atau tidak boleh berniat buruk. Dalam kes *Carrian* di Hong Kong, seorang Hakim, Justice Barker, telah membuat keputusan yang ganjil dalam pandangan seluruh dunia. Keputusan ini dikesan oleh akhbar dan juga Majlis Peguam atau Bar Council Hong Kong. Apabila Hakim Besar Hong Kong disoal dalam temuramah di televisyen, beliau enggan menjawab. Nampaknya, beliau juga tidak percaya hakim berkenaan membuat keputusan yang adil. Perkara yang menarik ialah orang awam dan Majlis Peguam di Hong Kong berani membuat teguran terhadap keputusan hakim. Kata seorang QC yang terkenal, keputusan Justice Barker adalah "irrational and bizarre" atau "tidak siuman dan pelek". Apakah tidak mungkin di Malaysia juga terdapat keputusan

hakim yang irrational, bizarre dan *mala fide*? Setiap kuasa yang diberi mesti digunakan dengan penuh tanggungjawab. Janganlah kerana immunity yang diberi, maka kita melemparkan tohmahan dengan sewenang-wenangnya dan kita membuat sesuatu sesuka hati kita. Mengikut laporan akhbar semalam, Justice Barker telah meletakkan jawatannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya membuat kenyataan ini kerana adalah amat penting rakyat mempunyai kepercayaan kepada sistem kehakiman negara. Jika saya tidak menjelaskan tentang lemahnya asas hukuman yang dibuat oleh seseorang hakim, maka rakyat akan tertanya-tanya akan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan. Mungkin kenyataan ini akan prejudice kes rayuan Kerajaan. Ini adalah risiko yang kita tidak dapat elakkan. Hakikatnya ialah amalan sub judice dan contempt of court kadang-kadang menghalang hal pihak yang dicemuh mempertahankan diri. Seperti juga apa-apa sistem, baik-buruknya bergantung kepada orang yang menjalankannya. Jika orang ini menyalahgunakan sistem ini, dengan kepercayaan bahawa tiada sesiapa boleh membuat apa-apa kepadanya, maka sistem ini akan membawa keburukan. Membuat tuduhan bahawa Menteri bertindak dengan sewenang-wenangnya ataupun cavalier dan mempunyai niat buruk *mala fide* adalah perkara yang serius yang mencemar nama Menteri. Sudah tentu akhbar luar negeri akan gembira dengan tuduhan ini, dan sudah tentu imej negara terjejas. Sudah tentu parti Pembangkang akan gembira, Soalnya, benarkah tuduhan ini? Oleh kerana contempt of court, mulut pihak yang dicemoh ditutup. Bahkan akhbar tempatan pun tidak dapat membuat apa-apa komen. Apakah ini keadilan?

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kita perlu berpegang kepada undang-

undang yang jelas. Kehakiman dipenuhi dengan manusia biasa yang mempunyai perasaan yang tidak berbeza dengan manusia lain. Jika mereka begitu bebas dan kebebasan ini membawa kepada ketidakadilan, maka hasrat kehakiman tidak akan tercapai. Oleh itu, adalah lebih adil kita berpegang kepada undang-undang yang bertulis yang dibuat mengikut kehendak rakyat dalam sistem demokrasi berparlimen ini. Hakim perlulah menjelaskan di bawah undang-undang mana yang ia membuat hukuman. Budi bicara hakim hendaklah tertakluk kepada undang-undang negara melainkan tidak ada undang-undang negara berkaitan dengan kes berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, terdapat lebih 300,000 kes yang belum dibicarakan. Bagi mereka yang menunggu keadilan dalam kes-kes ini, tidak adanya perbicaraan bermakna keadilan tidak ada bagi mereka. Mungkin ada di antara mereka yang akan meninggal dunia sebelum kes mereka didengar. Jika didengar sekalipun, mungkin butir-butir berkenaan dengan kes mereka sudahpun dilupai oleh saksi-saksi dan pegawai-pegawai yang berkenaan. Mungkin pihak yang mendakwa dan yang didakwa sendiri pun sudah lupa. Ramai pula yang ditahan dalam penjara reman atau remand prison sementara menanti perbicaraan. Baru-baru ini seorang pengedar dadah telah berada dalam tahanan selama 8 tahun. Jika ia bersalah, ini tidak mengapa. Tetapi jika akhirnya ia didapati tidak bersalah, maka teraniyalah dia. Walau apa pun dibuat, tempoh beberapa tahun yang ia merengkok dalam penjara tidak dapat diganti. Justeru itu, amatlah penting bagi kes-kes mereka didengar dengan segera. Dan ini boleh dibuat jika pelaksanaan undang-undang bertulis diutamakan dalam kes-kes yang dibicarakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang sering menjadi sungutan dan

menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat Islam di negara ini ialah keadaan di mana mahkamah-mahkamah sivil dapat mengubah atau membatalkan sesuatu keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah Syariah. Misalnya, pernah berlaku keadaan di mana seseorang yang tidak puas hati dengan keputusan mahkamah Syariah tentang penjagaan kanak-kanak telah membawa guaman itu ke Mahkamah Tinggi pula dan berjaya mendapat keputusan yang berlainan. Kerajaan berpendapat bahawa keadaan seperti itu menjejaskan kewibawaan mahkamah Syariah dan pelaksanaan dan pentadbiran Hukum Syara' di kalangan umat Islam di negara ini. Adalah sangat penting menjamin kewibawaan mahkamah Syariah oleh kerana sudah sewajarnya mahkamah Syariah di beri kuasa penuh untuk menentu dan memutuskan perkara-perkara yang termasuk dalam bidanguasanya, apatah lagi kerana perkara-perkara itu melibatkan Hukum Syara'.

Oleh yang demikian, adalah dicadangkan juga supaya ditambah satu Fasal baru kepada Perkara 121 itu, iaitu Fasal (1A), yang menjelaskan bahawa mahkamah-mahkamah yang tersebut dalam Perkara itu tidak mempunyai bidanguasa berkenaan dengan apa-apa perkara yang terletak di bawah bidanguasa mahkamah Syariah. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengadakan Mahkamah Tinggi supaya rujukan boleh dibuat oleh pihak yang tidak berpuas hati.

Perkara 142

Fasal (2A) dalam Perkara 142 menetapkan bahawa pengerusi sesuatu Suruhanjaya Perkhidmatan tidak layak memegang jawatan jika dia bergiat dalam urusan perniagaan dan sebagainya. Fasal 9 Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Fasal (2A) itu supaya timbalan Pengerusi sesuatu Suruhanjaya Perkhidmatan akan juga tertakluk kepada Fasal itu.

Perkara 145

Fasal (3) Perkara 145 memberi budi bicara kepada Peguam Negara untuk memulakan prosiding bagi sesuatu kesalahan. Dalam membuat sesuatu keputusan semasa menjalankan budibicaranya, Peguam Negara sewajarnya berpandukan kepada kenyataan-kenyataan yang dikemukakan kepadanya oleh pihak penyiasat. Mungkin dari kenyataan-kenyataan yang diterima, dan atas sebab-sebab tertentu, mungkin dari segi keselamatan, kerumitan kes, dan lain-lain lagi, sesuatu kes itu tidak sesuai dibicarakan di mahkamah rendah di sesuatu tempat tertentu. Untuk kepentingan keadilan, untuk mejamin agar kedua-dua pihak mendapat peluang yang sama untuk mengemukakan kes mereka sewajarnya, mungkin perlu memindahkan kes yang berkenaan dari Mahkamah Rendah ke Mahkamah Tinggi tanpa mengadakan penyiasatan awal atau preliminary enquiry.

Memandangkan keperluan tersebut, Parlimen telah menganunkan Akta Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan dan Perluasan) 1976 yang menambahkan kepada Kanun Prosedur Jenayah satu seksyen baru, iaitu seksyen 418A. Seksyen itu memberi kuasa kepada Pendakwa Raya untuk meminta mahkamah rendah memindahkan kes yang menunggu penyelesaian dihadapannya ke Mahkamah Tinggi di tempat yang ditetapkan oleh Pendakwa Raya, dan Mahkamah Rendah berkewajipan menghantar kes itu ke Mahkamah Tinggi yang ditetapkan itu tanpa mengadakan apa-apa penyiasatan awal.

Beberapa kes telah dipindahkan ke Mahkamah Tinggi di bawah seksyen itu. Dalam tahun 1976 seksyen itu telah dicabar dan Mahkamah Tinggi memutuskan seksyen itu tidak sah kerana bercanggah dengan

Perlembagaan, tetapi Mahkamah Persekutuan, setelah mendengar rayuan terhadap keputusan itu, telah memutuskan seksyen itu adalah sah. Dalam tahun 1987 seksyen itu dicabar lagi atas alasan-alasan lain pula, dan kali ini Mahkamah Agung memutuskan bahawa seksyen itu tidak sah. Semua ini jelas menunjukkan terdapatnya ketidakpastian tentang sahnya seksyen itu.

Oleh itu, demi untuk membolehkan Peguam Negara menjalankan tugas-tugasnya sebagai Pendakwa Raya dengan tegas, adalah difikirkan perlu mengadakan peruntukan khusus dalam perlembagaan yang akan membolehkan peruntukan seperti seksyen 418A itu dibuat dalam undang-undang.

Untuk maksud itu, Fasal 10 Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya dimasukkan ke dalam Perkara 145 Fasal baru (3A) yang membolehkan undang-undang Persekutuan memberi kuasa kepada Peguam Negara menentukan mahkamah-mahkamah di mana prosiding-prosiding yang Peguam Negara berkuasa memulakan akan diadakan atau kepada mana prosiding itu akan dipindahkan.

Perkara 158

Perkara itu membolehkan perki-raan-perkiraan dibuat berkenaan dengan Kerajaan Brunei tentang hal-hal pentadbiran perkhidmatan dan kuasa Esekutif.

Oleh kerana perkiraan-perkiraan itu tidak diperlukan lagi sekarang, setelah negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan, adalah dicadangkan melalui Fasal 11 Rang Undang-undang ini supaya Perkara 158 itu dimansuhkan.

Jadual Kesembilan

Fasal 12 Rang Undang-undang ini bertujuan membuat beberapa pindaan kepada Senarai-senarai Undang-undang

dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan. Pindaan-pindaan itu menyentuh perkara-perkara perumahan, peninggalan purba dan sebagainya, dan kebudayaan dan sukan.

Perumahan

Tentang perumahan, butiran 24 dalam Senarai I (Senarai Persekutuan) menetapkan "perumahan persekutuan dan amanah kemajuan" ("federal housing and improvement trust") sebagai perkara Persekutuan. Butiran 4 (c) Senarai II (Senarai Negeri) menetapkan sebagai perkara Negeri "perumahan dan peruntukan-peruntukan bagi kemudahan perumahan: amanah kemajuan" ("housing and provisions for housing accommodation: improvement trusts").

Kerajaan Persekutuan merancang untuk memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan Dasar Perumahan Negara. Hasrat untuk menyediakan perumahan bagi rakyat negara ini yang memerlukan tempat tinggal tentu akan dapat dicapai ke tahap yang lebih tinggi sekiranya usaha-usaha Kerajaan-kerajaan Negeri ditampung dengan penglibatan yang gigih di pihak Kerajaan Persekutuan.

Untuk memainkan peranannya dalam usaha ini dengan berkesan, Kerajaan Persekutuan mungkin perlu mewujudkan undang-undang tertentu. Tetapi dengan keadaan butiran-butiran dalam Senarai I dan II sebagaimana dinyatakan tadi, adalah sukar hendak menentukan apakah batasan bidangkuasa Persekutuan dalam perkara perumahan Bahawasanya butiran 24 dalam Senarai I menggunakan perkataan "federal" tidak dapat membantu dalam soal ini oleh kerana tentu sekali apa yang diusahakan oleh Kerajaan Persekutuan itu adalah perumahan Persekutuan.

Adalah dicadangkan supaya butiran 24 Senarai I dimansuhkan dan butiran 4 (c) dalam Senarai II dipindahkan kepada Senarai III (Senarai Bersama) dengan menjadi butiran 9c. Dengan itu, perkara perumahan dan sebagainya akan menjadi perkara bersama yang tidak ada batasannya bagi Kerajaan Persekutuan daripada segi Perlembagaan.

Peninggalan Purba dan Sebagainya

Tentang peninggalan purba dan sebagainya, di bawah butiran 13 (b) Senarai I perkara "perpustakaan; muzium, monumen dan rekod purbakala dan sejarah serta tapak dan peninggalan zaman purba" adalah perkara Persekutuan. Perkara itu adalah juga perkara Negeri bagi Negeri-negeri Sabah dan Sarawak sahaja, sebagaimana diperuntukkan oleh butiran 17 Senarai IIA, kecuali jika mana-mana perkara itu diisytiharkan sebagai hak Persekutuan oleh undang-undang Persekutuan.

Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, seperti negeri Melaka misalnya, yang berhasrat menjalankan usaha-usaha untuk mengekalkan dan memperbaiki peninggalan-peninggalan atau warisan-warisan sejarahnya, tidak dapat berbuat demikian dengan berkesan oleh kerana mereka tidak ada kuasa membuat undang-undang mengenai perkara itu.

Adalah dicadangkan supaya butiran 17 dalam Senarai IIA itu dipindahkan kepada Senarai II supaya perkara ini, tertakluk kepada butiran 13(b) Senarai I, akan menjadi perkara Negeri bagi semua Negeri di Malaysia.

Kebudayaan dan Sukan

Mengenai kebudayaan dan sukan, pada masa ini perkara kebudayaan dan sukan tidak disebut dalam Jadual Kesembilan. Oleh yang demikian menurut Perkara 77, hal kebudayaan dan sukan menjadi hal yang di bawah

kuasa perundangan Negeri-negeri, sedangkan Kerajaan Persekutuan banyak menjalankan usaha-usaha bagi kepentingan kebudayaan dan sukan seluruh negara dan usaha-usaha itu ada kalanya memerlukan undang-undang untuk menjadi lebih berkesan.

Adalah dicadangkan supaya perkara kebudayaan dan sukan dimasukkan ke dalam Senarai III sebagai butiran 9B, dengan itu menjadi perkara bersama.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan itu tadi adalah difikirkan penting bagi menyelaraskan Perlembagaan dengan keperluan semasa. Ianya juga adalah untuk melicinkan lagi pentadbiran negara. Tentangan terhadapnya daripada pihak-pihak tertentu adalah dijangkakan. Mereka ini, seperti biasa, meminta orang asing campurtangan dalam urusan rumahtangga kita. Sementara mereka bercakap tentang kebebasan kehakiman ataupun independence of the judiciary, mereka nampaknya belum sedar akan kemerdekaan negara sendiri.

Undang-undang ini tidak menjejaskan kebebasan kehakiman. Mereka tidak dikehendaki memihak kepada Kerajaan. Mereka hanya dikehendaki berpegang kepada undang-undang negara. Undang-undang negara disahkan atau dibuat oleh Parlimen. Jika Parlimen di Britain adalah agung atau supreme, apakah salahnya jika dalam penggubalan undang-undang di Malaysia, Parlimen diberi hak yang sama?

Membenarkan mahkamah-mahkamah membuat undang-undang sendiri dan kemudian melaksanakan undang-undang itu, bermakna mahkamah memainkan peranan sebagai badan perundangan dan kehakiman. Ini adalah bertentangan dengan Doktrin Perasingan Kuasa atau Doctrine of Separation of

Powers. Mengikut doktrin ini, badan perundangan hendaklah membuat undang-undang dan pihak kehakiman menghukum mengikut undang-undang itu. Pindaan Perlembagaan ini menentukan persaingan kuasa ini diamalkan dan timbal-tindih kuasa tidak lagi berlaku antara pihak kehakiman dengan perundangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. (*Tepuk*)

Menteri Pengangkutan (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.29 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sebagai Wakil Rakyat parti DAP untuk membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), 1988 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Selepas mengikuti ucapan daripada Yang Amat Berhormat lebih kurang satu jam, saya tidak dapat menerima sebab-sebab yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat tentang betapa perlunya supaya Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini hendaklah diluluskan.

Satu perkara yang saya amat tidak bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah tentang kenyataan yang dibuat tadi, bahawa Rang Undang-undang ini tidak menjejaskan Kehakiman dan Yang Amat Berhormat juga telah menggunakan United Kingdom

sebagai satu contoh untuk menyatakan bahawa Parlimen U.K. adalah kuasa agong dan oleh kerana di U.K. mereka itu tidak ada Perlembagaan yang bertulis, tetapi ini bukan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, DAP membantah keras cadangan pindaan-pindaan ini merupakan satu lagi percubaan oleh pihak Eksekutif untuk merampas selanjutnya kuasa pihak Perhakiman serta merupakan satu serangan yang serius ke atas doktrin pemisahan kuasa atau (Doctrine of the Separation of Powers). Pada anggapan kami pindaan-pindaan ini apabila diluluskan akan tetap menjejaskan ciri asas (basic Character) Perlembagaan Persekutuan di negara kita dan sistem politiknya.

Semenjak merdeka dalam tahun 1957 perkembangan-perkembangan mengenai Perlembagaan di Malaysia menandakan perampasan secara progresif, kuasa-kuasa pihak Perundangan dan Perhakiman oleh pihak Eksekutif yang mejejaskan dengan seriusnya "doktrin pemisahan kuasa dan memomokkan konsep keluhuran Undang-undang. Dengan pindaan-pindaan yang baru ini kepada Perlembagaan yang tadi telah dibentangkan, Malaysia telah sampai ke satu tahap di mana pihak Eksekutif tidak lagi menghormati Perundangan dan Perhakiman.

Dalam sebuah demokrasi yang tulin hak persendirian seorang rakyat khasnya hak asasinya terhadap kebebasan persendirian, berucap, berhimpun, berpersatuan dan kepercayaan dilindungi oleh pihak Perhakiman terhadap sebuah Kerajaan yang bertindak secara wenang-wenang.

Apabila kita meneliti berbagai-bagai pindaan kepada Perlembagaan yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dalam masa-masa lampau dan sehingga kini, kita akan dapati

bahawa kita telah sampai ke satu tahap di mana pihak Perhakiman dicegah daripada melindungi rakyat dari sebuah Kerajaan yang bertindak secara wenang-wenang dengan mencero bohi hak-hak asasi rakyat melalui pelbagai undang-undang yang tidak boleh dicabar dalam sebuah Mahkamah Undang-undang, maka dengan itu kita telah menghampiri begitu dekat sehingga memusnahkan doktrin pemisahan kuasa dan keluhuran undang-undang yang mana doktrin pemisahan kuasa dan keluhuran undang-undang diwujudkan semata-mata untuk memastikan rakyat Malaysia hidup di bawah pemerintahan sebuah, dengan izin, Government of Laws and not of men.

Sebelum saya komen ke atas beberapa pindaan yang begitu controversial kepada Perlembagaan yang dicadangkan ini, yang mempunyai akibat yang serius bagi rakyat dan negara, ingin saya melahirkan rasa amat dukacita saya ke atas masa yang begitu singkat, yang diberi kepada Ahli-ahli Dewan ini untuk membahaskan Rang Undang-undang yang begitu penting dan mustahak, yang mempunyai implikasi-implikasi yang berat bagi negara kita.

Seseorang akan menduga bahawa Kerajaan akan berlaku adil dan memberi masa yang cukup bukan sahaja kepada Ahli-ahli Parlimen, tetapi juga kepada rakyat Malaysia dari segenap lapisan masyarakat termasuk Majlis Peguam dan Badan-badan yang lain untuk memberi pandangan mereka ke atas satu Rang Undang-undang yang begitu penting, yang mempunyai pindaan-pindaan yang begitu drastik dengan kesan-kesan meluas terhadap Perlembagaan Persekutuan, Mengapakah Kerajaan ingin membuldozekan, dengan izin, pindaan-pindaan yang amat controversial ini dengan begitu deras?

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bukunya

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanah Merah.

Tuan Hashim bin Safin: Minta penjelasan!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta penjelasan.

Tuan Hashim bin Safin: Pertama, Yang Berhormat dari Bukit Bendera menyatakan Persatuan Peguam ataupun kelompok-kelompok kecil tidak diberi hak. Saya hendak minta penjelasan, yang mana lebih berhak mewakili rakyat antara kelompok-kelompok kecil dan kumpulan minoriti dengan Wakil-wakil Rakyat yang dipilih di Parlimen yang mewakili rakyat di seluruh ceruk rantau. Minta penjelasan, yang mana lebih berhak?

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya Yang Berhormat yang berkenaan haruslah berasa bangga kerana saya berdiri di sini untuk mempertahankan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini tidak diberi masa yang cukup (*Tepuk*) untuk mengkaji, untuk membincang masalah yang di hadapan kita. Maksud saya, yang saya sampaikan tadi, ialah memandangkan bahawa Rang Undang-undang yang dibentangkan pada petang merupakan satu perkara yang begitu mustahak, yang boleh dikatakan yang amat suci, maka semua rakyat Malaysia daripada semua lapisan masyarakat haruslah diberi peluang oleh sebab pindaan Perlembagaan ini melibatkan warganegara di negara kita

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Hashim bin Safin: Bolehkah saya dapat penjelasan lagi? Apakah Yang Berhormat bermaksud, masa itu terhad kepada masa perbahasan, sedangkan sesuatu yang berlaku itu berdasarkan sejarah-sejarah dan persekitaran tersendiri yang perlu diambil kira dan kita sebagai orang berpengetahuan boleh membaca tentunya ada maklumat-maklumat atau persekitaran yang telah berlaku padanya yang membawa kepada sesuatu perkara yang perlu kepada pindaan. Apakah Yang Berhormat menggunakan jangka masa hanya kepada perbahasan ini ataupun kita mesti relate, dengan izin, kepada perkara-perkara yang harus dipertimbangkan sebelum daripada ini yang perlu kepada kita membuat keputusan sebagai satu keputusan yang muktamad untuk kepentingan ramai rakyat Malaysia. Minta penjelasan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bahawa Yang Berhormat yang berkenaan itu tidak memahami apa yang saya telah menjawab tadi. Yang sebenarnya seperti mana yang saya telah katakan tadi memang adalah menjadi tanggungjawab Ahli-ahli Parlimen untuk membahaskan, membincang perkara ini, akan tetapi apa yang saya maksudkan tadi ialah memandangkan bahawa ini ialah satu perkara melibatkan pindaan kepada Perlembagaan, satu perkara yang begitu mustahak dan tadi saya ada mengesyorkan bahawa yang sepatutnya pihak Kerajaan haruslah memberikan peluang yang luas kepada semua lapisan masyarakat dalam membincangkan perkara ini.

Saya tidak mahu memberi jalan lagi memandangkan bahawa Yang Berhormat sangat berdegil dan tidak mahu memahami apa yang saya telah katakan tadi. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam

buku "The Malay Dilemma" telah membidas bekas Perdana Menteri dan "Bapa Malaysia" Tunku Abdul Rahman kerana meluluskan pindaan-pindaan kepada Perlembagaan dengan begitu deras. Kini beliau sendiri membuat perkara yang sama yang beliau telah bidas satu ketika dahulu.

Pindaan yang amat controversial dan buruk ialah Fasal 8 dalam Rang Undang-undang ini yang bertujuan meminda Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan yang menyerahkan kuasa-kuasa Kehakiman di Persekutuan Tanah Melayu kepada Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah. Peruntukan ini sekarang dimansuhkan dan digantikan dengan satu Fasal baru yang mana kuasa-kuasa dan bidangkuasa mahkamah-mahkamah ini adalah diberikan di bawah Undang-undang Persekutuan.

Perkara 121 (1) menyatakan:

Kuasa Kehakiman Persekutuan hendaklah diletakhakkan kepada kedua-dua Mahkamah Tinggi bagi menyelaras bidang-kuasa dan kuasanya iaitu:

- (a) satu ialah dalam negeri-negeri Tanah Melayu yang dikenali sebagai Mahkamah Tinggi Malaya dan hendaklah mempunyai Pejabat Pendaftaran utama di Kuala Lumpur;
- (b) satu lagi negeri Sabah dan Sarawak yang dikenali sebagai Mahkamah Tinggi Borneo dan hendaklah mempunyai Pejabat Pendaftarannya di tempat-tempat tertentu dalam negeri-negeri Sabah dan Sarawak seperti yang diputuskan oleh Yang di-Pertuan Agong; dan
- (c) dalam mana-mana mahkamah-bawah seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang Persekutuan;"

Di bawah cadangan-cadangan pindaan itu, perkataan-perkataan "kuasa-kuasa Kehakiman Persekutuan" adalah dipotong dan digantikan dengan "hendaklah diadakan dua Mahkamah Tinggi yang mempunyai bidang kuasa dan kuasa".

Kami membantah sekeras-kerasnya pindaan ini yang jelas merosakkan nadi sistem Kerajaan sebagaimana diharapkan di bawah Perlembagaan Malaysia. Perlembagaan Malaysia kita telah dengan jelas memperuntukkan tiga cabang tugas dan fungsi yang berasingan yang biasa digambarkan sebagai Doktrin Perpisahan Kuasa. Daripada itu pihak Perhakiman yang melaksanakan kuasa-kuasa perhakiman dalam Persekutuan sepertimana kuasa Eksekutif yang diletak pada Yang di-Pertuan Agong yang dibuat menerusi Kabinet, sementara kuasa Perundangan atau Legislative terletak pada Parlimen.

Pindaan yang bertujuan memotong perkataan "kuasa Kehakiman" adalah jelas satu percubaan untuk menghapuskan perletakhakkan kuasa-kuasa ini dalam Mahkamah-mahkamah Tinggi di negara kita. Pindaan ini bermaksud untuk menimbulkan keraguan tentang bentuk dan tugas-tugas mahkamah, kerana adalah tugas mahkamah undang-undang untuk melaksanakan kuasa-kuasa yang berbentuk perhakiman ataupun judicial powers, dengan izin. Dengan pindaan ini, ia akan menafikan peranan mahkamah sebenarnya sebagai seorang tengah ataupun arbitor, dengan izin, dalam penyelesaian terhadap pertikaian antara warganegara dengan yang lain dan juga antara warganegara dengan Kerajaan. Pada masa yang lalu dan hinggalah ke hari ini mahkamah memainkan peranan perlindungan untuk mempertahankan hak dan kebebasan rakyat jelata terhadap mana-mana gangguan atau percubaan ke atas mereka oleh cabang Perundangan dan Eksekutif. Kerana

fungsi inilah yang menjadikan konsep kuasa Kehakiman, satu senda dan ciri yang amat perlu dalam sistem berdemokrasi di negara kita.

Cadangan pindaan yang terdapat dalam Fasal 8 jelas bertujuan untuk menghadkan kuasa-kuasa mahkamah yang dilaksanakan selama ini. Lebih-lebih lagi ia juga bertujuan untuk menyekat mahkamah-mahkamah daripada mencegah penyalahgunaan dan tindakan berlebihan oleh pihak Eksekutif. Dengan pindaan ini bermakna bahawa mulai sekarang dan seterusnya, mahkamah hanya boleh memutuskan perkara-perkara yang ditugaskan kepada mereka oleh Parlimen di bawah undang-undang bertulis.

Satu lagi pindaan yang terlalu drastic controversial ialah Fasal 10 Rang Undang-undang yang bertujuan untuk menambah kepada Perkara 145, satu Fasal baru (3A) yang akan membolehkan undang-undang Persekutuan memberikan kepada Peguam Negara kuasa untuk menentukan mahkamah-mahkamah dalam mana satu tempat di mana apa-apa prosiding yang dia berkuasa memulakan, hendaklah dimulakan atau ke mahkamah mana prosiding itu hendaklah dipindahkan. Pindaan ini dikemukakan bagi membetulkan keputusan Kehakiman dalam mana sijil pertukaran yang dikemukakan oleh Peguam Negara telah dicabar pada masa yang lalu. Sekarang ia memberikan Peguam Negara kuasa-kuasa yang tidak terhad ataupun unfettered powers, dengan izin, untuk memutuskan mahkamah-mahkamah dalam mana atau tempat di mana apa-apa prosiding yang dia berkuasa di Fasal (3) untuk memulakan, hendaklah dimulakan atau ke mahkamah mana prosiding itu hendak dipindahkan. Pindaan ini jelas bertujuan untuk membenarkan Peguam Negara mendapat kes-kes Kerajaan dibicarakan di depan hakim-hakim yang "mesra" atau, dengan

izin, dalam bahasa Inggeris friendly judges dalam tempat-tempat yang mesra atau friendly avenues. Apa yang lebih memeranjatkan ialah bahawa pindaan ini akan membolehkan Peguam Negara memindahkan kes-kes yang separuh dibicarakan ke mahkamah-mahkamah lain jika dia mendapati prosiding itu tidak memihak kepada Kerajaan.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Perkara 5 untuk memperuntukkan bahawa seseorang selain daripada seorang warganegara yang ditangkap atau ditahan di bawah undang-undang yang berkaitan dengan imigresen mestilah dikemukakan ke hadapan majistret dalam tempoh 14 hari dan bukan dalam tempoh 24 jam. Pindaan ini sangat mengelirukan. Jika undang-undang am kita memperuntukkan bahawa seseorang warganegara mesti dikemukakan di hadapan majistret dalam tempoh 24 jam dari penangkapannya, mengapakah kita membezakan dengan orang asing di mana tempoh bagi mereka ialah 14 hari, sedangkan kesalahan tersebut adalah berkaitan dengan imigresen sahaja. Jika seseorang telah melakukan kesalahan di bawah undang-undang imigresen kita dan dia ialah seorang asing, tindakan yang betul yang harus diambil ialah untuk menghantar balik orang itu atau membicarakannya di mahkamah kita. Ini nampaknya tidak berasas untuk mengadakan perbezaan itu dalam undang-undang apabila perbezaan itu tidak wujud dalam hukuman mati bagi orang-orang asing berhubung dengan kesalahan mengedar dadah.

Dalam saat apabila Malaysia sedang berusaha dengan giat untuk menggalakkan pelancong asing melawat Malaysia, maka pindaan seperti Perkara 5 (b) ini boleh menyebabkan petanda yang tidak disukai oleh pelawat-pelawat asing.

Tuan Yang di-Pertua, Parti DAP tidak boleh menerima pindaan-pindaan ini kepada Perlembagaan terutama pindaan kepada Perkara 121 dan Perkara 145 yang merupakan satu serangang keras ke atas Doktrin Perpisahan Kuasa dan pemberian kuasa-kuasa yang tidak boleh dicabar kepada Peguam Negara untuk menentukan dan memilih mahkamah-mahkamah yang disukainya bagi membicarakan kes-kes yang dimulakannya.

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan kita ialah amat suci dan membuat pindaan-pindaan ke atasnya adalah satu langkah yang serius dan murni yang mesti dilakukan dengan perhatian dan pengawasan sebaik-baiknya dan dengan rasa tanggungjawab yang tinggi. Sesuatu tindakan itu akan hanya bermakna jika ia dilaksanakan demi kepentingan negara dan rakyat dalam memenuhi cita-cita demokrasi dan keadilan dan bukan untuk menghina dan tidak mengindahkan pihak perhakiman.

Masih terdapat banyak lagi pindaan-pindaan yang lebih penting yang patut ditimbang demi kepentingan keadilan. Pindaan tersebut yang telah lama dinantikan yang patut diperkenalkan ialah berkaitan dengan Perkara 122 mengenai perlantikan hakim. Tadi dalam ucapan Yang Amat Berhormat, beliau juga ada menyentuh tentang kes-kes yang berjumlah lebih kurang 300 ribu kes yang belum dibicarakan, maka di bawah Perkara 122 Perlembagaan tentang komposisi Mahkamah Tinggi, adalah diperuntukkan bahawa bilangan hakim-hakim Mahkamah Tinggi dalam Mahkamah Tinggi di Malaya hendaklah tidak melebihi 27 orang. Perkara ini patut dipinda bagi memperuntukkan lebih ramai hakim bagi Mahkamah Tinggi Malaya bagi menampung timbunan kes-kes mahkamah yang begitu banyak. Juga terdapat kekurangan bilangan hakim

dan bangunan mahkamah pada masa ini dan akibatnya berlaku banyak timbunan kes terutama berkaitan dengan kes-kes di mana penaltinya ialah hukuman mati yang mana kes-kes itu terpaksa menunggu sampai 5 hingga 8 tahun bagi dibicarakan di mahkamah. Sebagaimana berbunyi pepatah "melengahkan keadilan samalah seperti menafikan keadilan" dan oleh yang demikian adalah amat penting bahawa lebih ramai hakim dilantik menerusi pindaan kepada Perkara 122 Perlembagaan.

Pada akhirnya, saya bagi pihak DAP ingin merakamkan bantahan kami yang tidak bertolak ansur kepada Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) tahun 1988, terutama pindaan kepada Perkara 121 dan 145 berdasarkan kepada sebab-sebab yang disebutkan awal-awal tadi.

Bangkangan kami bukan berdasarkan emosi tetapi di atas persepsi kami tentang apakah bentuk Perlembagaan yang sepatutnya memenuhi harapan dan aspirasi semua rakyat Malaysia yang menerima doktrin perpisahan kuasa keluhuran undang-undang dan keadilan.

Sebenarnya, ingin saya menegaskan di sini bahawa pindaan-pindaan secara beruncit-runcit ataupun dengan izin, amendment, in the piecemeal manner kepada Perlembagaan ini tidaklah satu cara yang harus dilaksanakan. Apatah lagi apabila pindaan-pindaan ini adalah bertentangan dengan kepentingan negara.

Apa yang harus kita melakukan ialah untuk mengadakan satu pengkajian penuh ke atas Perlembagaan Malaysia selepas 30 tahun merdeka. Dalam pada itu, DAP menyeru sekali lagi supaya ditubuhkan dengan segera sebuah Suruhanjaya untuk mengkaji Perlembagaan ataupun Constitutional Review Commission, dengan izin, supaya ia benar-benar merangkumi falsafah Rukunegara dan cita-cita rakyat

Malaysia dari semua kaum untuk mewujudkan sebuah negara Malaysia yang benar-benar adil dan demokratik. Sekian. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bakri.

5.53 *ptg.*

Tuan Chua Jui Meng (Bakri): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan penting yang terlintas pada fikiran Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini ialah sama ada pindaan-pindaan kepada Perlembagaan Malaysia mengenai mahkamah Syariah, bererti orang-orang bukan Islam akan tertakluk kepada bidang kuasa dan perundangan mahkamah Syariah. Dalam istilah yang ringkas dan mudah apa yang merunsingkan para Ahli Parlimen bukan Islam ialah sebagai contoh adakah seorang bukan Islam yang tertangkap atas kesalahan berkhawat atau berzina ataupun meminum arak di tempat awam boleh dibawa menghadapi perbicaraan dan hukuman di mahkamah Syariah?

Kekhuatiran-kekhuatiran yang asas ini ditimbulkan oleh pengkajian ke atas peruntukan-peruntukan Fasal 2 (*b*) dan Fasal 8 (*c*) dalam Rang Undang-undang ini. Sebelum saya memberi satu analisa mengenai peruntukan-peruntukan ini, adalah baik kalau kita mengkaji cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Perikatan dan Suruhanjaya Reid semasa mereka menggubal Artikel-artikel mengenai agama bagi Perlembagaan kita sebelum kemerdekaan.

Pelbagai pandangan dan pendapat telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Reid mengenai hal ini. Suruhanjaya Reid ada menyatakan dalam Lapornya bahawa jika Islam hendak diisytiharkan agama Persekutuan, ia

mesti bersyarat kepada, dan saya memetik: "It must be made clear that it would not in any way affect the civil rights of the non-Muslims".

Tuan Hakim Haji Abdul Hamid, Wakil Suruhanjaya Reid dari Pakistan telah mempertahankan kemasukan peruntukan agama Islam sebagai agama Persekutuan ke dalam Perlembagaan. Saya memetik beliau: "A provision like the one suggested above is innocuous. Not less than 15 countries of the world has a provision of this type entrenched in their constitution. If in these countries a religion has been declared to be the religion of the State and that declaration has not been found to have caused hardships to anybody, no harm will ensue if such a declaration is included in the Constitution of Malaya".

Pada mulanya Baginda-baginda Sultan-sultan sendiri tidak bersetuju dengan kemasukan fasal agama kerana mereka khuatir jika Islam dijadikan agama Persekutuan, Ketua Persekutuan akan menjadi ketua agama. Dengan demikian akan mengikis hak istimewa mereka sebagai ketua agama Islam di negeri-negeri mereka sendiri.

Parti Perikatan ketika itu berjaya mententeramkan perasaan Baginda-baginda dengan menerangkan kepada Baginda-baginda Sultan bahawa peruntukan agama itu tidak bermaksud mengikis hak istimewa mereka itu dan maksud yang sebenar ialah demi tujuan-tujuan istiadat sahaja seperti membaca doa semasa upacara rasmi.

Tuan Yang di-Pertua, akibatnya Artikel-artikel 3, 11 dan 12 (2) Perlembagaan Persekutuan yang merupakan keseimbangan kepentingan-kepentingan orang-orang Islam dengan orang-orang yang bukan Islam telah terwujud. Ciri-ciri yang terpilih mengenai Artikel-artikel ini ialah 3 (1). Agama Islam ialah agama

bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan:

Artikel 11 (1) tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal 4, mengembangkan agamanya.

Artikel 12 (3) tiada sesiapa pun boleh diwajibkan menerima ajaran-ajaran mengenai apa-apa agama atau mengambil bahagian dalam apa-apa upacara atau sembahyang sesuatu agama yang lain daripada agamanya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu perbahasan Parlimen dalam tahun 1958, Perdana Menteri yang pertama telah berjanji bahawa negara ini percaya kepada sebuah masyarakat yang berbilang agama dan saya memetik beliau: "I would like to make it clear that this country is not an Islamic State as it is generally understood. We merely provide that Islam shall be the official religion of the State".

Kenyataan-kenyataan di atas ini memang arif dan munasabah dalam konteks sebuah negara yang mempunyai penduduk yang hampir setengahnya orang-orang bukan Islam. Ia seharusnya tidak wujud sebarang percubaan mengenakan undang-undang dan nilai agama ke atas satu kelompok oleh kelompok yang lain. Sebarang percubaan untuk menguasai yang lain telah menimbulkan ketidakstabilan.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bakri, ada yang bangun.

Tuan Hashim bin Safin: Minta penjelasan.

Tuan Chua Jui Meng: Barisan dengan Barisan, boleh.

Tuan Hashim bin Safin: Sekadar penjelasan untuk semua, boleh ya? Terima kasih.

Tadi Yang Berhormat ada menyentuh tentang seolah-olah pemaksaan dari satu kelompok ke satu kelompok atau kepada pihak lain. Saya tidak hendak membuat hujah di segi undang-undang. Tetapi lojik misal kata dalam soal khalwat. Dari segi orang Islam memang salah dan undang-undang Syariah memang salah berkhawat ataupun mukaddimah zina.

Jadi bila berkhawat kalau orang Islam sahaja dihukum, sedangkan orang bukan Islam pun tahu bahawa ini melanggar dengan tatasusila dan kebudayaan Islam, kenapa mereka melakukan. Kalau hendak berkhawat, bersekedudukan duduk sama-sama bukan Islam, Okay. Itu satu kebebasan. Kalau dengan orang Islam tetapi kalau orang Islam yang kena hukum, sedap sama sedap, seronok sama seronok, sebelah kena hukum tidak patut. Apa lojiknya. Kalau tidak ada lojik, kenapa kita tidak boleh pinda undang-undang.

Jadi saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat dan saya ini juga merasa hak. Saudara merasa hak, kita merasa hak. Hak kita, ini minta penjelasan yang seikhlas yang boleh dan kalau tidak lojik, kita perlu pinda. Ini yang penting. Terima kasih.

Tuan Chua Jui Meng: Yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam hal perhubungan sex tidak ada logik, memang tidak ada logik, tetapi saya faham maksud kenyataan Ahli Yang Berhormat itu. Itu kita harap pada masa akan datang kita akan mengkaji dengan mendalam, tetapi sekarang biarlah saya meneruskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengulangi, sebarang percubaan untuk menguasai pihak yang lain telah menimbulkan ketidakstabilan dan

huru-hara di banyak kawasan di dunia ini. Peristiwa-peristiwa yang berlaku di Ireland Utara, Sri Lanka dan Lebanon adalah contoh-contoh yang ketara. Persoalan yang kita mesti tanya ialah sama ada wujudnya peruntukan dalam Perlembagaan kita sekarang yang menyatakan hukum syarak boleh diaplikasikan kepada orang-orang bukan Islam.

Pentafsiran saya mengenai Perlembagaan Persekutuan menunjukkan bahawa jawapannya ialah tidak.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian 4-Bab I, Perlembagaan kita membahagikan kuasa perundangan antara Persekutuan dan Negeri-negeri. Artikel 74, Fasal (2) menyatakan Dewan Undangan Negeri boleh membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan).

Dalam senarai Kedua, Jadual Kesembilan ia menyatakan bahawa hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang-orang yang menganut agama Islam sahaja, mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan terhadap rukun-rukun Islam oleh orang-orang yang menganut agama Islam sahaja dan keanggotaan penyusunan dan cara bagi mahkamah-mahkamah Syariah yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menganalisis peruntukan-peruntukan Fasal 2 (b) dan 8 (c) Rang Undang-undang ini. Adakah peruntukan-peruntukan ini bertujuan mengubah kedudukan orang-orang bukan Islam. Kesan dan akibat Fasal 2 (b) ini membenarkan pihak berkuasa menahan seseorang Islam sehingga 24 jam sebelum dihadapkan ke mahkamah Syariah. Dengan pindaan

ini 14 hari sebelum dihadapkan ke mahkamah Syariah.

Pada pendapat saya, ini hanya melibatkan orang-orang yang beragama Islam sahaja.

Fasal 8 (c) yang meminda Artikel 121 Perlembagaan adalah mengenai mahkamah tinggi. Mahkamah-mahkamah Tinggi dan bawahan tidaklah boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara bidangkuasa mahkamah Syariah. Adakah ini bermakna jika seseorang bukan Islam salah didakwa di mahkamah Syariah, beliau tidak akan dapat mengemukakan permohonan ke mahkamah tinggi mengisytiharkan dakwaan terhadapnya tidak sah di sisi Perlembagaan dan di sisi undang-undang. Ini kerana jika implikasi beginilah Fasal 8 (c), ia bermakna masuk melalui pintu belakang kerana tidak dapat masuk melalui pintu depan.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi mengikut interpretasi saya mengenai seksyen ini ialah mahkamah tinggi masih mempunyai bidangkuasa dan perundangan membalikkan dakwaan seperti itu supaya mahkamah Syariah tidak mempunyai bidangkuasa ke atas seseorang bukan Islam.

Adalah lebih menyakinkan jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menjelaskan bahawa peruntukan Rang Undang-undang ini tidak akan menjejaskan peruntukan Perlembagaan orang-orang bukan Islam yang sedia wujud.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengutarakan kerisauan ramai rakyat Malaysia terhadap proses Islamisasi negara dan niat pihak yang tertentu untuk mengubah sistem kehakiman negara kepada satu yang berasaskan hukum Syariah. Adakah Rang Undang-undang ini akan meningkatkan kedudukan mahkamah Syariah dengan membanteras

bidangkuasa Mahkamah Tinggi ke atas Mahkamah Syariah dan dengan tindakan sedemikian seolah-olah membuka pintu terkunci yang boleh membawa pembukaan pintu itu sedikit demi sedikit di masa depan kelak untuk membolehkan kuasa Mahkamah Syariah dikenakan ke atas orang-orang bukan Islam?

Saya berharap pihak Kabinet kita tidak akan berbuat demikian dan walaupun wujudnya desakan dan keinginan menjadi wira agama. Fikiran yang waras akan menang pada akhirnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak berjuta-juta rakyat Malaysia, ingin menyatakan dengan jelas akan pengenaan undang-undang dan nilai satu agama kepada yang lain di negara ini amatlah tidak boleh diterima. Ini akan merupakan satu cabaran ke atas toleransi rakyat kita. Kita harus arif meneliti kata-kata Jawaharlal Nehru. Saya petik, dengan izin:

“The alliance of religion and politics is a most dangerous alliance. I refuse to allow India to be slaughtered on the altar of bigotry”.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang membimbangkan saya ialah peruntukan Fasal 8 Rang Undang-undang yang meminda Artikel 121 Perlembagaan kita. Perlembagaan kita dalam erti kata yang sebenarnya adalah satu dokumen yang mengagumkan. Ia memperseimbangkan semua gerak-kuasa yang wujud dalam negara ini. Saya telah menyebut tentang keseimbangan yang wujud antara agama Islam dan agama-agama lain, Hak-hak Istimewa Orang-orang Peribumi yang diimbangkan dengan kepentingan sah kaum-kaum yang lain, kedudukan Bahasa Malaysia dengan bahasa-bahasa lain serta hak-hak Persekutuan dengan hak-hak Negeri. Selain daripada itu wujud pula keseimbangan antara kuasa dan

kepentingan pihak Executive, Perundangan dan Kehakiman. Ketiga-tiga organ negara ini bertindak meneliti dan mengimbang antara satu dengan lain, checks and balances, dengan izin.

Keadaan yang sedemikianlah yang membolehkan kita berdiri tegak sebagai sebuah negara yang mengekalkan amalan demokrasi berparlimen di satu dunia yang kian berubah. Perlembagaan kita telah memperuntukan setia organ negara kita itu satu asas Perlembagaan yang bebas dan tersendiri demi kewujudannya.

Tuan Yang di-Pertua, Artikel 39 Perlembagaan kita memperuntukkan asas yang tersendiri dan bebas bagi pihak Executive. Saya petik:

“Kuasa pemerintah bagi Persekutuan ada terletak pada Yang di-Pertuan Agong dan, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang persekutuan dan peruntukan Jadual Kedua, kuasa itu boleh dijalankan olehnya atau oleh Jemaah Menteri atau oleh mana-mana Menteri yang diberikuasa oleh Jemaah Menteri, tetapi Parlimen boleh dengan undang-undang memberi tugas-tugas pemerintah kepada orang-orang lain”.

Tuan Yang di-Pertua, Artikel 44 pula memperuntukkan bahawa kuasa perundangan Persekutuan adalah terletak pada Parlimen. Artikel 121 pula memperuntukkan bahawa kuasa kehakiman bagi Persekutuan adalah terletak pada dua Mahkamah Tinggi yang selaras bidangkuasa dan tarafnya.

Tuan Yang di-Pertua, kini peruntukan Fasal 8 Rang Undang-undang ini bertujuan memotong peruntukan-peruntukan perletak-hakan dalam Artikel 121 dan memperuntukkan dalam Fasal 1 Artikel itu bahawa bidangkuasa dan kuasa-kuasa mahkamah tinggi dan

mahkamah-mahkamah bawahan adalah sebagaimana yang diberikan oleh atau di bawah undang-undang Persekutuan. Apakah maksud kuasa atau kewibawaan kehakiman, dengan izin, what is the definition of judicial authority yang kita bahaskan pada hari ini. Jawapannya telah diberi dalam suatu kes. Kes itu bernama Dato' Yap Peng vs. Public Prosecutor di Mahkamah Tinggi oleh Yang Arif Hakim Zakaria Yatim yang telah dirujuk sebagai dan saya petik, Tuan Yang di-Pertua:

"The question that arises here is what is meant by the judicial power of the Federation which is vested in the two High Courts and the Subordinate Courts including Session Courts.

In Australia the words "judicial power" appearing in Section 71 of the Australian Constitution have been defined by the Australian High Court in *Hardad, Parker & Co. Proprietary Ltd. against Morehead*. Griffif, Chief Justice in his judgement in page 357 said: 'I am of opinion that the words "judicial power" as used in Section 71 of the Constitution means the power which every sovereign authority must have of necessity to decide controvercies between its subjects or between itself and its subjects whether the rights relate to life, liberty or property'."

Di Mahkamah Agung kes itu dirujuk ke Mahkamah Agung sebab ada rayuan oleh Pendakwaraya. Di Mahkamah Agung dalam judgement, dengan izin, Yang Arif Hakim Hashim Yeop Sani, beliau berkata:

"Judicial power is the power of the Court to decide and pronounce a judgement and carry into effect between persons and parties who bring a case before it for decision".

Itu ternyata judicial power adalah kuasa untuk mendengar dan membuat

keputusan antara pihak-pihak yang menghadapi mahkamah. Justeru itu, jika kuasa kehakiman diambil dari pihak kehakiman dan kini Parlimen mempunyai kuasa menggubal undang-undang untuk menentukan bidang kuasa dan perundangan mahkamah, ini bermakna Parlimen berhak meluluskan undang-undang untuk mengambil misalnya, kuasa mahkamah mendengar kes-kes perselisihan tertentu antara subjek dengan subjek atau antara subjek dengan Kerajaan. Implikasinya, Tuan Yang di-Pertua, sungguh luas.

Saya percaya Rang Undang-undang ini adalah akibat langsung keputusan Mahkamah Tinggi dan keputusan berterusan rayuan ke Mahkamah Agung dalam kes Pendakwaraya lwn: Dato' Yap Peng 1987. Pendakwaraya telah menukarkan kes pecah amanah dari Mahkamah Rendah ke Mahkamah Tinggi. Peguambela Dato' Yap Peng menyatakan di Mahkamah Tinggi bahawa tindakan Pendakwaraya adalah salah di sisi Perlembagaan akan tetapi Pendakwaraya berkata beliau berkuasa di bawah seksyen 418A Kod Prosidur Jenayah (Criminal Procedure Code) yang mengatakan:

"Notwithstanding the provisions of Section 417, the Public Prosecutor may in any particular case triable by a criminal court subordinate to the High Court issue a certificate requiring the court before which the case is pending to remove it to the High Court or at such other place as may be specified in the certificate and cause the accused person to appear or to be produced before the said High Court".

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Kedua-dua Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung memutus bahawa seksyen 418A Kod Prosidur Jenayah adalah tidak berperlembagaan dan salah kerana ia melanggar Artikel 121

Perlembagaan Persekutuan sebab kuasa ialah kuasa Kehakiman, bukan kuasa pihak Eksekutif. Jadi, tindakan Pendakwaraya mengarahkan penukaran kes itu melanggar kuasa kehakiman mahkamah yang diperuntukkan di bawah Artikel 121 Perlembagaan Persekutuan.

Mengikut Yang Arif Hakim Mohamed Azmi di dalam Mahkamah Agung, saya petik:

“Section 418A clearly confers judicial power on a body which is not a court and as such it is an interference of judicial power of the Federation as enshrined in Article 121”.

yang diberikan kepada pihak perhakiman.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa pihak Perundangan melalui pihak Eksekutif sekarang boleh meminda Artikel 145 untuk membenarkan Parlimen menggubal undang-undang memberikan kepada Peguam Negara kuasa untuk menukar kes-kes dari satu mahkamah ke mahkamah lain demi mengatasi soalan Artikel 121 seperti mana yang ditunjukkan dalam keputusan kes Dato' Yap Peng. Keadaan ini telah ditunjukkan melalui Fasal 10 Rang Undang-undang yang memperuntukkan dan saya memetik:

“Undang-undang persekutuan boleh memberi kepada Peguam Negara kuasa untuk menentukan mahkamah dalam mana atau tempat di mana apa-apa prosiding yang dia mempunyai kuasa memulakan di bawah Fasal (3) itu hendaklah dimulakan atau ke mahkamah mana prosiding itu hendaklah dipindahkan”.

Itu saya bersetuju, akan tetapi adakah ini merupakan satu perkara yang berlainan untuk menghapuskan langsung kuasa kehakiman Mahkamah Tinggi dan mahkamah-mahkamah

bawahan. Adakah ini merupakan reaksi atau tindak balas yang terlalu kuat dan terlalu hebat akibat keputusan kes Dato' Yap Peng ini. Adakah tindakan ini seolah-olah hendak mengutip buah dengan menebang pokok?

Tuan Yang di-Pertua, mungkin di sini tepat sekali kalau diingatkan kembali pesanan Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Shah yang diberi dalam satu ucapan pada bulan Ogos, 1987:

“Amendments solely be reaction to developments such as judicial decisions thought to be unfavourable but should be founded in a positive approach reviewing the philosophy behind the principles of the Constitution and the social objectives that the Constitution is designed to serve”.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang wujud kini ialah sama ada semua implikasinya bahawa pihak Kehakiman sebagai organ Kerajaan yang ketiga kini diletakkan di bawah tangan Perundangan dan selanjutnya pihak Eksekutif.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun mesti diperkatakan bahawa soalan ke bawahan tangan (subordination) pihak perundangan ini jika sebenarnya wujud mesti dilakukan dengan syarat wujudnya pelbagai peruntukan Perlembagaan dan undang-undang yang memberi kuasa dan kebebasan kepada pihak Kehakiman.

Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, kuasa mahkamah mendengar kes-kes sivil dan jenayah, kuasa mengkaji tindakan-tindakan pihak Perundangan dan Eksekutif berdasarkan Perlembagaan, kuasa dalam menghakimkan perselisihan antara Persekutuan dan Negeri, kuasa dalam mendamaikan permintaan-permintaan yang bertentangan antara Kerajaan dan rakyat, kuasa dalam hal

kebebasan dan obligasi dalam konteks hak-hak asasi seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan masih wujud. Fungsi-fungsi yang penting ini masih dijalankan oleh pihak Kehakiman. Mahkamah-mahkamah kita masih disegani oleh semua pihak dan masih menduduki suatu tempat yang mulia, bermaruah dan berkuasa dalam Perlembagaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum di bawah peruntukan Perlembagaan yang masih wujud sebelum Rang Undang-undang ini, Parlimen telah diberi kuasa di bawah perenggan 4 senarai pertama dalam Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan untuk menggubal undang-undang berkenaan dengan bidang kuasa dan perundangan semua mahkamah. Perkataan-perkataan di atas hampir serupa dengan perkataan-perkataan di dalam Fasal 8 Rang Undang-undang ini, iaitu saya petik:

“Mahkamah-mahkamah Tinggi dan mahkamah-mahkamah bawahan hendaklah mempunyai apa-apa bidang kuasa dan kuasa sebagaimana yang diberikan oleh atau di bawah undang-undang Persekutuan”.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah yang saya telah lafazkan, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

5.20 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Parti PAS petang ini suka juga mengambil bahagian sedikit untuk menarik pandangan Dewan mengenai Akta yang dibentang di hadapan kita pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya tidak akan bercakap panjang dan tidak

akan menyentuh butir-butir yang ada dalam Rang Undang-undang ini, hanya saya akan menyentuh dua perkara sahaja. Pertamanya mengenai tujuan pindaan. Yang keduanya, cara meminda.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan undang-undang tadi Yang Amat Berhormat telah begitu panjang memberi hujah-hujah untuk meyakinkan Dewan ini supaya kita tidak akan merasa sesuatu yang kurang dan cacat dalam meluluskan Rang Undang-undang ini. Tetapi bagi saya, walaupun hujah itu telah banyak dikemukakan dan boleh dipegang oleh pihak Kerajaan, tetapi dari sudut tujuannya saya tidak nampak kepentingan pindaan ini untuk menjamin kesemua pihak, tetapi mungkin ia ada tujuan-tujuan yang khusus yang akan didapati oleh pihak-pihak yang tertentu. Sebab, kalau kita mahu kaji dari sudut kelemahan undang-undang ataupun Perlembagaan Malaysia yang kita dukung hari ini dan begitu juga kalau kita kaji dari sudut kepentingan umum ataupun rakyat bagi menjaga keselamatan negara, bukan Akta ini sahaja perlu kita pinda ataupun bukan. Fasal ini, bahkan banyak kelemahan-kelemahan yang dapat kita lihat dan perlu Kerajaan mengambil satu sikap supaya Perlembagaan Malaysia ini khususnya dikaji dan dipinda pada keseluruhannya dan suara-suara yang mendesak dan meminta Kerajaan meminda adalah berlaku sepanjang masa, terutama dalam tahun yang lepas, bukan daripada orang biasa tetapi daripada ahli undang-undang sendiri menyeru dan mengajak Kerajaan supaya Perlembagaan ini perlu dipinda kerana usianya sudah 30 tahun dan dengan Perlembagaan yang wujud memang kita tidak dapat mengisi kehendak ataupun kepentingan umum, apa lagi untuk menjaga perpaduan dan sebagainya. Tetapi Kerajaan jawab dengan mudah, tak perlu pinda, undang-

undang-nya sudah cukup dan kita percaya undang-undang yang ada ini boleh memberi jaminan kepada pentadbiran negara hari ini.

Alih-alih petang ini tiba pindaan dan dibentang dalam Dewan ini dan itulah yang saya kata dari sudut tujuan dan kepentingan bukan menyeluruh, tetapi oleh kerana ada sesuatu dan inilah saya dukacita kerana saya nampak gambaran secara kasarnya.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah minta penjelasan.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah penjelasan apa maksud "sesuatu itu", sedikit sahaja.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tak beri.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak beri.

Tuan Hashim bin Safin: . . . atau-pun ada niat jahatkah?

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk, dia tak beri jalan. Sila teruskan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, susahlah saya, (*Ketawa*) tetapi nasib baiklah kerana apa yang dilakukan itu di hadapan Yang Amat Berhormat sendiri supaya dia dapat tahu anak buah dianya baik ataupun tidak. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila, hilang puncanya. (*Ketawa*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita memandang kepada kepentingan dan kelemahan undang-undang itulah sebagaimana saya kata, bukan Fasal ini perlu kita pinda bahkan kita mesti perlu meminda keseluruhannya; pertama untuk menjamin perpaduan, yang kedua untuk mengekalkan

demokrasi. Tetapi 30 tahun Perlembagaan yang kita dukung yang kita akui suci bersih, maka kita jugalah mengalami berbagai-bagai masalah, khususnya perpechan kaum. Sebab itulah saya tidak menuduh pindaan ini adalah pindaan untuk tujuan yang tertentu dan selalu berlaku pindaan seperti ini setelah berlaku sesuatu. Inilah kelemahan undang-undang manusia, bila terhantuk barulah timbul masalah. Kalau tidak terhantuk, jalanlah berapa lamapun boleh. Jadi, mengapakah undang-undang ini dibentang dan supaya kita terima dan lulus.

Tuan Yang di-Pertua, yang mendukacitakan saya, saya kata tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita hari ini sentiasa menggambarkan bentuk rupa perbalahan, bentuk rupa pertentangan dan setiap kali berlaku ataupun dilaku adalah gambaran-gambaran seperti apa yang disebut dalam membentang hujah-hujah tadi, saya rasa beliau secara terus-terang mencabar kedudukan keadilan mahkamah ataupun kejujuran hakim. Setelah 30 tahun dan Pak Perdana Menteri tidak pernah disedari Akta ini lemah ataupun sebagainya bahkan zaman Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman dahulu sampai dia berterusterang mengatakan hakim kita, tetapi hari ini ada Perdana Menteri yang tidak mengaku setengah-setengah hakim dari segi kejujurannya. Apakah nasib negara Malaysia kalau Yang Amat Berhormat sendiri sudah mengemukakan dalam Dewan ini kes-kes yang belum diselesaikan 300,000 lebih lagi sedangkan hakim masih ada, perbicaraan masih berlaku, keputusan masih berjalan. Bagaimana kalau satu hari hakim rasa dia tidak berguna, dia meletak jawatan, habis semua sekali, bagaimana kes-kes yang ada dalam negara (*Ketawa*), bagaimana? Sebab Kerajaan sudah tidak percaya, Kerajaan sudah tidak yakin, tetapi ada juga.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang bangun hendak beri jalan?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tak beri.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak beri jalan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Oh, tak beri, tak bertanggungjawablah.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Nantilah bercakap masa dia.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Simunjan pula bangun, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tak beri juga.

Tuan Yang di-Pertua: Tak beri juga. (*Ketawa*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Sebab saya bercakap tadi saya beritahu, saya tidak hendak bercakap panjang, saya bercakap pendek. Kalau tanya, lagi panjang (*Ketawa*). Jadi, gambaran saya nampaknya apa yang dilaku oleh kita hari ini, terutama sekali tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini sentiasa menggambarkan permusuhan dan saya sendiri walaupun parti Pembangkang yang menjadi musuh kepada Kerajaan, Yang Amat Berhormat mengatakan tadi ada hakim memihak kepada Pembangkang.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tak beri.

Tuan Hashim bin Safin: Point of order, sila duduk. Apa point of order itu?

Tuan Hashim bin Safin: 36 (6), "Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain ." Ini lagi sekali, selalu mengeluarkan sangkaan jahat kepada orang lain, lepas itu minta maaf. Apa kerja pemimpin PAS ini? Hendak minta maaf pula lepas ini?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup, Yang Berhormat. Saya rasa tak sampai kepada taraf sangkaan jahat itu. Sila teruskan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Dua anak buah Yang Amat Berhormat. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, jadi gambaran sebagaimana yang saya kata, apa tindakan yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat menggambarkan perbalahan, menggambarkan permusuhan. Sebagai mana satu masa berlaku dengan pindaan Akta juga menggugat kedudukan istana yang terpaksa Akta itu ditarikh balik. Jadi, hari ini nampaknya semua masyarakat Malaysia jadi musuh kepada Yang Amat Berhormat, sampaikan Hakim pun hari ini sudah jadi kepada musuh? Apa hendak jadi negara ini. Mungkin negara ini akan terbakar hangus, kalau keadaan begini. Ini kenyataan, Tuan Yang di-Pertua, bukan sangkaan jahat.

Perdana Menteri: Saya hendak buat penjelasan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Bolehlah.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke Kelantan hari itu, bukan main ramai lagi orang datang menyokong. Dia kata semua

orang tidak bersetuju dengan saya, macam mana? (*Tepuk*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Mungkin lah fasal Yang Amat Berhormat terperasan dengan sokongan itulah berani membuat pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Jadi, Tuan Yang di-Pertua. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah bercakap berkenaan dengan undang-undang ini sedikit? Jangan bercakap. . . .

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Yang kedua, saya ringkaskanlah. Saya beri peluang kepada orang lain. Kedua, cara meminda, benarlah sebagai mana wakil dari Bukit Bintang menyatakan sepatutnya undang-undang ini yang menjadi pokok dan asas pengendalian pentadbiran negara yang mana dengan undang-undang inilah kita akan tentukan, kita lihat bagaimana suasana yang berlaku dalam negara. Jadi, bila berlaku sesuatu pindaan, perlulah diberi masa, beri tempoh yang panjang supaya kita sama-sama buat kajian dan kami dari pihak Pembangkang, kami tidak akan menentang kalau kami dapat menerimanya.

Saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, bila lulus satu undang-undang, undang-undang ini tidak berfungsi, hanya dari satu pihak pandang baik, dan satu pihak lagi pandang tidak baik maka zaman Kerajaan ini dia bunuh kerana kepentingan ada baginya. Datang Kerajaan lain pula dia berasa rugi, tidak sesuai, dia pinda pula. Jadi undang-undang jadi bola, berguling, berguling, berguling. Jadi bila undang-undang jadi bola, ertinya undang-undang itu tidak berfungsi. Undang-undang itu tidak adil, undang-undang

yang digunakan oleh kuasa orang-orang yang berkuasa untuk kepentingan dia. Ini mungkin begitu. Dan saya tidak hendak mencabar sesiapa, tetapi saya dukacitalah, Akta ini dibentangkan dengan secara gopoh-gapah, sedangkan Yang Amat Berhormat sendiri sekejap tadi pun berkata kita ini demokrasi. Saya tidak pernah faham dakwaan Kerajaan dengan demokrasi, sebab saya faham demokrasi ini untuk umum, tetapi demokrasi yang diagung-agungkan oleh Perdana Menteri untuk Kerajaan, untuk parti, bukan untuk umum. Kalau demokrasi untuk umum, memanglah kita hormati. Contohnya, Tuan Yang di-Pertua. Kalau demokrasi ini untuk umum maka semua orang boleh bercakap bebas, orang boleh bertindak bebas selagi tidak bercanggah dengan Akta ataupun pelbagai, tetapi apa yang kita dapat saksikan. . . .

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun pula.

Tuan Hashim bin Safin: Penjelasan sedikit mengenai demokrasi PAS di Kelantan boleh tidak?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak beri, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri.

Tuan Hashim bin Safin: Tidak beri, biarlah, apa hendak buat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Selama mana mahu jadi budak dalam Dewan ini. (*Ketawa*) Ini bukan tempat mengampu Menteri, bukan tempat cari jawatan dengan Menteri.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, ini sangkaan jahat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa percakapan Yang Berhormat tadi tidak elok.

Tuan Hashim bin Safin: Kalau tok guru perangai lagu ini, tidak patut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah, sila duduk!

Tuan Hashim bin Safin: 36 (6) sangkaan jahat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah, sila duduk. Saya akan mengambil tindakan. Saya harap Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa jangan menggunakan perkataan begitu. Yang Berhormat, sila teruskan ucapan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya kata sepatutnya Rang Undang-undang yang penting sama ada Rang Undang-undang yang sudah dibentangkan ataupun lain-lain, perlulah diberi masa, diberi tempoh supaya kita kaji, kita faham, bila kita kaji dan kita akan sokong Kerajaan, sebab undang-undang bukan untuk Kerajaan, undang-undang untuk keselamatan umum, tetapi mengapakah hari ini belum Rang Undang-undang diluluskan, kita dapati ada pertikaian dan dengan masa inipun kita tidak nampak keadilan. Ini tidak berlaku demokrasi, jadi apa yang kita agung-agungkan demokrasi berparlimen, hakikatnya diktator berparlimen, bukannya demokrasi berparlimen. Seolah-olah Kerajaan hari ini kalau boleh tolong "ya" sahaja apa yang dia mahu. Itulah baru selesai, baru senang, dan kalau keadaan berlaku begitu, baharulah Kerajaan puashati dan baharulah nampak perpaduan, tetapi bila ada teguran, bila ada sanggahan, maka Kerajaan tidak boleh terima. Sebab itulah pada masa yang lepas, saya sudah bentangkan dalam Dewan ini, saya kata Kerajaan

ini yang dia marah kerana kritik dia. Kalau puji dia, kalau sokong dia, yang bising ini, budak-budak ini pun fasal inilah. (*Ketawa*) Kalau kita tegur Kerajaan, kalau tidak sokong Kerajaan, tidak ada apa-apa, dia sokong balik pula.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan budak, kita boleh bercakap mengikut peraturan, ada Peraturan Tetap 36 (6). Ini satu jangkauan. Secara tenang, saya hendak berhujjah dengan tok guru.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bangun atas apa?

Tuan Hashim bin Safin: Point of order 36 (6). Tuan Yang di-Pertua, satu perkataan yang jahat, nakal daripada seorang pemimpin PAS yang kononnya "tok guru"

Tuan Yang di-Pertua: Point of order atas apa itu?

Tuan Hashim bin Safin: mengatakan saya budak-budak nakal, budak-budak jahat datang ke Parlimen. Ini tidakkah sangkaan jahat?

Tuan Yang di-Pertua: Saya bersetuju.

Tuan Hashim bin Safin: Tidak patut. Tan Sri sudah minta tarik, jangan gunakan lagi. Tidak patutlah. Kita berhujjah secara bijak, secara bijaksana, gunalah kalau orang Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah. Cukup, saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, perkataan budak-budak jahat itu janganlah gunakan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, barangkali dia tidak mengaku budak berdasarkan kepada umurnya, saya kata berdasar kepada perangai dan kelakuan itu budak-budak.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat dari

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua sudah dua kali kata jangan sebut, tetapi kenapa dia masih gunakan. Siapa yang degil?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, jangan sebut ya?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak apalah, saya tidak sebut dah. (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, jadi cara inilah saya tidak dapat menerima dan saya gambarkan cara ini bukanlah demokrasi berparlimen, tetapi cara ini adalah diktator berparlimen, seolah-olah Kerajaan kalau boleh apa yang Kerajaan berhasrat, apa yang Kerajaan mahu, tolong "Ya" sahaja, jangan bantah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkataan "diktator" tidak dibenarkan dan telah pun dianggap sebagai satu perkataan unparliamentary. Saya minta ditarik balik perkataan diktator.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Perkataan mana Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Perkataan "diktator".

Tuan Haji Nik bin Haji Arshad: Tidak apa saya tarik balik. Tidak apalah. Saya tidak mahu bercakap dah, jadi dengan apa yang saya gambarkan itu, saya tidak dapat menerima walau sebanyak mana hujjah yang diberi oleh pihak

Kerajaan dan saya percaya Kerajaan selagi ada akal dia boleh reka hujjah dan dia boleh buat hujjah sama ada kita terima atau tidak terima, itu soal lain. Maka saya sebagai wakil pihak parti PAS, saya tidak dapat terima dan saya menentanglah Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.37 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi terima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta memberi pandangan dalam perbincangan Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988 ini ada beberapa perkara yang akan dipinda. Saya tidak bercadang untuk mengambil masa yang panjang, tetapi untuk memberi sedikit pandangan dan keraguan saya sebagai Ahli Dewan yang mulia ini untuk turut sama-sama menjelaskan "conscience" saya terhadap pindaan ini. Pertamanya, mengenai Perkara 5 terutama bersabit dengan penahanan selama 14 hari.

Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa masalah kemasukan orang-orang asing ke negara kita sekarang ini dalam berbagai bentuk. Ada di kalangan mereka pengedar dadah, ada di kalangan mereka penjenayah ataupun bermacam-macam golongan, maka sudah barang tentu pihak berkuasa yang selama ini diperuntukkan selama ini dalam tempoh 24 jam adalah tidak mencukupi, tetapi kita sedar juga untuk tempoh 14 hari ini juga masa yang lama yang mungkin boleh juga disifatkan sebagai bertentangan dengan hak asasi.

Walau bagaimanapun, saya sukalah mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, ataupun memberi pandangan bahawa dalam kita melaksanakan undang-undang ini, saya berharap sangat supaya pihak berkuasa sama ada Kastam atau Polis, mereka yang bertanggungjawab terhadap Akta ini, di dalam Perkara 5 ini, supaya di waktu menjalankan penyiasatan apabila masa diberi dengan lebih, janganlah masa itu dipersia-siakan. Janganlah masa 14 hari ini dilambatkan untuk memproses sesuatu kes.

Sebagaimana contoh dalam undang-undang Akta Keselamatan Dalam Negeri, kita memberi tempoh 60 hari penahanan kepada golongan tahanan ISA di mana kita percaya kadang-kadang penyiasatan boleh dibuat dalam masa tempoh 1 minggu ataupun 2 minggu tetapi oleh kerana masa diberi begitu lama, kadang-kadang pihak penyiasat mengambil masa yang akhirnya nanti meniadakan hak asasi seseorang individu itu. Maka berertilah bahawa saya mencadangkan di sini supaya pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam mengendalikan kes ini nanti, tidaklah mengambil masa yang diberi ini dengan sewenang-wenangnya.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan Perkara 83 mengenai dengan soal-soal pengambilan tanah oleh Kerajaan Persekutuan. Saya kira bahagian ini hanya memperincikan lagi kedudukan undang-undang sekarang ini bagi tujuan keseluruhannya untuk mempercepatkan proses pentadbiran dan pembangunan negara. Atas prinsip ini, saya boleh memberi sokongan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi perlaksanaannya hendaklah berhati-hati dan adil.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan perkara pemindahan di antara mahkamah Sivil dengan mahkamah Syariah, ini satu perkara yang saya menjunjung tinggi kerana pada

perbahasan Belanjawan negara pada tahun 1986 dahulu pernah saya menganjurkan supaya mahkamah Syariah diletakkan di tempat yang sewajarnya. Saya begitu dukacita dan amat kesal dengan Wakil dari Pengkalan Chepa di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini tadi, sedikitpun tidak menyebut masalah perkara yang bersabit dengan pemindahan mahkamah Sivil dengan mahkamah Syariah. Apakah kerana pindaan ini baik dan bertepatan dengan tuntutan PAS sendiri satu ketika dahulu, maka perkara yang baik sudah tidak diberi sokongan? Sebab itu di waktu membahaskan Titah Ucapan Di-Raja baru-baru ini, saya mengatakan konsep mengkritik ini haruslah dijalankan dalam bentuk yang sihat, mana yang baik kita sokong dan mana yang tidak baik kita memberi pandangan dan teguran. Tidak semata-mata kita membangkitkan perkara yang tidak baik tetapi kita menyembunyikan perkara-perkara yang baik. Ini adalah satu amalan yang tidak sihat dalam konsep demokrasi yang kita amalkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kedudukan mahkamah Syariah, saya kira selama ini mahkamah Syariah duduk di bawah mahkamah Sivil. Sesudah mahkamah Syariah membuat keputusan, kita boleh membawa perkara itu ke mahkamah Sivil, akhirnya kedudukan mahkamah Syariah berada di tempat yang kedua. Manakala negara kita adalah negara yang agama Islam sebagai agama rasmi, walaupun agama-agama lain dibenarkan, tetapi pada pandangan saya, apabila negara kita agama rasminya adalah agama Islam, maka sudah barang tentu Islam berada di atas segala-galanya. Tidak ada ertinya wujudnya fungsi mahkamah Syariah kalau keputusan mahkamah Syariah boleh dipinda atau boleh dirayu di mahkamah Sivil yang tidak selari dengan undang-undang Islam kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini satu perkara yang mungkin membimbangkan banyak pihak seperti yang dibangkitkan oleh Wakil dari Bakri tadi dan saya juga berpendapat ada sedikit perkara yang kita bimbang adalah masalah "miscarriage undang-undang" di dalam perjalanan di mahkamah Syariah nanti. Untuk itu, saya mencadangkan supaya program-program meningkatkan kemampuan, kemahiran dan keilmuan di kalangan hakim-hakim di mahkamah Syariah haruslah dipertingkatkan supaya nanti tidak ada miscarriage dari segi keputusan ataupun keadilan yang patut didapati oleh mana-mana pihak yang dibawa ke mahkamah Syariah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah bersabit dengan pindaan yang dibangkitkan oleh wakil dari Bukit Bintang dan oleh Wakil dari Pengkalan Chepa iaitu mengenai dengan perkara 121 pindaan (a) dan Fasal 3A Perkara 145. Memang perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, sudah barang tentu akan menjadi perbincangan dan perbualan hangat di kalangan rakyat jelata termasuk kita di Dewan yang mulia ini. Ini kerana pindaan perkara ini menimbulkan kegelisahan di kalangan rakyat jelata.

Dalam hal ini saya ingin mendapat penjelasan yang lebih daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam konsep "Doctrine Separation of Powers", sebab kita selama ini menjunjung konsep Doctrine of Separation of Powers iaitu di kalangan Executive, Judiciary dan Legislature. Tetapi dalam hal seperti ini nampaknya pindaan ini pada pandangan saya, mungkin saya daif dalam bidang ini, tetapi seolah-olah secara tidak langsung kita telah mengambilalih perjalanan pentadbiran mahkamah dan kalau ini berlaku, sudah barang tentu ianya akan dieksploitasi sepenuhnya oleh parti Pembangkang. Maka wajarlah

pihak Kerajaan menjelaskan dengan lebih detail, dengan lebih terperinci tujuan-tujuan kepada Perkara-perkara yang hendak dipinda ini supaya tidak timbul kegelisahan rakyat dan sedia menerima apa-apa kritik.

Memang kalau benarlah ada dua tiga orang hakim yang bersifat sepertimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apakah kerana dua tiga orang hakim ini seluruh sistem mahkamah terpaksa kita ubah sepertimana yang dikehendaki di dalam pindaan Perlembagaan ini? Katakanlah dua tiga orang dalam Kabinet atau di dalam Kerajaan membuat salah, seperti kita dengar tuduhan yang mungkin khabar angin, benar atau tidak, apakah perlu kita menghukum seluruh pemimpin-pemimpin negara? Saya tidak bersetuju dengan konsep seperti ini, dari segi conscience saya, walaupun saya menyokong apa jua yang hendak dibuat dalam konteks demi kebaikan perjalanan pentadbiran, pembangunan dan kehakiman negara kita mestilah adil dan tidak timbul kegelisahan rakyat. Saya percaya pihak DAP tidak akan berdiam diri, pihak PAS tidak akan berdiam diri, pihak akhbar-akhbar luar tidak akan berdiam diri dengan berbagai-bagai interpretasi nanti yang seolah-olah perkara "Doctrine Separation of Powers" ini sudah tidak ada lagi dalam negara kita. Maka diburukkannya lagi dan akhirnya nanti melibatkan pandangan-pandangan pelabur asing kepada negara kita. Hal-hal seperti ini sudah barang tentu kita tidak mahu berlaku.

Walaupun pandangan-pandangan yang saya kemukakan ini tidak semestinya sama dengan pandangan daripada DAP dan juga daripada PAS, sebab itu saya mengatakan conscience saya jelas dan di mana perkara-perkara yang baik kita akan memberi sokongan yang bulat, padu dan teguh, kepada perkara-perkara yang kita rasa perlu kita memberi

pandangan, bukan untuk mengatakan bahawa kita tidak bersetuju tetapi perlulah diberi penjelasan, diberi kajian yang lebih teliti supaya semua pihak dapat faham dengan perkara-perkara yang kita hendak pinda ini.

Baru-baru ini kita telah meminda Akta Rahsia kita telah meminda Akta Cetak, kita telah meminda Akta Polis. Memang banyak perkara-perkara ini dibahas di luar, diambil kesempatan oleh banyak pihak dan ini pula adalah satu pindaan yang saya rasa juga memberi kesan yang besar kepada seluruh struktur kedudukan Doctrine Separation of Powers yang sedang berlaku, yang sedang wujud dalam negara kita selama ini.

Jadi, itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon penjelasan ini kerana nanti membolehkan kita sebagai Ahli Dewan yang mulia daripada Barisan Nasional ini memperjelaskan apa jua perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pihak-pihak luar akan usaha-usaha yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan ini, kerana kita bimbang apa akan jadi pada masa depan negara.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

5.49 ptg.

Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahas tentang cadangan meminda beberapa Perkara dalam Perlembagaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi mengenai maksud atau tujuan untuk meminda atau menggubal pindaan-pindaan, sebab-sebab yang diberikan adalah bagi pentadbiran lebih efisien. Tuan Yang di-Pertua, alasan itu tidak benar dan DAP tidak boleh accept sebab

Kerajaan adalah ambil langkah ini dan pindaan ini khususnya pindaan terhadap Perkara 121 adalah satu serangan yang hebat kepada pihak Kehakiman. (*Tepuk*)

Pergaduhan Kerajaan terhadap pihak Kehakiman semua orang sudah tahu dan sudah lama dan kita Ahli-ahli di sini sekarang nampaklah langkah hari ini ialah menjadikan hasrat Kerajaan untuk memperkecilkan pihak Kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, satu alasan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang keperluan meminda Perkara 121 adalah sebab kedudukan di antara mahkamah-mahkamah dan Executive adalah samar-samar, adalah vague.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan dan kuasa Kehakiman adalah jelas dan Perkara 121 adalah menunjukkan jelas peranan dan kuasa Judiciary, tetapi siapa yang tidak faham dengan jelasnya adalah pihak Eksekutif. Tadi Perdana Menteri ada mengatakan bahawa "British Parliament" adalah supreme, tetapi DAP ingin memberitahu Perdana Menteri, Parlimen Malaysia tidaklah supreme, sebab Parlimen Malaysia ada Perlembagaan bertulis.

Pihak Kerajaan seperti Eksekutif, seperti Legislature, seperti Judiciary semua adalah di bawah Constitution, tidak ada sebarang pihak yang di atas Constitution, sebab itu apa yang dikatakan di Constitution sebagai Artikel 121 adalah supreme dan perlu dihormati oleh semua pihak, tidak kira pihak Judiciary, tidak kira pihak Eksekutif atau lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun ada kata Pindaan ini untuk mengelak atau prevent, gangguan dari mana-mana pihak. Nampaknya dari segi DAP pihak yang mengganggu selalunya ialah pihak Eksekutif, pihak Kerajaan.

Sepanjang masa ini pihak Kehakiman adalah menjalankan tugas mereka mengikut undang-undang, mentafsirkan undang-undang, peranan mereka perlu diambil, tetapi Kerajaan melalui Eksekutif tidak langsung menerima itu, tidak langsung menghormati kebebasan Judiciary itu. Kebebasan Judiciary adalah satu asas negara kita dan asas negara kita sudah lebih 30 tahun, ini bukan baru-baru sahaja, sudah lebih 30 tahun. Perdana Menteri sudah menjadi Perdana Menteri 6 atau 7 tahun - 8 tahun 1 bulan. Minta maaf. Semenjak tahun 1981, tetapi Kerajaan kita ataupun Constitution kita sudah berumur lebih 30 tahun dan pada masa itu ada 3 orang Perdana Menteri lain, iaitu Yang Amat Berhormat Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj, Allahyarham Tun Haji Abdul Razak dan Tun Hussein Onn. Ketiga-tiga bekas Perdana Menteri ini tidak langsung mencabar, menghina, mengurangkan kebebasan Judiciary. *(Tepuk)*

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sungai Petani bangun, hendak beri jalan?

Tuan Gooi Hock Seng: Tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri jalan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Marang, bangun.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: On a point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Point order.

Tuan Gooi Hock Seng: Apa order?

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap Yang Berhormat dari

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Duduklah dahulu.

Tuan Gooi Hock Seng: Apa order?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Marang!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: 36 (10) *(b)*:

“perkataan-perkataan membangkitkan perasaan melawan kuasa Kerajaan”;

Dia sebut 3-4 orang Perdana Menteri, dia hina macam-macam, apa cerita ini? Tarik balik!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang, jikalau sekiranya ada nasihat hendak suruh tarik balik, saya yang suruh tarik balik. *(Tepuk)*

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut 36 (10) itu, dia salah

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang, jangan bertengkar, sila duduk. *(Tepuk)* Yang Berhormat dari Bukit Bendera, perkataan Yang Berhormat mengatakan tadi iaitu ada orang menghinakan Mahkamah atau Hakim, saya rasa itu tidak beberapa betul. *(Tepuk)* Saya harap jangan gunakan perkataan siapa-siapa menghinakan Mahkamah.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Speaker, saya tarik balik perkataan itu dan saya rasa langkah ini akan mengecilkan kedudukan (status) Judiciary.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa 30 tahun ini bekas-bekas Perdana Menteri semua adalah menerima kedudukan Judiciary yang disebutkan di Constitution kita, sebab itu tidak hairan Perdana Menteri yang pertama Yang Amat Berbahagia Tunku Abdul Rahman, berkata “Negara kita baru-baru ini adalah menjalankan satu jalan pada dictatorship” *(Tepuk)* pada tahun yang lalu pada bulan Oktober, apabila

160 orang ditahan di bawah ISA. Itu pendapat seorang Ketua UMNO lama dan "Bapa Malaysia".

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Marang bangun!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Minta penjelasan!

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan hendak beri?

Tuan Gooi Hock Seng: Tidak beri.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri, ya!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Berilah.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, tujuan DAP hari ini dalam mengambil bahagian dalam perbahasan ini bukan sahaja untuk mengkritik Kerajaan, tetapi pindaan ini adalah amat serius dan penting sebab pindaan ini khususnya pindaan Artikel 121, adalah berkenaan asas Kerajaan, asas "Institution of Government", "Legitimacy of Government di negara ini. Ini bukan satu pindaan yang biasa, ini adalah satu pindaan yang asas tentang negara kita, tetapi Kerajaan, nampaknya pindaan ini semacam satu pindaan biasa, semacam satu "Regulation" atau "By Law". Ini adalah "ground rules on nationhood".

Tuan Yang di-Pertua, dengan satu pindaan yang amat penting macam ini, seperti Ahli dari Bukit Bintang tadi ada mengatakan, perlulah pindaan ini dikaji semula oleh satu Jawatankuasa Diraja dan saya akan tambah lagi, adalah perlu Kerajaan tarik balik pindaan ini dan melantik satu Select Committee kalau Jawatankuasa Diraja, tidak boleh diterima, satu Select

Committee untuk memberi peluang bagi rakyat Malaysia membincang satu perkara yang penting ini. (*Tepuk*) Ini bukan satu Jawatankuasa Barisan Nasional di mana apa kehendak-kehendak ketuanya boleh diterima dan diluluskan. Semacam Ketua MCA di dalam satu mesyuarat Barisan Nasional, dia telah jadi sejarah Barisan Nasional, pengerusi yang sangat pendek sahaja, tiga minit chairman, (*Tepuk*) satu farce.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada bersangkut.

Tuan Gooi Hock Seng: Saya haraplah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jangan sia-sia sahaja ataupun menganggap pindaan ini satu perkara yang kecil, satu perkara yang tidak ada apa-apa consequences yang berat. Tentang perkara ini, saya percaya ada banyak kalangan, ada banyak bidang-bidang di luar perlu diberi satu peluang untuk mengeluarkan pendapat mereka. Sebab pindaan seperti saya berkata tadi ada bersangkut institution of power, the very foundation of our Government of our country.

Tuan Yang di-Pertua, masalah Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah mereka tidak reconcole. Mereka juga menghormati, mematuhi undang-undang. Itu essence of administrative law yang mana-mana Kerajaan perlu ikut. Itulah peranan judiciary yang dikehendaki, sebab judiciary adalah seperti seorang referee di dalam satu permainan bola. Kerajaan adalah satu pihak players, Kalau Kerajaan boleh foul, mesti adalah satu pihak atau referee atau hakim mengutuk Kerajaan (*Tepuk*), Kerjaan tidak boleh diberi field day mencabar, melanggar undang-undang dan Kerajaan tidak boleh pada bila-bila masa mengikut kehendak mereka menukar undang-undang. Kalau mahu menukar undang-undang, mesti ikut Perlembagaan (constitution).

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, bangun.

Tuan Gooi Hock Seng: Tidak beri jalan.

Tuan Zubir bin Embong: Penakut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Terengganu, jangan gunakan perkataan penakut.

Tuan Zubir bin Embong: Baik, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Eng Seng Chai: On point of order 36 (6). Itu sangkaan jahat. Tarik balik, buat keputusan tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Saya dengar dia tarik balik tadi. Sila Yang Berhormat dari Bukit Bendera teruskan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu minta jalan.

Tuan Gooi Hock Seng: Boleh.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat dari Bukit Bendera sedar bahawa pindaan Perlembagaan ini, yang dikemukakan sekarang seolah-olah pihak Kerajaan mahu main bola sepak, tetapi dia mahu 15 ahli pemain untuk menentang sekumpulan lain yang terdiri daripada 5 orang sahaja. Ini semualah—selalu mahu meminda peraturan asas. Adakah dia sedia?

Tuan Yang di-Pertua: Jangan beri syarahan. Minta penerangan.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, di bawah pentadbiran Kerajaan, di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dewan ini banyak kali menyaksikan Perdana Menteri mengadu tentang konsep natural justice.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, on point of order. Peraturan 8—“Bahasa rasmi Majlis ialah Bahasa Malaysia, tetapi Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan penggunaan Bahasa Inggeris”. Dia menggunakan perkataan natural justice dengan tanpa izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila minta izin terlebih dahulu.

Tuan Gooi Hock Seng: Dengan izin, natural justice, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi tadi pun saya ada dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pun menggunakan natural justice tanpa izin dari Tuan Yang di-Pertua. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang bangun atas apa itu.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: On a point of order 36 (1), “seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu”. Kita bercakap tentang Perlembagaan. Dia bercakap tentang Perdana Menteri, itu tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera teruskan.

Tuan Gooi Hock Seng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti saya berkata tadi, kita ada banyak kali menyaksikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak menerima konsep, dengan izin, natural justice. Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apakah salahnya konsep natural justice ini? Saya harap apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab, Perdana Menteri boleh beri satu jawapan. Di dalam ucapan tadi, Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri ada bangkitkan banyak contoh-contoh menunjuk bagaimana natural justice, dengan izin, konsep itu tidak boleh diterima. Tetapi saya rasa sedih contoh-contoh yang dibawa semua, dengan izin, distortion. Tuan Yang di-Pertua, natural justice, dengan izin, adalah sangat terang prinsipnya seperti the right to be heard, dengan izin, apa salahnya the right to be heard.

Tuan Sim Kwang Yang: Nothing wrong.

Tuan Gooi Hock Seng: Apa salahnya? (*Disampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Kuching yang bercakap di belakang (*Ketawa*). Saya harap jangan buat begitu.

Tuan Sim Kwang Yang: Prompting—Prompting sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap jangan buat begitu.

Tuan Sim Kwang Yang: Minta maaf.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, apa salahnya prinsip itu—the right to be heard. Kalau di mana masa. . . .

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun. Atas apa Yang Berhormat?

Tuan Zubir bin Embong: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Gooi Hock Seng: Tidak beri.

Tuan Zubir bin Embong: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang dituduh bukannya adil mereka atau beliau diberi satu peluang untuk memberi jawapan atau satu bela. Apa salah itu? Langsung tidak ada salah. Dan mesti diterima sebenarnya oleh Kerajaan. Ini adalah satu prinsip, satu konsep yang diterima oleh semua Kerajaan yang demokratik, (*Tepuk*) bukan tahan orang dengan tiada perbicaraan. Bukan sahaja tiada perbicaraan, selepas perbicaraan, selepas menang lagi kena tangkap (*Tepuk*). Inilah Demokrasi ala-Malaysia.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun.

Tuan Hashim bin Safin: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan.

Tuan Gooi Hock Seng: Tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri jalan. Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah Kerajaan perlu mengkajikan mereka sebelum ambil peluang ini untuk menyerang kebebasan kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat pun juga ada berkata Malaysia ini adalah satu negara demokratik dan ada nilai-nilai sendiri. Kita dari DAP bersetuju Malaysia adalah satu negara yang independent dan ada nilai-nilai sendiri. Itu kita dalam DAP tidak bergaduh. Kita terima tatapi adalah separuh nilai-nilai universal kita mesti mahu terima tentang kebebasan judiciary.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun. Hendak minta apa?

Tuan Hashim bin Safin: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan.

Tuan Gooi Hock Seng: Tidak beri jalan.

Tuan Hashim bin safin: Ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Safin: Saya hendak merayu kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh. Saya tidak ada kuasa, jika dia tidak benar, saya tidak ada kuasa.

Tuan Hashim bin Safin: Kalau betul demokratik selepas kita bercakap, beri peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan Yang Berhormat daripada Tanah Merah.

Tuan Hashim bin Safin: Tidak boleh, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh. Sila teruskan Yang Berhormat dari Bukit Bendera. Ada consultation. Ada penasihat di belakang. (*Ketawa*)

Tuan Gooi Hock Seng: Penasihat, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya pun berasa kesal dan sedih, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggunakan peluang di Dewan ini mengecam, mengkritik anggota-anggota kehakiman pada hari ini. Ini adalah jadi apabila

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat daripada Marang bangun. Ya hendak beri jalan?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan.

Tuan Gooi Hock Seng: Tidak beri, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order apa itu.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: 36 (6), "Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain".

Tuan Yang di-Pertua: Tentang mana.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tidak betul tadi. Kalau dia sebut mengenai dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apa ayat tadi. Tetapi sangkaan jahat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat. Saya harap Yang Berhormat janganlah, sila duduk. Yang Berhormat dari Bukit Bendera sila teruskan.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi ada berkata atau menuduh tanpa asas-asas bahawa ada anggota kehakiman melibatkan dalam politik Pembangkang. Inikah keadilan. Saya rasa sedih. Sebab anggota-anggota kehakiman tidak boleh menjawab. Seriusnya tuduhan itu dan langsung tidak ada asas.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pengkalan Chepa bangun.

Tuan Gooi Hock Seng: Boleh (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Mereka hendak adakan Suruhanjaya sama-sama itu. (*Ketawa*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Berdasarkan kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bendera, tidakkah Perdana Menteri sebagai Menteri Kehakiman lebih baik perkara ini dia buat percicaraan di luar daripada buat tuduhan secara terbuka dalam Dewan ini? Tidakkah lebih baik kerana dia Menteri Kehakiman dan tiga Menteri di tangan dia?

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, tuduhan-tuduhan yang saya beri

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia minta penjelasan tadi, tidak jawab?

Tuan Gooi Hock Seng: Penjelasan?

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta penjelasan tadi.

Tuan Gooi Hock Seng: Saya setuju. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, tuduhan-tuduhan yang tersebut tadi adalah satu tuduhan yang liar dan nampaknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melanggar Peraturan 36 (8). 36 (8) berbunyi seperti berikut: "Kelakuan atau sifat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu atau Tuan-tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri atau Hakim-hakim dan lain-lain orang yang menjalankan keadilan mahkamah atau ahli-ahli Majlis Pasukan Bersenjata atau mana-mana Suruhanjaya Jawatan Kerajaan yang ditubuhkan menurut Bahagian X dalam Perlembagaan atau ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya" dan lain-lain. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah menjadi, dengan izin,

contempt. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak mencadangkan satu Usul.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak boleh mencadangkan Usul dengan tidak ada notis. Sila teruskan dengan ucapan.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, satu cadangan ditimbang, satu Usul dibangkitkan mengenai kelakuan atau perkataan yang dibuat oleh Perdana Menteri kepada Hakim-hakim Negara kita telah melanggar 36 (8) bahawa beliau diarahkan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh lagi satu perkara yang akhir tentang satu perkara yang dibangkitkan oleh Perdana Menteri. Ini ialah berkenaan tuduhan beliau ke atas satu Hakim berkenaan keputusan beliau bahawa Menteri yang berkenaan adalah "mala fide", ke atas satu kes penahanan di bawah ISA. Saya percaya kes itu adalah berkenaan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dari fakta-fakta yang diberi dalam ucapan.

Saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh faham bahawa kebebasan individu adalah satu kebebasan yang mulia, dengan izin, individual freedom, the rights of freedom adalah sacred dan freedom ini tidak boleh ditrample di mana-mana atau mengikut kehendak Menteri-menteri. (*Tepuk*) Kalau mahu tangkap, kalau mahu tahan sesiapa, ikutlah undang-undang. Hakim tersebut adalah tepat apabila beliau berkata bahawa tindakan Menteri itu adalah cavalier, adalah tepat (*Tepuk*) dan sungguh cavalier—casual and cavalier.

Tuan Yang di-Pertua, kes Ahli Yang Berhormat dari Jelutong adalah satu contoh lagi bahawa Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri tidak langsung menghormati Judiciary.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, jikalau Ahli Yang Berhormat merujuk kepada kes ISA, *habeascorpus* itu, saya mendapat tahu bahawa ada appeal. Ahli Yang Berhormat tidak boleh menyentuh perkara itu, ia menjadi *sub judice*.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu kes itu ada appeal.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya dapat tahu ada appeal.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik. Tuan Yang di-Pertua, saya akhirnya berharaplah Kerajaan tentang perkara ini, tentang kebebasan Judiciary janganlah goncang, janganlah goncang separation of powers yang ada dalam Perlembagaan kita. Terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam atau sehingga selesainya perbahasan di atas Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) diselesaikan, jika berlaku sebelum 7.30 malam.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya minta usul itu diberi satu salinan kepada saya.

Dato' K. Pathmanaban: Usul ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah dicadangkan "Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam atau pada masa perbahasan selesai jika sebelum 7.30 malam".

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada usul yang telah dibawa oleh Timbalan Menteri tadi yang berbunyi: Bahawa Majlis ini tidak ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam ini atau sehingga selesai perbahasan di atas perkara ini, jika berlaku sebelum 7.30 malam.

Dato' K. Pathmanaban: Selewat-lewatnya 7.30 malam.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta satu salinan. Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang berbunyi:

Saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam atau sehingga selesainya perbahasan di atas Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan).

Jadi Yang Berhormat minta supaya diselesaikan pada hari ini juga?

Dato' K. Pathmanaban: Perbahasan diselesaikan pada hari ini, jika tidak, kita mohon untuk menangguhkan.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi akan diambil undi pada hari ini.

Dato' K. Pathmanaban: Tidak diambil undi pada hari ini. Jawab pada hari ini.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana teks itu pun tak diterima oleh Tuan Yang di-Pertua

perhubungan di antara negeri-negeri dengan pihak Persekutuan akan rosak. Kita sudah menghadapi banyak masalah, masalah polarisasi kaum, masalah hasutan dan sebagainya dan tidak memerlukan suatu masalah lagi iaitu regional polarisation di antara Sabah/Sarawak contohnya dengan pihak Persekutuan.

Dalam konteks ini ingin saya mengemukakan pandangan daripada bukan sahaja pihak Pembangkang tetapi sebagai seorang anak Sarawak, tidak kira parti, tidak kira bangsa iaitu apabila Sarawak dan Sabah memutuskan untuk menyertai cadangan Malaysia, pada ketika itu Malaysian Accord dicapai dengan menerima cadangan-cadangan yang sudah dikemukakan dalam, dengan izin, Cobbold Commission Report serta Inter-Governmental Report. Cadangan-cadangan ini pun telah diambil dan menjadi sebahagian penting di dalam Perlembagaan Persekutuan ini iaitu Fasal 83, 84, 85 dan 86.

Tuan Yang di-Pertua, tanah menjadi soal pokok di arena politik di negeri Sabah dan Sarawak kerana tanah merupakan sebarang harta yang dapat mengeluarkan pendapatan kepada negeri-negeri itu dan di dalam konteks Federation ini, di dalam mengendalikan perhubungan di antara negeri-negeri dengan tahap Persekutuan tanah selalu merupakan suatu isu politik yang membakarkan. Maka dalam Perlembagaan Persekutuan asal, Fasal 85 contohnya, dengan izin, saya baca dari teks naskhah bahasa Inggeris itu:

"85. Release of land reserved for federal purposes.

- (1) Where any land in a State which is reserved for any federal purposes ceases to be required for those purposes, the Federal Government shall offer to release the land to the State on

condition that the State pays to the Federation—

- (a) the market value of any improvements made.
- (b) the amount, if any, paid by the Federation xxx" and so on

Dengan pindaan yang dicadangkan sekarang inisiatif serta kuasa kawalan terhadap soal ini bukanlah di bawah Kerajaan Negeri lagi tetapi sekarang di bawah pihak Kerajaan Persekutuan. Maka anak-anak Sarawak dan Sabah memang mengemukakan satu soal yang penting, tidak kira mereka datang dari profesion guaman ataupun mereka datang dari rumah panjang, kampung-kampung, bandar-bandar. Memang satu soalan besar, satu soalan pokok akan timbul iaitu sama ada kedaulatan Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam bidang tanah ini telah diserahkan kepada pihak Persekutuan khususnya di bawah pindaan yang dicadangkan ini pihak Persekutuan bukanlah dapat meminta geran permanent daripada Kerajaan Negeri untuk tanah sahaja tetapi nantinya boleh memberi tanah ini kepada sesuatu individu yang pihak Persekutuan menimbangkan perlu.

Saya tahu tujuan pindaan ini ialah supaya membolehkan proses penswastaan. Contohnya penswastaan Syarikat Telekom Malaysia supaya selepas pihak Kerajaan Persekutuan menswastakan STM hak tanah dapat ditukarkan kepada STM oleh kerana di bawah fasal-fasal asal tidak ada. Dan tujuan ini dapat difahamkan, tetapi hanya dengan tujuan untuk melicinkan pentadbiran sahaja.

Dalam mengemukakan satu pindaan Perlembagaan kepada Dewan yang mulia ini saya fikir kurang cukup oleh kerana kita mesti faham apakah maksudnya Perlembagaan Persekutuan, ini ialah perjanjian yang suci asal bagaimana kita akan hidup sebagai satu negara, bagaimana kita akan menyelesaikan soalan-soalan dan

gangguan-gangguan yang timbul. Dengan izin, Perlembagaan ini merupakan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bendera tadi inilah "ground rules of nationhood". Ianya mengenalpastikan identiti kita sebagai Malaysia, ini cara hidup semua orang Malaysia. Ini sebagai "ground rules" tidak dapat dipinda secara sewenang-wenangnya sahaja. Dan apabila pindaan dicadangkan seperti sekarang untuk melicinkan pentadbiran negara, tetapi sementara itu ianya pun membangkitkan masalah pokok seperti adakah pihak Kerajaan Negeri-negeri telah hilang hak tanah eksklusif dalam wilayah negeri-negeri itu, maka kita harus mempersoalkan banyak perkara-perkara dalam cadangan ini.

Maka saya cadangkan supaya Parliamentary Select Committee ditubuhkan esok. DAP memang mahu membuat banyak ucapan sehingga 7.30 malam supaya dia dapat dibincangkan esok dan saya harap Kerajaan boleh timbangkan tidak kira, dengan izin, party interest, tetapi bagi kepentingan negara, kepentingan kebangsaan supaya satu Parliamentary Select Committee ditubuhkan untuk Jawatankuasa ini pergi ke Sabah, Sarawak, Terengganu, Kedah dan sebagainya oleh kerana negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sini pun akan dikesankan oleh pindaan ini supaya memastikan bahawa apabila Rang Undang-undang ini balik ke Dewan yang mulia ini pihak Kerajaan sudah berjaya untuk mendapati pandangan seluruh rakyat kita supaya anak-anak Sarawak dan Sabah boleh merasakan puashati kerana perjanjian asal pada tahun 1963 telah ditunaikan, sekurang-kurangnya mereka diberi satu peluang untuk menasihati pihak Kerajaan ke atas satu tajuk yang amat penting. Inilah prinsip "natural justice" supaya mereka yang dikesankan oleh apa-apa cadangan ataupun undang-undang Kerajaan diberi peluang untuk mengemukakan

pandangan-pandangan mereka. Inilah "natural justice" yang baik.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Dalam konteks ini ingin saya sentuhkan sikap parti-parti politik di Sabah dan Sarawak juga ke atas perkara ini. Oleh kerana di bawah fasal-fasal tertentu dalam Perlembagaan Persekutuan ini, iaitu Perkara 161E, dengan izin, saya baca naskhah Inggeris:

"Safeguards for constitutional position of States of Sabah and Sarawak.

- (1) x x x x x x x x
- (2) No amendment shall be made to the Constitution without the concurrence of the Yang di-Pertua Negeri of the State of Sabah and Sarawak or each of the State of Sabah and Sarawak concerned, if amendment is such as to affect the operation of the Constitution as regards any of the following matters:
 - (a) x x x x x x x x
 - (b) the constitution and jurisdiction of the High Court in Borneo and the appointment, removal and suspension of judges of the court;
 - (c) the matters with respect to which the Legislature of the State may (or Parliament may not) make laws, and the executive authority of the State in those matters "(iaitu tanah)" and (so far as related thereto) the financial arrangements between the Federation and the State;"

Dalam hubungan ini saya sentuhkan perkara Borneo Court juga oleh kerana saya sudah terima satu rayuan

dari peguam-peguam dari bukanlah Sabah sahaja, mahupun Sarawak juga. Saya difahami bahawa Pengerusi Sarawak Advocate Association dengan Pengerusi Sabah Advocate Association sekarang sedang berjumpa, mungkin makan malam sekarang, dia berjumpa, esok pagi mereka akan mengadakan satu press conference, dengan izin. Saya difahami bahawa mereka menyediakan satu memorandum oleh kerana mereka adalah profesional-profesional yang baik yang mahu memberi pandangan-pandangan pakar mereka untuk dipertimbangkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya difahami bahawa mereka mahu menghantar memorandum tersebut kepada semua Ahli-ahli Dewan Rakyat, tetapi nampaknya mereka tidak ada chance oleh kerana esok Rang Undang-undang ini akan diluluskan.

Salah satu cadangan yang dikemukakan oleh mereka ialah dengan pindaan yang dicadangkan sekarang, saya baca Fasal 121 Perlembagaan Persekutuan, iaitu Bahagian IX terhadap judiciary. Perkara asal berbunyi seperti berikut:

“Subject to Clause (2), the judicial power of the Federation shall be vested in two High Courts of Co-ordinate jurisdiction and status, namely—

- (a) one in the State of Malaya. . . . ;
- (b) one in the State of Sabah and Sarawak, which shall be known as a High Court in Borneo and shall have its principal registry at such place in the States of Sabah and Sarawak.”

Di bawah pindaan yang ada sekarang, Perlembagaan Persekutuan akan dibaca lain seperti berikut, bukan “Subject to Clause (2), the judicial power of the Federation be vested in.....”—tidak lagi, hanya “there shall

be two High Courts of co-ordinate jurisdiction and status, one in Malaya, one in Sarawak and Sabah”. Maka pindaan yang dicadangkan ini telah melanggangkan hak bidanguasa Mahkamah Tinggi di Borneo, iaitu di Sabah dan Sarawak. Maka soalan inipun akan dibangkitkan adakah perjanjian di tahun 1963 akan ditunaikan. Maka dengan Perkara 161E Perlembagaan ini, Gabenor di negeri Sabah dan Gabenor di negeri Sarawak harus memberi kebenaran. Maksudnya, Dewan Undangan Negeri Sabah dan Dewan Undangan Negeri Sarawak perlu meminda Perlembagaan Negeri juga mengikut pindaan yang dicadangkan hari ini. Dan saya ingin mencabar, jika perlu, dan mencadangkan kepada rakan-rakan saya, saudara-saudara saya anak Sarawak dan anak Sabah supaya soalan ini apabila dikemukakan kepada Dewan Undangan Negeri, Jawatankuasa Pilihan Dewan Undangan Negeri dapat ditubuhkan juga ataupun Legislative Select Committee ditubuh di bawah kedua-dua institusi perundangan ke tahap negeri supaya semua rakyat Sarawak dan Sabah diberi peluang untuk, kalau perlu, mempertahankan hak unik mereka di dalam konteks Persekutuan ini.

Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak dan Sabah oleh kerana masalah komunikasi, kita jarang mendengar berita dari Sabah dan Sarawak. Oleh kerana itu Ahli-ahli Yang Berhormat di Sabah dan Sarawak selalunya mengeluarkan kenyataan awam mempertahankan hak asasi anak-anak Sarawak seperti Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sib. Hari ini dia tidak datang.

Di Sarawak cakap satu bentuk datang ke sini cakap lain. Saya harap Ahli-ahli Parlimen dari parti lain tidak berbuat demikian, khususnya hari ini Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dari Sabah dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dari Sarawak, 2

pemimpin terkenal itu, terkemuka itu pun datang ke Dewan yang mulia ini begitu mendesak, saya harap mendengar pandangan mereka sebagai pemimpin-pemimpin dari Sabah dan Sarawak, pemimpin-pemimpin tertinggi mewakili 3 juta orang. Boleh datang ke Dewan yang mulia ini memberi, dengan izin, articulation kepada hasrat negeri Sarawak dan negeri Sabah ini. Malangnya, mereka tidak nampak. Harap mereka boleh datang esok petang. Kalau tidak, mereka telah cuai. Sokongkah ataupun menentangkah Rang Undang-undang, tidak apa. Sekurang-kurangnya kedua-dua Ketua Menteri ini bertanggungjawab kepada tugas awam mereka supaya datang ke sini, setahun sekali pun "not too much", dengan izin, supaya mereka dapat memberi pandangan, jangan balik ke Kuching, balik ke Kota Kinabalu, mengeluarkan banyak kenyataan awam, tetapi datang di sini diam. Ini salah. Tuan Yang di-Pertua. . . .

Datuk Kadoh Agundong: (*Bangun*)

Tuan Sim Kwang Yang: Mahu apa?

Datuk Kadoh Agundong: Penjelasan.

Tuan Sim Kwang Yang: Boleh, sila.

Datuk Kadoh Agundong: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, sebenarnya Yang Amat Berhormat Datuk Ketua Menteri iaitu Ahli Yang Berhormat dari Keningau ada datang. Mungkin dia tidak nampak.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya tahu dia ada datang, tadi saya cakap saya nampak, dia ada datang, tetapi saya mahu dia bunyi, bukan datang sahaja, duduk sahaja. Bolehkah Yang Berhormat menjamin bahawa Ketua Menteri Sabah esok akan mengeluarkan kenyataan ke atas tajuk ini? Walaupun PBS satu parti yang boleh cakap fraternal kepada pihak

Pembangkang, kerana beliau dulu pun pihak Pembangkang, tetapi sekarang ini tugas awam (public duty) kita. Adakah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah esok akan mengeluarkan satu kenyataan penting ke atas ini. Bolehkah?

Datuk Kadoh Agundong: Soal jaminan itu mungkin saya tidak dapat menjamin, kerana kalaulah sifat Ahli Yang Berhormat itu monopoli sahaja ucapan ini, macam mana orang lain ada peluang untuk berucap. (*Ketawa*)

Tuan Sim Kwang Yang: Sekiranya Yang Berhormat boleh jamin bila-bila saya boleh "give way" kepada Ketua Menteri Sabah, oleh kerana dia orang lebih utama, pemimpin yang terkemuka, memang any time saya boleh give way. Sekarang saya duduk, sekarang dia berdiri cakap pun boleh, saya tidak mahu monopoli Dewan yang mulia ini.

Hakisan ke atas kebebasan kehakiman yang dicadangkan kepada Fasal 121 supaya tidak jelas lagi, di mana "judicial powers of Federation", dengan izin, diletakkan. Ini satu keadaan yang amat merbahaya. Saya tahu soalan ini sudah dibincangkan dengan banyak, tetapi ada perspektif dan sudut-sudut lagi harus dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, separation of powers bukan bermaksud bahawa ketiga-tiga cawangan dalam Kerajaan iaitu pihak Eksekutif, pihak Kehakiman, pihak Perundangan dapat bebas sahaja. Kalau ini persaingan kuasa tidak mempunyai maksud yang berguna. Memang mereka harus bebas, tetapi bukan sahaja supaya hakim-hakim jangan kacau pihak Kerajaan, supaya hakim-hakim selalu memberi keputusan yang memberi faedah pihak Kerajaan sahaja. Rasional di belakang kebebasan ketiga-tiga institusi ini ialah supaya oleh kerana mereka bebas, mereka boleh memberi, membekal checks and balances di antara satu sama lain.

Oleh kerana itu, pihak Kerajaan memang bebas, tetapi bukan bebas secara absolute, dengan izin, kebebasan pihak kehakiman, kebebasan pihak Kerajaan, kebebasan Dewan yang mulia ini tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang ada di bawah Perlembagaan.

Tadi, Yang Berhormat dari Bukit Bendera telah bercakap bahawa di Malaysia ini Perlembagaan adalah supreme, Parlimen tidak supreme. Memang ini benar. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri esok dalam jawapannya mungkin akan bercakap "Ya" tetapi Perlembagaan dapat dipindahkan. Memang ini diterima. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun boleh mengemukakan satu cadangan kepada Dewan yang mulia supaya meminda Perlembagaan supaya Yang Amat Berhormat ini dilantik sebagai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seumur hidup. Dia boleh berbuat demikian, tetapi dia tidak akan berbuat demikian. Kenapa? Dewan yang mulia ini mempunyai kuasa yang besar, termasuklah kuasa supaya memerlukan sebahagian penduduk-penduduk di negara ini membunuh diri, contohnya.

Kita memang mempunyai kuasa dan undang-undang ini pun harus dikuatkuasakan oleh kerana Undang-undang ini legitimate, tetapi kita tidak akan mengemukakan Rang Undang-undang ini, kenapa? Oleh kerana semangat-semangat yang tidak bertulis yang terkandung di dalam Perlembagaan ini. Prinsip-prinsip yang sudah diamalkan bukan di dalam Malaysia selama 30 tahun sahaja tetapi selama beratus-ratus tahun.

Untuk menyerang kebebasan kehakiman, untuk menyerang konsep natural justice, dengan izin, oleh kerana konsep ini berasal dari England sahaja tidak adil, enjin kereta, combustion engine,

contohnya, berasal dari United Kingdom. Kita pun hari-hari guna kereta.

Di Great Britain Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Puan Margaret Thatcher selalu pergi ke "House of Commons" untuk mengemukakan cadangan Rang Undang-undang. Kita pun ikut juga. Yang Amat Berhormat sendiri pun datang sini supaya meluluskan Rang Undang-undang berkenaan. Tidak maksudnya kalau berasal dari England sini memang salah. Maka saya pun boleh terima bahawa uniqueness di dalam kebudayaan, di dalam sejarah negara kita harus diberi perhatian penuh. Oleh kerana itu DAP pun tidak menentang kepada beberapa fasal dalam Perlembagaan ini yang harus ditolak kalau kita hidup di Amerika Syarikat, contohnya. Tetapi oleh kerana ada keadaan yang unique, kita tidak dapat nafikan, maka oleh yang demikian, masalah Malaysia adalah masalah Malaysia, nilai-nilai dan standard antarabangsa tidak mempunyai apa-apa kaitan di dalam cara kita menjalankan tugas kita. Oleh kerana konsep seperti kebebasan kehakiman, konsep natural justice sudah dibukti, sudah diuji, sudah diamalkan oleh banyak negara-negara, oleh banyak rakyat-rakyat sebagai satu konsep yang bukan perfect, tetapi konsep begitu mungkin merupakan, dengan izin, "the best of the possible world".

'Natural justice' bukan berkaitan dengan sama ada dalam Great Britain lelaki boleh kahwin lelaki, maka dia tidak boleh masuk ke negara kita Malaysia ini. Ini 'substantive laws', undang-undang tetap. Konsep 'natural justice' adalah berkaitan lebih dengan prinsip-prinsip untuk menubuhkan satu prosedur. Maka procedure laws harus mengambil keutamaan ke atas 'substantive laws'. Maka tekanan ke atas due process of the laws, dengan izin, merupakan pertimbangan yang amat penting. Konsep 'natural justice'

adalah dihargai oleh kerana ia telah mengambil beberapa konsep universal yang berdasarkan kepada penghormatan universal kepada setiap manusia, tidak kira bangsa, tidak kira negara. Contohnya, hak untuk setiap orang diberi layanan yang sama terhadap seorang hakim. Contohnya setiap orang tidak kira bangsa, agama ataupun kebudayaan harus diberi satu peluang untuk membela diri dan jikalau percubaan ini gagal, individu inipun berpeluang dan berhak kepada satu peluang rayuan. Inilah konsep 'natural justice'.

Tadi Tuan Yang di-Pertua menasihati Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera bahawa kes tahanan semula Karpal Singh itu tidak boleh disentuh oleh kerana kes ini sudah dihadapkan ke Mahkamah Tinggi untuk rayuan oleh pihak Kerajaan. Inilah membuktikan bahawa pihak Kerajaan sendiri pun mengakui kepentingan kehakiman. Maka saya tidak faham kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri datang ke Dewan yang mulia ini untuk menyerang hakim-hakim yang spesifik yang sudah melanggar Peraturan Tertib Mesyuarat ini. Kebebasan kehakiman adalah penting kerana mereka perlu diberi semua perlindungan untuk mereka memberi keputusan, dengan izin, without fear or favour. Kebebasan ini dijamin dalam Perlembagaan, kita tidak boleh mempersoalkan keputusan mereka, Kalau buat demikian, kita akan menghadapi tuduhan contempt. Mereka diberi gaji yang cukup, yang besar supaya mereka tidak takut, cari rezeki lain. Mereka susah diminta untuk meletak jawatan. Perlindungan-perindungan seperti berikut, seperti ini dikemukakan supaya hakim-hakim boleh menjalankan tugas tanpa takut ataupun oleh kerana mereka suka satu orang ataupun seorang lain. Ini satu prinsip universal yang dikhususkan oleh Lord Denning sebagai satu batu asas untuk demokrasi, untuk kepentingan negara, untuk

kepentingan kemanusiaan. Malangnya, hari ini datang ke sini dengan serangan tertentu bahawa hakim-hakim ada terlibat dalam politik Pembangkang, ada hakim-hakim yang berniat jahat, memberi keputusan mengikut budibicara (discretion), seolah-olah hakim di negara kita, ada terdapat hakim-hakim sekarang yang tidak menghormati undang-undang. Ini tuduhan yang amat serius. Saya cabar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menamakan hakim-hakim yang dia tuduhkan. (*Tepuk*) Siapakah hakim-hakim itu? Adakah ianya Datuk Harun Hashim ataupun Peh Swee Chin? Kita tahu kalau ada hakim yang jahat macam ini, kita mesti cari supaya boleh memperbaiki keadaan yang ada.

Maka sayapun terkejut mendengar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyalahkan hakim-hakim oleh kerana ada terdapat beratus-ratus ribu backlog kes-kes yang belum diselesaikan. Ada orang ditahan di bawah remand selama 8 tahun. Adakah masalah ini berlaku kerana hakim-hakim malas, tidak competent atau apa? —bukan. Sudah berapa kalikah pihak kehakiman mengemukakan permintaan kepada pihak Eksekutif supaya menubuhkan banyak lagi mahkamah-mahkamah (courts), supaya ramai lagi hakim-hakim dan majistret-majistret dilantik untuk mengendalikan backlog kes-kes ini tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kehakiman selalu cakap tidak ada duit! Kalau tidak ada duit, cari duit; kalau tidak ada duit, jangan menyalahkan pihak pegawai kehakiman.

Masalah asal ialah bukan ketidakcekapan pihak kehakiman tetapi pihak Eksekutif. Dan yang perlu diambil perhatian dalam perkara ini mungkinlah supaya pihak ataupun Jabatan Peguam Negara ini mengkaji semula undang-undang, peraturan-

Saya tidak cakap “Oh! Hakim ini niat jahat” Hakim ini mungkin kakitangan pihak Kerajaan mahu memberi repression kepada Ahli Yang Berhormat dari Pembangkang—tidak. Ini semangat, ini recognition pengakuan harus datang dari hati kita. Sekiranya seorang Hakim memberi satu keputusan yang tidak memberi faedah, tidak favour apa-apa pihak pun dan bermula dengan ini pihak yang sudah menderita ini sudah cakap, “eh! Hakim ini jahat”, mahu meminda peraturan asas supaya Hakim ini boleh dikawal, cubalah, Hakim-hakim tidak senang dikawal, pandai berfikir mereka—susah dikawal.

Dengan pindaan Perlembagaan inipun tidak akan senang dikawal, tetapi apa yang berguna ialah contoh bolasepak tadi. Kita boleh main bolasepak, you dari Barisan Nasional, saya dari DAP boleh main peranan ini. We can play this serious game, dengan peraturan-peraturan yang jelas, oleh kerana kita ada satu referee iaitu Tuan Yang di-Pertua. Referee kadangkala saya tidak begitu bersetuju, tetapi selalu hormat, boleh tidak bersetuju, tetapi boleh hormat. Ini okay. Tetapi apabila kita main bolasepak, “Oh! sudah kalah”, mana boleh kalah, “tipu” tidak sepak bola itu, tetapi sepak dia punya kaki “pap!” jatuh tidak boleh main—ini salah. Kalau referee datang “eh! referee datanglah” saya mahu beri you \$500—diam-diam, jangan buat apa-apa sahaja—ini salah. Sekiranya saya main dengan 15 orang, dia main dengan 5 orang sahaja memang saya menang, tetapi tidak berguna. Oleh kerana kalau peraturan-peraturan asas tidak diikuti, semangat sporting spirit tidak diikuti, keadaan baru akan timbul. Rakyat jelata akan soal apa gunanya peraturan-peraturan.

Dalam kes ini apakah gunanya Perlembagaan, apakah gunanya undang-undang. Lain kali saya ada problem, saya pergi mahkamah, tidak guna oleh kerana Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri menyerang banyak hakim-hakim. Jadi, tidak guna lagi. Sekiranya rakyat tidak mempunyai keyakinan penuh dalam kehakiman, ke manakah arahan yang kita akan pergi. Adakah rakyat mula—sekarang belum buat, tetapi mungkin sudah mula menimbangkan saluran extra-constitution. DAP memang tidak bersetuju. Walaupun ada orang masuk DAP, dia tidak ada apa, bila-bila boleh, tetapi tidak akan menggunakan apa-apa cara ultra-constitution. Ini satu jaminan yang kita memberi bukan kepada Barisan Nasional tetapi jaminan yang saya mahu memberi bagi pihak DAP kepada Yang di-Pertuan Agong dan rakyat Malaysia ini. Tidak akan datang dari DAP. Armed struggle, memang tidak ada. Tetapi sekiranya rule of law break down, dengan izin, adakah anasir-anasir jahat, mungkin mula take the law into their own hands. Oleh kerana itu, kita harus selalu menjalankan tugas kita dengan penghormatan penuh kepada semangat undang-undang, bukan letter sahaja.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merasa paling frust (*Ketawa*) kerana Hakim tidak hukum mengikut tujuan undang-undang asal. Saya boleh bersimpati dengannya. Contohnya dalam kes UMNO, saya tidak akan mengeksploitasikan isu ini. Saya sendiri

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun atas apa?

Tuan Hashim bin Safin: Point of order, Tuan Yang di-Pertua. Saya menggunakan point of order 36 (6) kerana saya nampak Yang Berhormat itu telah menampakkan sangkaan jahat dalam hujahnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku salah seorang Ahli di Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Perkataan apa Yang Berhormat? Sangkaan jahat apa?

Tuan Hashim bin Safin: Mengatakan kecewa dan sanggup mengguna sehingga hujahnya diheret kepada UMNO dan sebagainya, itu sangkaan jahat. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat lain diam.

Tuan Hashim bin Safin: Amat frust, itu sangkaan jahat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Perkataan "frust" itu short form, Yang Berhormat, untuk "frustrated".

Tuan Hashim bin Safin: Kecewalah maknanya. (*Ketawa*) Semua orang boleh faham.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak mengapa.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Merasakan "kecewa" walaupun perkataan-perkataan seperti "frust", "shock" sudah jadi satu bahagian Bahasa Kebangsaan—tidak mengapalah. Kita mahu menggalakkan the cut and trust, dengan izin, dalam perbahasan Parlimen supaya menganjurkan cut and trust ini, orang yang mengganggu mesti beri hujah-hujah yang menarik. Bukan cakap frust, perkataan ini jahat. Ini bukan hujah yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya telah buat keputusan.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam kes ini saya pun merasakan Akta Pendaftaran Pertubuhan-pertubuhan ini mungkin harus dikaji semula supaya satu akta bebas, satu akta persaingan akan dicadangkan untuk

parti-parti politik sahaja. Dan sayangnya, kasihannya UMNO sudah diharam sebagai salah kerana cawangan tidak sah sahaja, oleh kerana undang-undang asal digubal untuk mengendalikan gang-gang sahaja, secret society sahaja. Walaupun demikian, kalau kita membaca dari Rang Undang-undang ini satu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan, apa tujuannya? Tujuan dalam naskah ini, Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Perlembagaan Persekutuan, sebab lain tidak ada. Siapakah boleh tahu tujuan pindaan ini?

Saya dalam Dewan yang mulia ini bukan senior, bukan veteran lagi, hanya enam tahun sahaja, susah mahu menjalankan tugas. Ini berkaitan dengan process of legislature, dengan izin. Setiap kali saya datang ke Parlimen, setiap kali rakyat bertanya, "Ini kali pergi Parlimen bincang apa perkara?" "Tidak tahu Barisan Nasional tidak cakap." Tidak tahu apa Bill yang akan dibentangkan, apa isi kandungannya tidak tahu—datang ke sini, esok bahas—hari ini baru dapat naskah—baca susah, ini bukan loyar. Bahasa Malaysia bukan begitu kemas, masih lagi susah, tidak tahu apa tujuan. Ini tujuan undang-undang susah. Susah bukan kerana ini susah sahaja, tetapi susah kerana sebagai **satu fact** peraturan-peraturan primary. Rang Undang-undang ataupun undang-undang sahaja tidak dapat meliputi semua keadaan, tidak dapat menentang semua kes spesifik. Hanya dapat beri liputan kepada general case, dengan izin.

Oleh yang demikian, masalah tafsiran selalu akan timbul selama ada manusia sahaja. Maka itu perlulah peranan hakim sebagai referee yang bebas. Dan dengan ini saya ingin merakamkan perasaan tidak puas hati bagi pihak DAP dan kita akan menentang Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

7.27 mlm.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bahas atas perkara Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua, sama-sama rakan-rakan se parti (party) saya, saya pun tidak berapa faham apakah tujuan, apakah sebab kita hari ini duduk dalam Dewan ini sampai lebih kurang pukul 7.30 malam, apakah tujuan hendak mempercepatkan kelulusan Rang Undang-undang ini? Adakah ini berkaitan dengan kes-kes yang penting yang akan dibicarakan dalam mahkamah-mahkamah yang ada berkaitan dengan pergolakan, pertikaian politik parti-parti dalam Barisan Nasional sendiri? Tetapi sudahlah kita duduk sampai masa ini. Saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberi peluang saya berucap sepatah dua.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita ini mengamalkan demokrasi berparlimen, ikut peruntukan-peruntukan Perlembagaan Kebangsaan kita. Dan dalam satu demokrasi berparlimen memanglah ada, dengan izin, His Majesty's Government and His Majesty's Opposition iaitu Kerajaan Di-Raja dan Pembangkang Di-Raja, "sort of a royal opposition and a royal Government". Dan mengikut amalan dan praktik demokrasi berparlimen memang seringkali ada pertikaian yang akan diambil sampai peringkat tindakan mahkamah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung esok.

Dr Eng Seng Chai: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.